

Bil. 67

**Khamis
3 Disember 1998**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 17)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 1999.	(Ruangan 17)
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual-</u>	
Maksud B.47	(Ruangan 17)
Maksud B.48	(Ruangan 52)
Maksud B.49	(Ruangan 73)
USUL: Anggaran Pembangunan 1999.	(Ruangan 17)
<u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.47	(Ruangan 17)
Maksud P.48	(Ruangan 52)
Maksud P.49	(Ruangan 73)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

Yang Berhormat Tuan Amihanzah bin Ahmad (Lipis)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

Yang Berhormat Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)

Yang Berhormat Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salomon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah
	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Nora'ini binti Hetam
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 3 Disember 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**PERHIMPUNAN HARAM – PENGLIBATAN PELAJAR**

1. **Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah penglibatan pelajar-pelajar dan kakitangan pusat pengajian tinggi dalam perhimpunan haram yang diadakan baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini seramai 23 pelajar institusi pengajian tinggi awam dikenal pasti terlibat dalam perhimpunan haram di sekitar Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Jumlah ini sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah pelajar IPTA keseluruhannya.

Pihak universiti akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas pelajar terbabit berdasarkan kepada peraturan-peraturan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti sekiranya terdapat bukti-bukti yang kukuh mereka benar-benar terlibat.

Sehingga kini, dua orang kakitangan pusat pengajian tinggi dilaporkan terlibat dalam aktiviti tersebut. Sejauh mana penglibatan mereka hanya akan dapat diketahui setelah maklumat lengkap diterima daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Amihamzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara dua orang kakitangan yang terlibat itu, adakah mereka ini atau salah seorang dari mereka terdiri daripada bukan warganegara Malaysia?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Dua orang kakitangan yang terlibat ini ialah seorang penolong pensyarah dan seorang pembantu perpustakaan, warganegara Malaysia.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab utama mereka menyertai perhimpunan haram tersebut dan adakah kerajaan bercadang mengkaji semula dengan tujuan kemungkinan mengubahsuai mana-mana peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti yang dianggap tidak selari dengan perkembangan semasa dengan tujuan memberi ruang untuk mereka melepaskan pandangan sosial dan politik.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua itu, setakat ini kerajaan tidak ada cadangan untuk membuat apa jua pindaan ke atas Akta Universiti dan Kolej Universiti kerana kita berpendapat kandungan, fasal-fasal yang terdapat dalam akta tersebut kita fikirkan cukup untuk mengawasi dan mengambil apa juga tindakan yang kita fikirkan munasabah untuk kebaikan siswa-siswi kita.

Susah sedikit saya hendak katakan fasal apa mereka ini mengambil bahagian, saya berpendapat itu terpulang kepada pandangan dan pendapat masing-masing.

KEGAWATAN EKONOMI – BANTUAN KEPADA PEMANDU TEKSI

2. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan memandangkan kegawatan ekonomi di negara kita, apakah langkah-langkah yang positif untuk menolong pemandu-pemandu teksi di negara kita khususnya di Wilayah Persekutuan kerana pada masa ini pendapatan mereka terus berkurangan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang sedang dialami oleh negara kita ini bukan sahaja terhad kepada pengusaha-pengusaha teksi sahaja, tetapi kepada semua pengguna di negara ini.

Walau bagaimanapun, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membantu pemandu-pemandu teksi sebagaimana berikut:-

- (i) kementerian telah meluaskan kawasan operasi teksi, kalau dahulunya teksi beroperasi bukan hanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi juga di daerah Petaling, daerah Klang, daerah Gombak, daerah Hulu Langat, daerah pentadbiran Sepang kecuali KLIA tetapi pada tahun lalu, kementerian telah meluaskan lagi kawasan operasi ini meliputi daerah pentadbiran Kuala Langat dan juga daerah pentadbiran Seremban;
- (ii) kementerian telah memanjangkan tempoh usia kenderaan digunakan sebagai teksi daripada tujuh kepada sepuluh tahun pada teksi-teksi yang sedang digunakan;
- (iii) kementerian tidak lagi mengeluarkan lesen-lesen teksi kepada pengusaha-pengusaha baru melainkan baru-baru ini kepada dua syarikat iaitu syarikat milik pemandu dan sebuah koperasi;
- (iv) kementerian juga menggalakkan pengusaha-pengusaha teksi individu dan syarikat kecil supaya bergabung dalam syarikat-syarikat besar bagi mengoptimumkan sumber yang boleh membawa pulangan yang lebih;
- (v) kementerian akan terus mengadakan tindakan penguatkuasaan ke atas teksi-teksi haram dan juga 'ulat-ulat' di kawasan teksi dijalankan.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut laporan di *China Press* surat khabar Cina semalam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak untuk Pemandu Teksi di Wilayah Persekutuan, Encik Kamaruddin bin Yahaya berkata bahawa akibat saman ekor di akhir tahun 1997 adalah lebih kurang 1,000 pemandu teksi pun telah berhenti kerana PSV mereka telah ditahan oleh JPJ sampai hari ini.

Jadi, tanpa PSV, pemandu teksi tidak boleh membawa teksi atau mengambil penumpang. Soalannya, kita tahu bahawa dasar saman ekor tidak betul dan oleh sebab itu ianya pun telah diberhentikan dan apakah tindakan positif yang perlu diambil oleh kementerian untuk membetulkan keadaan ini apabila kita semua menghadapi masalah, kita tahu pemandu teksi pun manusia juga, mereka selalu mengadu kepada saya di kawasan saya. Sekian, terima kasih.

Dato' Idris bin Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat dari Bukit Bintang di mana ramai pengundi-pengundinya ialah pemandu teksi. [Ketawa] Suka saya menyatakan masalah saman ekor inilah masalah yang bersangkutan dengan Kementerian Pengangkutan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana ia melibatkan pemandu-pemandu teksi, insya-Allah, kita akan berbincang dengan Kementerian Pengangkutan supaya masalah yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi itu tidak akan berlarutan.

Dr. Ramli bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Pada hemat saya sistem memberi lesen kepada satu syarikat besar dan kemudiannya menyewa secara sewa beli kepada pemandu-pemandu teksi lebih menguntungkan kepada individu-individu tertentu dan tidak banyak membantu peningkatan taraf hidup pemandu-pemandu teksi.

Setengah-setengah syarikat mengenakan deposit sehingga RM5,000 dan bayaran setiap hari sebanyak RM40 hingga RM60. Ada di kalangan mereka yang merungut bahawa selepas 14 hari sahaja, jika mereka tidak membayar, teksi mereka ditarik balik. Jadi, ramai yang terperangkap dalam kegawatan ekonomi sekarang ini yang telah menyewa beli teksi-teksi ini dan mereka ini apabila tidak dapat membayar sewa ini teksi mereka ditarik balik.

Jadi, saya hendak bertanya apakah kerajaan boleh membantu mereka ini dan adakah kita ingin mengubah balik sistem ini kepada sistem yang asal dengan cara-cara pelaksanaan yang lebih baik?

Dato' Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kemaman yang juga peka walaupun tidak ada pemandu teksi ini dari Kemaman.

Sebenarnya masalah berhubung dengan pemandu teksi dan pemberian permit kepada individu dan syarikat ini telah menjadi satu perkara yang sentiasa diungkitkan di Dewan dan telah diberi perhatian serius di kementerian. Kedua-dua sistem ini telah dilaksanakan oleh kementerian dahulu dan juga sekarang, cuma sekarang kita tidak lagi memberi kepada individu kerana kita dapati sekarang kita mempunyai hampir 12,794 buah teksi dan kita tidak akan mampu untuk mentadbir 12,000 pengusaha-pengusaha teksi dan kita harap dengan mengurangkan jumlah pengusaha-pengusaha teksi ini, pengurusan akan menjadi lebih baik.

Kita memberi permit-permit kepada syarikat-syarikat yang lebih besar sedikit tetapi kita pastikan yang mereka memberi perkhidmatan yang baik, kalau dahulunya tidak ada cuti diberikan kepada pemandu teksi, sekarang kita pastikan agar syarikat-syarikat itu memberi cuti selama 12 hari kepada pemandu teksi, diberi uniform dua pasang setahun, diberi medical benefit, dengan izin, diberi insurans, dikurangkan sewanya dan sebagainya.

Kita juga untuk akhir-akhir ini memastikan supaya seperti yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telah memberi satu permit kepada sebuah syarikat yang diberi nama Avenue Drive kepunyaan pemandu-pemandu sejak beberapa bulan yang lalu.

Sehingga sekarang ini pun mereka tidak boleh lagi melesenkan kerana tidak ada pengusaha dalamnya, semua pemandu belaka dan ada di antara pemandu itu yang ada hutang dengan finance company, tidak mampu dan ada pemandu-pemandu juga yang tidak mampu untuk membayar yuran pendahuluan untuk mereka menandatangani kepada syarikat finance untuk membeli kereta-kereta, inilah antara masalah yang masih berlaku.

Tetapi kementerian akan sentiasa peka dan akan sentiasa memastikan walaupun diberi kepada syarikat pengusaha, kita akan pastikan agar pemandu-pemandu akan dipelihara bukan hanya pemandu-pemandu tetapi juga penumpang-penumpang akan mendapat perkhidmatan yang baik.

[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat] tidak hadir]

NAIK TARAF JALAN KAMPUNG DI BAWAH KONSEP PAYUNG

5. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah projek-projek Naik Taraf Jalan Kampung melalui Konsep Payung akan diteruskan berikutan perubahan yang berlaku di Kementerian Kewangan atau sebaliknya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, keputusan sama ada kaedah pelaksanaan PGK secara konsep payung akan diteruskan atau sebaliknya belum dibuat.

Walau bagaimanapun, kementerian ini adalah dalam proses menyediakan laporan penilaian konsep ini dan akan dikemukakan untuk dipertimbang dan keputusan kerajaan sebelum akhir tahun ini.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Di negeri Johor melalui usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sudah ada projek membina jalan kampung melalui KPRJ, tetapi mereka membina jalan kampung yang 1.500 kilometer itu dengan spesifikasi 12 kaki lebar dan maklumat yang saya dapat daripada jurutera JKR biasanya jalan kampung adalah 14 kaki lebar dan saya ada membawa kes ini dan KPRJ kata, mereka tidak ikut yang biasa 14 kaki lebar tetapi mereka buat lebih tebal, yang 14 kaki kurang tebal. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah yang sebenarnya spesifikasi jalan kampung? Sekian, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya atas rayuan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, kita telah menaikkan taraf standard jalan kampung tetapi di sesuatu negeri terpulang kepada keadaan, kadang-kadang mengalami kesusahan untuk membuat lebar lebih dari 12 kaki oleh kerana tanah yang tidak mencukupi dan sebagainya, maka itu terpulang kepada pihak negeri, tetapi yang penting bagi projek jalan kampung kita telah mengikut Standard Maris di mana ia lebih tahan kerana ia lebih tebal kerana sekarang bukan hanya basikal ataupun motokar menggunakan jalan itu tetapi lori juga masuk. Jadi sama ada kita menggunakan 14 kaki ataupun 12 kaki, itu terpulang kepada keadaan di negeri masing-masing.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa konsep payung yang dijalankan oleh pihak kementerian, atas cadangan Kementerian Kewangan tempoh hari untuk kononnya membantu pembinaan jalan-jalan luar bandar ini, saya kira ternyata gagal, pertamanya kerana kontrak jalan ini diberi kepada seorang kontraktor, kemudian pemborong ini mengsubkan ataupun memayungkan projek ini kepada kontraktor atau pemborong kecil.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kadang-kadang pembayaran kepada subkontraktor memakan masa yang begitu panjang. Yang keduanya, kos yang disub balik kepada kontraktor kecil ini terlalu kecil hinggalah kadang-kadang tidak mendatangkan keuntungan dan spesifikasi jalan luar bandar tidak ada bahu jalan (road shoulder).

Tuan Yang di-Pertua, jadi jalan dibuat kemudian tidak dibubuh tanah merah, kadang-kadang naik motor terjun masuk dalam parit fasal hendak elak tidak boleh.

Jadi, soalnya adakah pihak kementerian bercadang untuk balik kepada program asal, menyerahkan projek ini kepada pejabat daerah supaya pejabat daerah dapat keluar tender projek ini kepada pertamanya, kontraktor-kontraktor tempatan dalam daerah itu, jadi mereka boleh tumpang cari makan sedikit.

Tadi Yang Berhormat kata masih dalam pertimbangan, ternyata banyak wakil rakyat tidak bersetuju, jadi bilakah pihak kementerian hendak memutuskan cadangan ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita memang sedang menunggu dan telah menerima pelbagai maklumat mengenai program payung jalan ini, tetapi dalam pada kita ada sebahagian maklumat mengatakan ia tidak bagus, ada juga kebaikannya.

Yang pertama, yang mana kita telah dapati bahawa standard ataupun taraf jalan nampaknya ada baik sedikit dan kita juga tahu di mana jalan-jalan yang dibina dengan jelas.

Yang kedua, adalah tidak benar hanya satu syarikat yang membuat kontrak ini, sebenarnya untuk seluruh negara kerajaan telah memberikan kepada 16 buah syarikat. Jadi, di bawah 16 buah syarikat ini ada 1,200 anak-anak payung yang dapat kerja dari program ini. Memang ada beberapa masalah mengenai pembayaran, keuntungan dan sebagainya, tetapi kementerian memang memantau segala program ini dan menentukan bahawa kontraktor payung tidak mengambil untung terlalu besar, begitu juga menentukan spesifikasi-spesifikasi yang ditetapkan oleh kementerian mesti dijalankan, kalau tidak pembayaran mungkin tidak dibuat.

Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya sebutkan tadi, sedang meneliti keadaan ini dan kita akan membuat keputusan pada penghujung tahun ini sama ada program ini akan diteruskan ataupun kita balik kepada sistem yang lama ataupun kita hendak ubahsuai dan gunakan sistem yang baru.

[Soalan No. 6 – Y.B. Dr. L. Krishnan [Telok Kemang] tidak hadir]

SYARIKAT JUALAN LANGSUNG – PEMBATALAN LESEN

7. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) berapa lesen syarikat jualan langsung telah dibatalkan pada tahun ini dan sebab utama pembatalan tersebut; dan
- (b) adakah dasar dan peraturan-peraturan yang diumumkan oleh kementerian Yang Berhormat baru-baru ini mengenai syarikat jualan langsung terpakai untuk syarikat baru atau termasuk syarikat yang telah beroperasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini sebanyak lapan buah syarikat yang telah dibatalkan lesen jualan langsung. Di antara sebab-sebab utama pembatalan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) menggunakan pelan pemasaran yang lebih mementingkan kepada pengambilan peserta-peserta dan bukan untuk memasarkan barang-barang kepada pengguna;
- (ii) melakukan pemindaan kepada pelan pemasaran tanpa mendapat kelulusan kementerian;
- (iii) syarikat tidak mematuhi syarat ekuiti 30% bumiputera walau tempoh kelonggaran pun telah diberikan; dan
- (iv) tidak mematuhi Akta Jualan Langsung 1993.

Tuan Yang di-Pertua, dasar dan peraturan baru yang diumumkan oleh kementerian dikenakan ke atas semua syarikat jualan langsung sama ada yang sedia ada atau yang baru memohon lesen iaitu mengurangkan pengimportan barang-barang luar

negara dan meningkatkan pemasaran barangan buatan Malaysia, meningkatkan eksport dengan menggunakan rangkaian/network di luar negeri dan menawar ekuiti kepada bumiputera. Sekian.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat tadi, kerajaan memang menggalakkan supaya barang-barang yang diniagakan oleh syarikat jualan langsung ini adalah terdiri daripada barangan buatan Malaysia. Jadi dalam konteks ini apakah sasaran kementerian yang hendak dicapai dalam tempoh hujung tahun 1999. Saya difahamkan bahawa syarikat jualan langsung ini harus memperbaharui lesen mereka pada setiap tahun. Jadi kepada syarikat-syarikat yang melabur besar dalam perniagaan ini, jadi adakah kementerian bercadang dengan satu polisi yang baru supaya sistem pembaharuan lesen ini dapat diubah untuk membantu syarikat-syarikat yang melabur begitu besar ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan mulai 31 Disember 1999, 80% dari produk yang dijual oleh syarikat jualan langsung hendaklah terdiri dari barangan tempatan atau barangan yang bahan mentahnya diimport tetapi diproses atau dibungkus di negara ini. Ini bermakna pada tahun 2000, kementerian ini berharap semua syarikat jualan langsung akan menjual 80% barangan buatan Malaysia.

Mengenai tempoh lesen yang diberikan kepada pelabur atau kepada syarikat jualan langsung yang besar, saya ingin menjelaskan bahawa secara dasar kementerian ini bersetuju bahawa kepada syarikat baru yang memohon lesen jualan langsung, tempoh lesen selama setahun akan dikeluarkan. Dan kepada syarikat jualan langsung yang sedang beroperasi apabila mereka memohon pembaharuan lesen dan jika syarikat itu mempunyai satu rekod yang baik atau mempunyai prestasi tinggi, syarikat jualan langsung itu memang boleh mendapat lesen untuk tempoh dua tahun. Syarikat yang telah disenaraikan di BSKL atau yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, syarikat itu melabur modal yang besar, jadi jika mereka mematuhi Akta Jualan Langsung 1993, apabila mereka memohon pembaharuan lesen jualan langsung mereka diberikan tempoh selama tiga tahun lesen jualan langsung. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh berkuat kuasa masih belum ditetapkan lagi.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa syarikat jualan langsung masih tidak mematuhi syarat-syarat baru iaitu syarat ekuiti dan syarat kandungan barangan tempatan dan oleh kerana syarat-syarat baru ini, baru dikenakan kepada syarikat-syarikat yang telah lama beroperasi di sini, sama ada ini akan menakutkan pelabur-pelabur asing yang sebelum ini apabila mereka melabur dan menubuhkan syarikat jualan langsung di sini, mereka tidak diberitahu akan syarat-syarat baru ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, setakat bulan Ogos 1998 jumlah syarikat jualan langsung adalah sebanyak 1,072 dan yang masih aktif atau beroperasi adalah sebanyak 667 dan memang ada syarikat yang belum mematuhi syarat ekuiti 30% bumiputera dan mereka telah dinasihatkan atau diberi masa yang cukup supaya mereka boleh mematuhi syarat syer ekuiti 30% kepada bumiputera. Secara dasar iaitu syarikat asing yang menjalankan aktiviti jualan langsung modal berbayar RM500,000 dan mereka tidak boleh memegang melebihi 30% syer kerana bakinya (the balance) perlulah dipegang oleh orang tempatan iaitu 70%, dan dari 70%, sebanyak 30% akan dipegang oleh bumiputera. Kepada syarikat tempatan, mereka digalakkan supaya memberi syer ekuiti 30% kepada bumiputera dan mereka akan diberi tempoh masa yang cukup supaya mereka boleh menjadi ahli kongsinya. Syarikat asing yang telah diberi kelonggaran tetapi mereka masih tidak mematuhi syarat itu, lesen mereka akan dibatalkan. Tadi saya sudah sebutkan hingga setakat ini sebanyak lapan buah syarikat telah dibatalkan lesen jualan langsung salah satu alasan atau satu faktor ialah mereka tidak mematuhi syarat ekuiti 30% bumiputera.

**DASAR PERTANIAN NEGARA
(NEW AGRICULTURE POLICY) - PELANCARAN**

8. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah kementerian bercadang akan melancar "Dasar Pertanian" (New Agriculture Policy) kebangsaan baru, memandangkan negara kita sedang dalam kegawatan ekonomi yang ada sekarang ini. Apakah sektor yang perlu ditumpukan dalam polisi baru ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah pun menyiapkan draf dokumen Dasar Pertanian Negara yang dikaji semula yang dikenali sebagai DPN-3. Ianya telah pun diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (JPPN) dan langkah seterusnya ialah Kementerian Pertanian bercadang untuk membentangkannya di Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan Disember ini. Setelah diluluskan oleh Jemaah Menteri Dasar Pertanian Negara akan diumumkan kepada ramai dijangka sebelum akhir tahun 1998.

Sektor kecil pertanian akan diberi perhatian di bawah DPN-3 memandangkan pengeluaran bahan makanan amat penting di dalam pembangunan ekonomi. Langkah untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan yang boleh dikeluarkan dalam negara bukan sahaja untuk menjamin bekalan yang mencukupi pada harga yang berpatutan, tetapi juga untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan makanan yang diimport. Pengeluaran hasil pertanian untuk kegunaan industri juga diberi perhatian bagi menjamin industri pemprosesan hasil pertanian memperolehi bekalan yang mencukupi, meningkatkan nilai ditambah hasil pertanian supaya mampu berdaya saing dalam pasaran dalam dan luar negara.

Sementara itu perhatian juga akan diberi untuk mengoptimumkan penggunaan sumber tanah yang semakin terhad melalui pendekatan 'perhutani' atau agroforestry, dengan izin. Melalui pendekatan ini kegiatan perhutanan akan diintegrasikan dengan kegiatan pertanian seperti penanaman buah-buahan singkat masa, contohnya, pisang, betik, tembikai dan sayur-sayuran.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, semuanya rancangan untuk menambah pengeluaran untuk menyenangkan masyarakat kita tetapi saya tidak dengar apakah rancangan untuk menyenangkan petani sedikit, sebab sekarang ini petani belum lumayan, anak-anak petani lari ke luar bandar untuk mencari kerja. Jadi, pendapatannya boleh dikatakan petani-petani ini masih rendah. Jadi, adakah perancangan akan diaturkan supaya bukan sahaja pengeluarannya lumayan tetapi petani juga akan dapat hidup dengan lebih lumayan lagi. Terima kasih, pertama sekali petani-petani, penanam-penanam padi.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Memang jawapan saya tadi menyentuh tentang pengeluaran dan perancangan pemerosesan dan lain-lain lagi. Ini akan melibatkan kedua-dua belah pihak, pengeluar dan pengguna. Jadi, saya yakin Kementerian Pertanian akan menjaga kebajikan kedua-dua belah pihak iaitu petani yang mengeluarkannya dan juga pengguna yang menggunakannya. Jadi banyak insentif yang diberi kepada pengeluar tetapi tidak pada pengguna, misalnya tabung 3F yang saya sebutkan dan ada lagi elaun-elaun insentif yang diberi tetapi semuanya kepada petani. Tinggal lagi apa yang penting sebagaimana yang saya sebutkan kita berusaha untuk menambahkan peningkatan pengeluaran per hektar, itu yang penting, terutama kepada petani-petani padi dan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena yang sentiasa peka dengan masa depan dan kebajikan petani-petani, terima kasih.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setiap kali kita mengalami kegawatan ekonomi kita sedar bahawa betapa pentingnya negara kita hendak mempertingkatkan lagi pengeluaran ataupun penghasilan bahan-bahan makanan seperti padi, ternakan, sayur-sayuran dan lain-lain. Sebagai security crop, dengan izin, bagi penduduk-penduduk negara, saya faham negara kita juga mempunyai stok padi yang tidak mencukupi sehingga selama enam bulan. Saya ingin tahu apakah keadaan setakat ini dan memandangkan negara kita mengimport banyak beras dari luar negara seperti negara Thailand, Vietnam, Kambodia dan lain-lain dan memandangkan negeri Sarawak mempunyai tanah yang luas dari segi kesesuaiannya untuk tanaman padi secara komersial, adakah kerajaan bercadang untuk membangunkan kawasan-kawasan yang sesuai untuk tanaman padi di negeri Sarawak mahupun di mana-mana negeri di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Baram yang memang saya sudah jawab beberapa kali dahulu bahawa Malaysia jangan bimbang dengan stok beras kita. Walaupun pengeluaran padi kita tidak mencukupi, hanya kita mengeluarkan sebanyak 72% sahaja daripada keperluan negara iaitu kira-kira 1.2 juta tan beras setahun yang kita keluar tetapi kita terpaksa import sebanyak lebih daripada 400,000 tan lagi dari negara-negara jiran tetangga kita. Namun demikian kita mampu bertahan sekurang-kurangnya tiga hingga empat bulan daripada stok yang kita ada.

Walaupun begitu kementerian sedang berusaha untuk membuka tanah-tanah baru menerusi swasta terutama Sabah dan Sarawak dengan harapan kita akan dapat mengeluarkan padi kita bagi kepentingan negara pada masa akan datang, bukan sahaja pada masa kegawatan ekonomi tetapi kita akan merangka ke arah memastikan pertambahan pengeluaran beras negara ini akan dapat dicapai setingkat demi setingkat sehingga kita dapat menampung keperluan kita sendiri.

TENAGA KERJA INDONEISA (TKI) - JUMLAH KEMASUKAN

9. **Tuan Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah rakyat Indonesia yang memasuki negara kita melalui Pos Imigresen Tebedu pada tahun 1995, 1996, 1997 dan 1998. Dari jumlah ini berapakah yang masuk negara kita dengan diberi kebenaran Tenaga Kerja Indonesia (TKI).

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini izinkan saya untuk mengiktiraf kehadiran Yang Dihormati Saudara Abdullah Kutek, Ahli Parlimen dari Indonesia dari Parti Golkar.

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, jumlah rakyat Indonesia yang memasuki negara ini melalui Pos Imigresen Tebedu di Sarawak pada tahun 1995, 1996, 1997 dan sehingga September 1998 adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan (Orang)</u>
1995	179,367
1996	153,355
1997	163,343

1998 (hingga September)	133,564
Jumlah	629,629

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah tersebut seramai 46,373 orang adalah terdiri daripada mereka yang dikeluarkan pas kerja. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan (Orang)</u>
1995	11,233
1996	12,266
1997	13,176
1998 (hingga September)	9,698
Jumlah	46,373

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan orang daripada Sarawak yang duduk di belakang. [Tepuk] Orang dari Santubong, penyokong saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat daripada dasar kerajaan dan laporan akhbar, masalah pendatang haram di Semenanjung, di Sabah dan di Sarawak, nampaknya di Sarawak kurang mendapat laporan. Persoalan saya adakah benar yang Sarawak tidak menghadapi masalah pendatang haram dari Kalimantan, Indonesia? Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di Pertua, oleh sebab kita menyebut pun pendatang asing tanpa izin, jadi kalau mereka berada di Sarawak dan tidak dilaporkan memang kerajaan ataupun pihak imigresen dan polis tidak tahu yang mereka ada di sana. Bagaimanapun, oleh kerana pada anggaran kita ramai pendatang asing tanpa izin sama ada daripada negara-negara jiran ataupun negara-negara lain pada satu masa pernah kita anggarkan hampir-hampir 800,000 orang. Tetapi ramai juga yang telah pun kembali ke negara asal mereka melalui program pengampunan yang mana jumlahnya ialah 187,486 orang. Jadi bermakna memang ramai pendatang asing tanpa izin berada di Sarawak, di Sabah, dan juga di Semenanjung. Cuma yang kita tidak tahu bilangannya.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Post Imigresen Tebedu ini begitu popular sekali bagi masyarakat daripada kawasan Sarawak, khususnya dari Kuching dan juga daripada Pontianak, untuk keluar masuk. Saya ingin tahu, apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mempertingkatkan Post Imigresen Tebedu ini supaya ianya lebih popular lagi dan dapat digunakan sebagai salah satu pintu masuk untuk para pelancong daripada kedua-dua negara.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Pihak kerajaan memang sedar bahawa Post Tebedu ini merupakan salah satu Post Imigresen yang popular dan kalau dibandingkan populariti ini kedua-dua pihak sekali, yang daripada Indonesia dan juga yang daripada Malaysia untuk masuk ke Indonesia dan memang ada rancangan kerajaan di

masa yang akan datang untuk mempertingkatkan bukan sahaja post imigresen ini tetapi juga pembangunan di kawasan sempadan sebelah Malaysia ini di masa-masa yang akan datang.

LOJI PETROLEUM DAN GAS - GALAKAN INDUSTRI HILIRAN

10. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa kerajaan tidak menggalakkan loji industri petroleum dan gas dengan industri hiliran tempatan seperti loji ethylene dan polyethylene dan lain-lain dibina di Bintulu memandangkan kawasan ini kaya dengan bahan mentah gas dan petroleum.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato'Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di Pertua, terdapat beberapa loji industri minyak dan gas yang telah dibina dan beroperasi di Bintulu. Di antara loji-loji yang beroperasi adalah dua loji pengeluaran gas asli cecair LNG. loji Shell Middle Distilex (SMDS) dan juga loji Asian Bintulu Fertilizer. Manakala pembinaan loji LNG yang ketiga sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun 2002. Kerajaan sentiasa membuat perancangan dari masa ke semasa bagi membina industri-industri hiliran tempatan yang difikirkan sesuai di mana-mana saja di negara kita.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bintulu yang begitu kaya dengan gas dan minyak, dengan industri hiliran seperti LNG dan LPG dan lain-lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah kerajaan menimbang untuk membekalkan gas melalui saluran pipe, piping network system untuk kegunaan rumah, commercial dan industri di seluruh Sarawak. Jika ada, bagaimana rancangannya dan jika tidak mengapa. Sekian.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di Pertua, memang menjadi hasrat kerajaan untuk memberi keselesaan hidup kepada rakyat, sekiranya sesuai kita membekalkan saliran paip gas kepada penduduk-penduduk tempatan ataupun di sekeliling kawasan yang berkenaan maka tiada halangan kerajaan akan mengkaji dan melaksanakan perkara-perkara yang difikirkan perlu dari masa ke semasa.

Dr. Ramli bin Taib: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Bintulu dan Kemaman ada persamaan iaitu industri petroleum dan gas merupakan industri yang pertama. Loji ethylene dan polyethylene ini ada dibina di Kemaman dan kita berterima kasih kepada Petronas dan kerajaan yang telah banyak membina loji seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tetapi projek ini adalah besar, berbilion tidak dapat membantu banyak usahawan tempatan. Soalan saya, adakah Petronas atau kementerian bercadang untuk membina industri hiliran yang berbentuk sederhana iaitu IKS ataupun SMI yang produk-produk petroleum ini cukup banyak, umpamanya plastic industries dan produk-produk plastik dan lain-lain industri yang sederhana yang pentingnya petrol dan gas ini terdapat banyak di kawasan tersebut. Jadi adakah Petronas bercadang untuk membina IKS di kawasan-kawasan tersebut. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Abdullah: Di Bintulu dengan tempat Yang Berhormat berlainan. Sebab tempat Yang Berhormat BN, Bintulu DAP. [Ketawa].

Tuan Yang di Pertua, memang perancangan kerajaan meliputi keseluruhan. Kerajaan memikirkan untuk mendapat pendapatan negara, sudah tentu perkara pokok yang ditekankan mencari hasil untuk mengeksport barang-barang yang ada di negara kita ke luar negara. Jadi, mana yang sesuai difikirkan kita akan membina mana-mana sahaja loji-loji lain yang ada berkaitan. Maka perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi satu perkara yang baik, maka sudah tentu pihak kerajaan dan pihak berkenaan sentiasa

memikirkan supaya manfaat itu diperolehi seluruh rakyat dan juga kepada industri-industri kecil dan sederhana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Akhbarkhan.

[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Akhbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Sibulah bangun buat apa? Saya tidak pastikan apa Yang Berhormat ucap tadi?

PERJANJIAN UDARA DENGAN SINGAPURA - TEMPOH BERKUAT KUASA

12. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan setakat manakah dalam perjanjian udara dengan Singapura ianya boleh menggunakan ruang udara kita (air space) dan bilakah perjanjian itu tamat.

Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Yang Berhormat keistimewaan yang telah diberikan kepada pesawat Tentera Udara Republik Singapura bagi penggunaan ruang udara Malaysia meliputi aspek-aspek seperti kawasan aras rendah TUDM, latihan navigasi, kerjasama operasi dan menyelamat serta laluan udara. Kesemua keistimewaan ini telah ditamatkan pada 18 September, 1998.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya pernah membaca kenyataan Yang Berhormat mengenai pihak Singapura yang menceroboh ruang angkasa kita dan bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah masalah yang sebenarnya dan sekarang dengan pertemuan di antara Perdana-Perdana Menteri kedua-dua negara saya nampak semua sudah beres dan tuntas sekarang.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir, kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan mempunyai integritinya sendiri kalau kita dapati ada maklumat yang menunjukkan mengikut pendekatan yang menggunakan alat-alat yang sejajar dan mengetahui sama ada ada pencerobohan ataupun tidak kita akan membawa mengikut saluran yang diterima. Ini bukanlah satu persoalan politik, ia adalah persoalan hak negara kita. Jadi, perkara ini pada masa sekarang pun walaupun perhubungan kita sudah dipulihkan, segala ketegangan yang mungkin timbul oleh kerana tindakan-tindakan tertentu telah dapat kita atasi, tidak bermakna kalau ada pencerobohan kita akan membawa perkara itu untuk diketengahkan kepada pihak Singapura. Jadi, persoalan itu akan berterusan selagi ada pencerobohan, selagi itulah kita akan mengawasinya.

AMNESTI KERAJAAN- SAMBUTAN PEKERJA ASING PULANG KE NEGARA ASAL

13. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sambutan para pekerja asing yang memohon pulang ke negara asal berikutan langkah amnesti kerajaan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, program pengampunan untuk membenarkan pendatang tanpa izin pulang ke negara asalnya sebelum 15 November 1998 telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Dan ingin saya tegaskan bahawa program ini merupakan program sukarela dan bukan program yang dipaksa oleh kerajaan.

Dalam tempoh tersebut jumlah PTI yang pulang ialah 187,486 orang. Perangkaan mengikut warganegara adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan
Indonesia	165,201 orang
Bangladesh	10,938 "
India	3,710 "
Filipina	3,357 "
Pakistan	1,542 "
Myanmar	1,300 "
Nepal	438 "
Republik Rakyat China	278 "
Sri Langka	201 "
Cambodia	165 "
Australia	163 "
Thailand	75 "
Vietnam	70 "
United Arab Emirates	9 "
Singapura	8 "
Iran	6 "
Lain-lain	85 "

Jumlah	<u>187,486</u> "

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lebih awal tadi Yang Berhormat ada menyatakan bahawa pekerja asing tanpa izin yang masih berada dalam negara kita dianggarkan lebih kurang 800,000 orang dan jika berbanding mereka yang mematuhi dan meninggalkan Malaysia dalam tempoh pengampunan itu masih lagi terdapat ramai yang berada dalam negara kita maka apakah tindakan kementerian untuk membetulkan keadaan ini. Adakah Yang Berhormat menganggapkan mereka ini sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, pada anggaran pihak imigresen kita ada lebih kurang 50,000 rakyat Republik Rakyat China yang masuk ke negara kita dan tidak keluar, dan lebih kurang 40,000 rakyat dari India yang masuk ke negara kita tetapi tidak keluar, jadi bermakna kita masih mempunyai ramai yang tanpa izin berada di negara kita.

Mulai sekarang kita akan membuat rondaan-rondaan yang akan dibuat oleh pihak imigresen dan juga pihak polis, sekiranya ada majikan-majikan yang menggaji pekerja asing tanpa izin lebih daripada lima orang mereka akan dipenjarakan secara mandatori.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, daripada dua negara yang disebut lebih kurang ada lagi 90,000 dan imigresen sekarang melaksanakan operasi putih. Jadi, setakat manakah keberkesanan operasi ini dan pendatang tanpa izin yang dapat dikutip melalui operasi putih

ini? Adakah pihak kedutaan masing-masing sudi membantu kita dari segi pembiayaan untuk menghantar mereka pulang dan setakat manakah tindakan pihak Kementerian untuk menghalang kemasukan pendatang-pendatang baru tanpa izin ini ke negara kita?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita mendapat kerjasama yang cukup baik daripada kedutaan-kedutaan. Hanya sekadarkan kedutaan ini sendiri tidak mampu untuk membiayai pemulangan mereka ini ke negara asal mereka. Misalnya untuk menghantar pekerja Bangladesh balik ke negara mereka kosnya lebih kurang, kalau dulunya RM720, sekarang ini RM630 seorang. Dan mungkin ada berpuluh ribu lagi rakyat Bangladesh di negara ini. Jadi sudah tentulah Kedutaan Bangladesh tidak akan dapat menolong dari segi pembiayaan, tetapi dari segi kemudahan passport dan sebagainya memang diberi kerjasama oleh semua kedutaan yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi kita akan memastikan bahawa tidak ada majikan Malaysia yang mengambil pekerja-pekerja asing ini secara tidak sah, dan kalau ini dapat kita pastikan maka sudah tentulah berkurangan pekerja-pekerja asing tanpa izin yang bekerja di negara kita. Selain daripada itu kerajaan juga memberikan kemudahan ataupun priority kepada pekerja-pekerja dari Indonesia, Thailand dan Filipina sahaja untuk bekerja di negara kita. Dan dengan cara ini tidak perlu kepada pekerja-pekerja ini datang ke negara kita secara tidak sah.

Kita masih memerlukan lebih kurang 180,000 pekerja asing yang telah pun diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setakat ini dan masih belum masuk ke negara kita. Jadi bermakna ada peluang kepada pekerja dari Indonesia, Thailand dan Filipina untuk masuk secara sah. Jadi saya sarankan kepada mereka supaya masuklah bekerja secara sah kerana kalau mereka masuk secara tidak sah, mereka akan menghadapi banyak masalah dan majikan juga akan menghadapi banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih ada masa dan oleh yang demikian kita berbalik kepada soalan-soalan yang belum berjawab. Soalan No.3 Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh, ini tidak mengikut peraturan sekarang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

AGENDA TEKNOLOGI MAKLUMAT NEGARA - PERKEMBANGAN

3. **Dr. Tan Seng Giaw**[Kepong][dibawah S.O24(2)] minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia memberitahu Dewan perkembangan Agenda Teknologi Penerangan Negara, khususnya dalam modal dan perkembangan Koridor Raya Multimedia.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong adalah Agenda Teknologi Maklumat Negara ataupun National IT Agenda dengan izin dan bukannya Agenda Teknologi Penerangan Negara. Saya memohon izin menjawab soalan ini dari sudut perspektif perkembangan Koridor Raya Multimedia.

Setakat November 1998 pihak MDC telah menerima sebanyak 256 permohonan untuk mendapatkan status MSC di mana 189 telah diluluskan, 57 dalam pertimbangan dan 10 ditolak. Kesemua syarikat yang diberi status MSC merupakan syarikat yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Dari segi modal pula syarikat-syarikat yang ingin melabur di MSC adalah dari sekecil RM30,000 sehinggalah kepada RM100 juta.

Bidang-bidang penting yang diceburi oleh syarikat-syarikat adalah seperti dengan izin software development, content development, post-production, heavy user, integrasi sistem, telekomunikasi, elektronik, penyiaran, pendidikan dan latihan.

Pada masa ini terdapat lebih kurang 22 syarikat bertaraf antarabangsa yang telah pun mendapat taraf MSC seperti Fujitsu, DHL, NTT, Siemens, Ericson, Hewlett-Packard, Intel, Alcatel dan Microsoft. Penglibatan syarikat-syarikat ini akan secara langsung dan tidak langsung membantu perkembangan dengan syarikat-syarikat tempatan melalui projek usaha sama atau rakan kongsi bestari.

Secara langsung teknologi-teknologi baru akan dipindahkan ke dalam negara melalui inisiatif ini. Projek MSC adalah sebahagian daripada inisiatif untuk mencapai Agenda IT Negara dan dari pembangunan fizikal setakat ini ianya telah berjalan mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang bergembira dengan adanya National IT Agenda. Ini memang kita perlukan dan setakat ini ada 22 syarikat yang mempunyai taraf MSC, itu pun baik. Cuma berapa buah syarikat besar ini yang sudah pun melabur, sudah pun melaksanakan projek di Malaysia, itu yang penting.

Yang kedua, kalau kita bandingkan status IT kita misalnya dengan negara Singapura, apakah tahap kita berbanding dengan Singapura ataupun negara-negara yang lain di rantau ini termasuk Thailand. Saya diberitahu bahawa di Thailand pun mereka ada agenda sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi apakah status kita ...

Dato' Chan Kon Choy: Tuan Yang di-Pertua, di antara 22 buah syarikat antarabangsa yang telah diberi status MSC, ada beberapa buah telah pun pindah ke Cyberjaya misalnya Nippon Telegraph and Telephone (NTT) telah pun mula beroperasi secara besar-besaran di Cyberjaya dan beberapa buah syarikat yang belum pindah ke Cyberjaya ini memang telah beroperasi di persekitaran Kuala Lumpur dan Selangor ini. Bila tiba masanya segala kelengkapan telah pun disempurnakan di Cyberjaya, pihak kerajaan harap kesemua syarikat yang telah diberi status MSC ini akan berpindah ke Cyberjaya untuk beroperasi.

Soalan yang kedua yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini, adakah Yang Berhormat bermaksud status, tahap pembangunan IT negara Malaysia dibandingkan dengan negara-negara serantau ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Semua aspek IT kita, ambil sahaja Singapura kerana Singapura menganggap mereka lebih maju daripada Malaysia tetapi kita hendak tahu apakah hakikatnya.

Dato' Chan Kon Choy: Ya, kalau sekiranya dibandingkan dengan negara di rantau Asia Tenggara ini Malaysia boleh dikatakan adalah antara negara yang maju kalau dibandingkan dengan negara di rantau ini dan kalau ditinjau dari segi, misal kata infrastruktur, PC penetration rate, telephone penetration rate dan lain-lain, kita boleh dianggap antara the top, kalau dibandingkan dengan negara di Asia Tenggara kecuali Singapura. Kalau dibandingkan dengan negara di rantau Asia Pasifik kita memang jauh di belakang kalau dibandingkan misal kata, dengan negeri Jepun, Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan National IT Agenda ataupun NITA yang telah pun dilaksanakan pada hujung tahun 1996 ini di mana kita telah memberikan tumpuan khusus kepada tiga bidang iaitu pembangunan insan, pembangunan infrastruktur dan juga pembangunan aplikasi. Banyak rancangan telah pun dikemukakan kepada pihak kerajaan dan kesemua rancangan ini akan di laksanakan mengikut jadual. Kalau semuanya dilancarkan dan dilaksanakan dengan mengikut jadual kita akan, dengan izin, catch up dengan negara-negara maju. Sekian. Terima kasih.

BANTUAN KEWANGAN DARI BANK DUNIA – SYARAT PERMOHONAN

4. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah perkembangan terbaru dan syarat-syarat yang dikenakan terhadap Malaysia mengenai permohonan kerajaan untuk mendapatkan bantuan kewangan dari Bank Dunia.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Terima kasih, Tumpat datang lewat. Untuk makluman sebagai latar belakang Yang Berhormat, setakat ini kerajaan Malaysia telah meminjam sejumlah kira-kira US\$2.3 bilion daripada Bank Dunia untuk 64 projek pembangunan kesemuanya. Pinjaman terakhir dibuat pada bulan Jun tahun ini berjumlah US\$300 juta untuk sebahagian besarnya micro credit ataupun kredit mikro. Sebelum itu pinjaman terakhir kita 1994 sebanyak US\$70 untuk RISDA.

Saya sebut ini semua untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kita telah lama tidak meminjam daripada Bank Dunia. Pada tahun ini bulan Mei, Jun dan Julai kita telah membuat permohonan rasmi kepada Bank Dunia untuk meminjam US\$3 bilion dan pada awalnya pinjaman ini adalah sebahagian besar untuk perumahan kos rendah, sektor pertanian, infrastruktur khususnya pengangkutan darat dan untuk sektor pendidikan dan ekonomi.

Sebagai makluman sejak November dan Disember tahun ini kita telah menerima enam misi daripada Bank Dunia. Pinjaman ini mengambil masa untuk diteliti kerana yang kita pohon ini ialah untuk projek. Bank Dunia secara umumnya ada dua jenis pinjaman iaitu yang dipanggil dengan izin, Quick Dispersing Loan ataupun yang dikeluarkan dengan cepat, yang keduanya ialah program biasa, pinjaman untuk projek. Pinjaman untuk projek ini memakan masa perundingan kadang-kadang setahun, kadang-kadang 18 bulan. Oleh kerana rundingan baru dimulakan kira-kira dua, tiga bulan ini maka masa yang agak lama diperlukan untuk mengadakan perundingan. Pihak Bank Dunia perlu menghantar satu misi yang dipanggil, dengan izin, Facts Finding Mission Appraisal dan seterusnya akan dikemukakan segala cadangan kepada Lembaga Pengarah Bank Dunia sebelum dibuat keputusan.

Jadi, pada masa sekarang masih lagi di peringkat kajian oleh pegawai kanan Bank Dunia dan mengambil masa sedikit kerana projek-projek yang terlibat adalah besar bilangannya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan Jawab Lisan selesai.

SOALAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN

TABIKA KEMAS - CADANGAN PENUBUHAN BAGI TAHUN 1999

6. **Tuan Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah bilangan kelas tabika baru yang dicadangkan akan

diwujudkan oleh KEMAS pada tahun 1999 mengikut setiap negeri. Apakah cadangan perkhidmatan ini turut dilanjutkan ke ladang-ladang di negara ini.

Jawapan:

Pada tahun 1999 KEMAS bercadang mewujudkan 396 buah tabika. Bilangan mengikut negeri adalah seperti berikut

NEGERI	JUMLAH
Perlis	5
Kedah	26
Pulau Pinang	15
Perak	35
Selangor	53
Wilayah Persekutuan	13
Negeri Sembilan	18
Melaka	9
Johor	53
Pahang	26
Terengganu	30
Kelantan	21
Sabah	45
Sarawak	47
JUMLAH	396

Perkhidmatan Tabika KEMAS tidak dilanjutkan ke ladang-ladang di mana 38 buah Tabika KEMAS telah ditubuhkan pada masa ini. walau bagaimanapun, bagi tahun 1999, tiada Tabika KEMAS baru akan diwujudkan di kawasan berkenaan.

**PERJANJIAN PENJUALAN AIR DENGAN SINGAPURA -
CADANGAN KEMENTERIAN**

11. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kementerian bercadang untuk mengkaji perjanjian penjualan air dengan Singapura memandangkan Singapura sering menimbulkan pelbagai masalah seperti pencerobohan udara di Johor, isu pemindahan kompleks Imigresen dan Kastam di Stesen Keretapi Tanah Melayu Bhd. di Tanjong Pagar, cubaan Bursa Saham Antarabangsa KLOFFE dan dalam *'Memoirs of Lee Kuan Yew'* menyatakan bahawa Malaysia membeli Singapura dalam rusuhan kaum 1964 di Singapura.

Jawapan:

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah memberi komitmen untuk membekalkan air kepada Singapura seperti yang terkandung dalam perjanjian tahun 1961 dan 1962. Sebagai ahli masyarakat antarabangsa, komitmen tersebut akan diteruskan. Isu-isu dua hala yang lain tiada kaitan dengan komitmen kerajaan untuk membekalkan air kepada Singapura.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
RANG UNDANG-UNDANG DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN
(PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 1993; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999

Jawatankuasa

Aturan urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dan Anggaran Pembangunan 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" [*Hari Keduabelas*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.47 [Jadual]-

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan, 1999]-

Tuan Pengerusi: Maksud B.47 dan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan dibentangkan semula. Diminta Yang Berhormat dari Kepong menyambung ucapan.

11.08 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, semalam saya telah menyebutkan keperluan untuk memperelokkan papan-papan tanda di KLIA supaya lapangan terbang itu menjadi yang terbaik di dunia. Hari ini saya dalam beberapa minit saya hendak membangkitkan kapasiti penumpang udara, kapasiti kargo udara, perkhidmatan-perkhidmatan trafik udara dan keselamatan penerbangan, destinasi-destinasi rangkaian antarabangsa dan domestik MAS serta usaha-usaha kementeriannya untuk melegakan kesesakan lalulintas di bandar-bandar Malaysia .

Tuan Pengerusi, walaupun KLIA adalah Lapangan Terbang yang baru yang mungkin akan ketinggalam zaman tidak lama lagi jika terdapat perubahan-perubahan dalam amalan penerbangan di dunia. Ini boleh berlaku Tuan Pengerusi.

Sebelum krisis ekonomi, kapasiti penumpang telah dianggarkan sebagai 25 juta penumpang setahun MPPA dan kapasiti kargo ialah 1 juta tan metrik di KLIA. Sekarang kerana faktor-faktor yang tertentu seperti kekurangan penumpang, sesetengah penerbangan MAS telah pun dipindah ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah. Kapasiti-kapasiti ini mestilah dipermoden dan diperbaiki. Saya hendak mengetahui kapasiti-kapasiti penumpang dan kargo ini di KLIA dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekarang?

Tuan Pengerusi, kargo adalah sangat penting untuk zaman ini, boleh dikatakan bahawa kehidupan ataupun kemajuan KLIA menumpukan perhatian kepada kargo. Di sini saya hendak bertanya berapakah bilangan, dengan izin, dedicated freighter air craft, di negara ini.

Tuan Pengerusi, kementerian memang telah mengumumkan pusat kontrol trafik udara di Subang dan sistem-sistem radar di Kota Kinabalu, Kuching dan Johor Bharu. Kita memerlukan sistem radar yang baik untuk ruang udara negara, semua ini haruslah dipermoden dan dipertingkatkan untuk perkhidmatan trafik udara dan keselamatan penerbangan. Dengan krisis ekonomi sekarang MAS menghadapi kesusahan, sebelum ini pun MAS telah mengalami kesulitan disebabkan faktor-faktor seperti jerebu dan kemerosotan penerbangan penumpang di dunia kini sudah terjatuh ditimpa tangga. Sebelum krisis terdapat 46 destinasi rangkaian antarabangsa dan 36 destinasi rangkaian domestik.

Tuan Pengerusi, apakah destinasi-destinasi sekarang, bilangan destinasi, sambil mengharapkan pengurusan MAS dipertingkatkan kerana saya percaya pengurusannya masih tidak sempurna dan ada kelemahan-kelemahan di dalam MAS dan saya berharap semua ini dapat diselesaikan dan saya juga mendesak supaya kerajaan memberi pertolongan yang wajar kepada MAS. Saya ada membangkitkan tahun lepas dan dua tahun yang lepas juga mengenai pakej kerajaan untuk menolong MAS. Dengan ini saya berharap dapat konsesi daripada MAS kerana saya sentiasa bangkitkan masalah MAS di sini. Tidak ada orang yang berminat, cuma hendak menikmati perkhidmatan MAS sahaja. Saya bangkitkan dan sentiasa memberi perhatian kepada perkhidmatannya. *[Disampuk]* Free pun boleh.

Tuan Pengerusi, negara kita berkehendakkan sistem pengangkutan bandar yang bersepadu, berkesan dan boleh diharapkan terutamanya di Lembah Klang dan pusat bandar seperti Georgetown, Ipoh, Johor Bharu, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Kuantan, Kota Kinabalu dan Kuching, *[Disampuk]* Kepong itu masuk di dalam Kuala Lumpur, Lembah Klang. Kita mesti memberi peluang kepada seseorang untuk mempelajari geografi di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, di Kuala Lumpur sahaja setiap hari ada lebih 1.5 juta kenderaan yang masuk ke Kuala Lumpur yang lebih daripada penduduk warga kota yang hampir 1.5 juta orang sekarang dan ini bermakna setiap tahun kadar pertumbuhan kenderaan yang masuk ke Kuala Lumpur adalah lebih kurang 17% setiap tahun, kadar peningkatan pertumbuhan kenderaan di Kuala Lumpur. Ini bermakna tiap-tiap hari mungkin ada lebih 800,000 kenderaan yang masuk ke Kuala Lumpur dan nampaknya sistem pengangkutan di kawasan ini adalah tidak memuaskan dan dengan krisis ekonomi memang projek-projek pun telah terjejas.

Tuan Pengerusi, saya berharap pihak kementerian dapat memberi gambaran yang sebenarnya apakah usaha pihak kementerian untuk meningkatkan sistem pengangkutan bandar yang bersepadu, berkesan dan boleh diharapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar.

11.15 pagi

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu persoalan sahaja di bawah kementerian ini iaitu Butiran 050000 - Pengangkutan Udara.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh persoalan ini berbangkit daripada beberapa perkara, walaupun kita menerima hakikat yang semua syarikat penerbangan di seluruh Asia pada masa sekarang mengalami masalah oleh kerana kegawatan ekonomi serantau dan juga seluruh dunia. Walaupun demikian saya masih berpendapat kita mesti melihat secara

keseluruhannya impak kepada kos penerbangan. Umpamanya kalau kita hendak terbang dari Kuala Lumpur ke Perth adalah lebih murah daripada penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dan penerbangan dari Kuala Lumpur ke Hong Kong lebih murah daripada penerbangan dari Kuala Lumpur ke Miri. Jadi kos ini adalah tidak langsung menggalakkan pelancongan dalam negara, ini rakan-rakan kita dari Sarawak yang baru datang membayar RM500 lebih untuk terbang ke Kuala Lumpur, dua hala tetapi kalau kita dari Kuala Lumpur hendak pergi ke Hong Kong return adalah RM800, penerbangan lebih jauh.

Jadi saya berharap pihak kementerian melihat kerana semalam saya mempersoalkan sama ada MAS membuat keputusan berlandaskan business consideration sahajakah, ataupun MAS dengan kementerian boleh membuat satu keputusan berlandaskan sosio-ekonomi, persoalan pelancongan dalam negara, persoalan intergrasi negara antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Saya boleh sebut kerana data ada di tangan saya, saya buat research dalam seminggu, dua ini iaitu kalau penerbangan dari Kuching ke Singapura 0.651 sen satu batu, dari Pulau Pinang ke Singapura 0.681 sen satu batu tetapi sebaliknya penerbangan dari Kuala Lumpur ke Melbourne 0.32 sen sahaja untuk satu batu, dari Kuala Lumpur ke London 0.24 sen sahaja untuk satu batu. Ini bermakna penerbangan ke Melbourne dan penerbangan ke London adalah setengah sahaja daripada kos untuk terbang dalam negara ini sendiri.

Jadi dengan sendirinya dasar kita untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri tidak akan berjaya, ramai rakan yang saya jumpa, saya bercakap dengan rakan saya setiap malam, makan malam bersama dengan Yang Berhormat dari Batu Gajah, saya juga makan malam dengan Yang Berhormat dari Kluang. Jadi rata-rata kawan saya ini berbincang bagaimana kita hendak sampai ke Sarawak, kalau saya seorang sudah RM560 untuk kelas ekonomi tetapi kalau saya naik first class, katanya dapatlah saya 25% diskaun diberi oleh pihak MAS, saya masih membayar dengan harga RM500 lebih. Jadi dengan sendirinya kalau saya ada anak lima orang, bagaimana hendak melawat ke Sarawak, lebih murah saya pergi ke Perth, Hong Kong, Taiwan, London ataupun Melbourne.

Jadi dengan keadaan demikian saya menggesa pihak kementerian kalau kita hendak intergrasi nasional, kalau kita hendak pelancongan dalam negeri, kita hendak majukan negeri Sarawak dan Sabah dari segi pelancongan dan infrastruktur pelancongan yang berjuta telah kita laburkan, kita hendaklah menekankan persoalan ini MAS kena beri konsesi sedikit, saya tahu competitiveness penerbangan antarabangsa yang bersaing dengan pihak SIA, saya tahu juga berapa tambang SIA dan saya tahu juga berapa tambang penerbangan-penerbangan lain dari Singapura ke Melbourne, Australia, Hong Kong, Taiwan, Tokyo, London ataupun Amerika. Oleh kerana saya sepuluh minit saya tidak boleh baca semua ini.

Jadi saya juga memang menerima juga hakikat penerbangan dalaman MAS dan Australia memang jauh lebih mahal daripada penerbangan international connecting flight dari Malaysia-Australia, Malaysia-London, Malaysia-New York, Malaysia-Los Angeles, Malaysia-Taiwan, dan Malaysia-Hong Kong. Kalau kita hendak perkara yang saya sebutkan tadi, pihak kementerian mesti meminta, saya faham yang MAS menghadapi masalah kewangan.

Jadi kita tidak sepatutnya menggunakan Sabah dan Sarawak jadi Gold Mind untuk MAS. Kalau kita hendak buat Sabah dan Sarawak jadi gold Mind untuk penerbangan yang untung, dengan alasan kata penerbangan daripada Kuching ke Kapit, Kuching ke Marudi, Miri ke Marudi, itu mendatangkan masalah. Saya tidak cukup yakin perkara ini, yang saya cukup yakin penerbangan dari Kuching ke Kuala Lumpur ialah double harga daripada sini ke Australia, ke London dan mana-mana international route seluruh dunia. Jadi kita kena lihat dan turunkan harga sedikit, saya tahu semua pakejnya.

Tuan Pengerusi, semua saya boleh sebut termasuk pakej malamnya. Kalau kita hendak guna pakej malam, keluar pukul 5.30 petang dan mesti sampai setengah jam sebelum sampai airport kerana MAS itu bukan schedule flight, kalau sepuluh minit orang tidak datang dia sudah tutup gate.

Jadi, saya sudah banyak cakap ini, betul ini, bukan schedule flight. Kalau datang lambat sedikit dari sepuluh minit aerobridge sudah tutup. Schedule flight yang saya kata itu, schedule flight yang kalau pulul 7.00 malam, pukul 7.00 malam mesti berangkat, gate mesti buka sampai pukul 7.00. Kalau saya terlambat sedikit, kalau terseliah kakikah, terjatuh bengkok, kena tunggu saya, tepat pukul 7.00 malam baru berangkat.

Saya terima kasih dengan MAS, saya masih puji MAS sebab ia satu-satunya penerbangan yang baik, yang peka dengan orang, baik layanan dengan orang tetapi perkara yang sedikit-sedikit dan remeh sedikit ini, kita hendak perbaiki supaya MAS boleh menjadi penerbangan yang terbaik di dunia, lebih baik daripada mana-mana penerbangan lain walaupun yang terbaik masih banyak lagi yang boleh di'improve'. Penerbangan daripada Sabah dan Sarawak ke Semenanjung ini mesti dilihat dengan serius kerana kita hendak semua Ahli Parlimen termasuk Speaker, Tun sendiri datang ke Sarawak dengan tambang yang murah, tidak payah tunggu pukul 5.30 pagi. Pukul 5.30 pagi itu anak-anak kita bangun pukul 4.30 pagi, kalau pukul 4.30 pagi datang dekat sini sudah demam, runnning nose dan sebagainya, tiga hari tidak boleh melancang di Kuala Lumpur, lepas habis tiga hari dia terpaksa balik ke Sarawak tidak tengok apa-apa pun. Jadi apa ini.

Jadi kalau orang hendak datang daripada Sabah ke Sarawak ataupun orang Semenanjung hendak datang ke Sarawak, mereka kena bagi penerbangan yang baik. Masa yang sesuai pukul 7.00 pagi sampai pukul 7.00 malam, baru dia dapat selesa, anak dia tidak payah bangun beberapa jam sebelum penerbangan dan dapat tidur yang mencukupi, anak tidak demam dan tidak sakit apabila sampai ke Semenanjung datang ke Sarawak, orang Sarawak datang ke Semenanjung. Itulah anak-anak saya walaupun mahal kena bayar yang berangkat pukul 7.00 pagi atau 8.00 pagi kerana saya takut dia datang ke sini demam. Bukan semua doktor, kalau semua orang macam Kemaman, dapatlah jaga anak. Itu pun sakit juga kalau dia bangun pukul 4.00 pagi.

Tuan Pengerusi, jadi persoalan tambang MAS ini, mesti dilihat Sabah, Sarawak sektor untuk datang ke Semenanjung bukan untuk orang Sabah dan Sarawak sahaja, mesti untuk semua orang Malaysia yang ramai kawan-kawan hendak pergi ke Sarawak dan datang ke Semenanjung ini, soalan pertama ialah tambang kerana tidak ada pengangkutan lain, kita tidak ada Feri Malaysia lagi, kita tidak ada kapal terbang lagi, kita tidak ada apa-apa pun benda lain melainkan naik belon daripada Sarawak, belon ya [*Sambil memandang ke belakang, rombongan pelawat-pelawat dari Sarawak*] Ya, belon. Naik belon sahaja daripada Sarawak. Jadi tidak ada cara lain, jadi tambang belon ini saya berharap direndahkan sedikit selaras dengan, kalau tidak dapat pun di atas sedikit sahaja penerbangan antarabangsa ini dapatlah antarabangsa di antara Sabah dan Sarawak solidarity kita, unity kita dan berbagai-bagai lagi keuntungan sosial dan ekonomi kita di sebalik itu. Jangan bagi keuntungan kepada MAS sahaja. Keuntungan masyarakat ini mesti ditumpukan juga.

Dengan perkataan yang sedemikian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, ya, ramai hendak berucap. Kita ada dua kementerian patut dihabiskan. Daripada hari ini pula ada tambahan satu Rang Undang-Undang, jadi kita ada dua belas Rang Undang-Undang hendak dibahaskan dalam masa dua hari, saya minta janganlah ramai sangat Yang Berhormat hendak berucap. Ya, Hulu Terengganu.

11.25 pg.

Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk saya bercakap dalam peruntukan Kementerian Pengangkutan dan saya mengambil bahagian dalam peruntukan P.47 Butiran 43003 - Lapangan Terbang Kuala Terengganu ataupun Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu.

Pertama sekali, saya bagi pihak kerajaan negeri berterima kasih kepada Kerajaan Pusat khususnya Kementerian Pengangkutan kerana telah memilih Lapangan Terbang Sultan Mahmud sebagai pintu masuk utama di sebelah Pantai Timur di mana lapangan terbang ini, katanya akan dinaikkan taraf menjadi Lapangan Terbang Wilayah Timur tetapi sungguhpun begitu untuk menaikkan taraf ini pada masa sekarang kedudukan perkara berikut sangat daif dan perlu diambil tindakan segera oleh kementerian. Pertama sekali ialah bangunan terminal yang sempit, terakhir sekali diubahsuai pada tahun 1970-an, ini bermakna sudah hampir 30 tahun untuk menampung sekurang-kurangnya pada waktu itu ialah Pesawat Fokker dan di samping itu tidak ada ruang kastam, imigresen yang sesuai, tambahan pula tempat pengambilan barang-barang bagger misalnya yang kecil, ruang menunggu dan pelepasan yang sempit, ruang legar yang tidak selesa, panas tidak ada aircondition dan tidak tersusun. Keselesaian langsung tidak ada di semua ruang dalam bangunan terminal sekarang ini. Barang siapa ke Terengganu boleh dapat melihat.

Oleh sebab itu berkaitan dengan beberapa perkara yang saya sebutkan ini, ramai penumpang terutamanya pelancong merungut apabila sampai ke lapangan terbang itu yang mana sebahagiannya duduk di atas lantai dan memberi komen pula kepada kerajaan yakni seolah-olah pihak kerajaan tidak prihatin kepada keperluan orang ramai walhal di Terengganu sangat berpotensi untuk maju terutama sektor perindustrian petroleum dan juga industri pelancongan yang sedang berkembang sekarang ini.

Oleh sebab itu, lapangan terbang ini langsung tidak sesuai kalau melihat keadaan sekarang dengan perkembangan negara kita dan oleh sebab itu Lapangan Terbang Sultan Mahmud bukan sahaja dari segi terminalnya tetapi dari segi landasan pun tidak mencukupi walaupun sekarang ini Boeing 737 dapat mendarat tetapi ada waktu-waktu oleh kerana lapangan terbang ini di tepi laut, kalau datang ribut, angin kencang, kadangkala kapal terbang ini tidak dapat mendarat. Oleh sebab itu landasan perlu juga diperbesarkan ataupun diperpanjangkan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman, peruntukan dalam tahun Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah diumumkan, saya difahamkan lebih kurang RM33 juta iaitu bagi pembinaan parking dan lain-lain termasuk pengambilan tanah bagi tapak terminal baru. Oleh itu saya pohon supaya pihak kementerian yang sesuai dengan keadaan sekarang ini malah sangat jauh daripada kos yang telah diperuntukkan RM33 juta dan yang dijangka setelah dibuat kajian sama ada di pihak kementerian ataupun kerajaan negeri lebih kurang hampir kalau hendak lengkap ataupun hendak disebut sebagai naik taraf, lapangan terbang ini sebagai pintu masuk Wilayah Timur dan khususnya Koridor Timur yang akan berkembang di antara negeri-negeri di Pantai Timur ini, maka tidak kurang daripada RM300 juta perlu diperuntukkan bagi mengubahsuai termasuk terminal dan landasannya sekali.

Dengan hal yang demikian, saya berharap supaya perkara ini tidak boleh dipandang ringan oleh pihak kementerian kerana negeri Terengganu sekarang ini terkenal sebagai kawasan yang telah pun ditentukan sebagai kawasan industri pelancongan yang begitu pesat dan kalau pelawat-pelawat asing datang, kadang-kadang kita merasa malu, bukan sahaja tidak selesa dengan kepanasannya tetapi tidak ada ruang untuk mereka menunggu dengan begitu selesa ataupun duduk di kawasan yang berkenaan.

Oleh yang demikian, saya pohon secara bersungguh-sungguh kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan supaya perkara ini diambil perhatian yang sewajarnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kapar.

11.31 pagi.

Dr. G. Leelavathi [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk berbahas.

Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 080000 – Dasar Baru, Program 080200 – Unit KLIA – Pengangkutan Udara Wilayah I. Saya mengambil peluang untuk membincangkan penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke Madras dan balik. Terdapat juga penerbangan harian ke Madras dari Kuala Lumpur dan semua penerbangan ini sentiasa penuh, laluan ini adalah salah satunya yang mendatangkan banyak keuntungan. Tetapi malangnya penumpang-penumpang di dalam penerbangan ini tidak diberi layanan sewajarnya dengan sempurna. Untuk pergi ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, penumpang-penumpang ini terpaksa bertolak dari tempat kediaman mereka pada pukul 5.30 petang untuk menaiki penerbangan pada pukul 9.30 malam.

Penerbangan ini selalunya pada waktu malam dan untuk menaiki penerbangan ini dan duduk di dalam kapal terbang sehingga bertolak, penumpang-penumpang terpaksa menunggu hampir enam jam sebelum mereka dihidangkan dengan makanan malam. Kadangkala minuman ringan tidak disediakan selepas kapal terbang berlepas sementara menunggu makanan malam dihidangkan. Sepatutnya minuman dan makanan ringan patut disediakan, alasan yang diberi kerana tidak menghidangkan minuman ringan ialah kerana kegawatan ekonomi. Dengan demikian makan malam terus dihidangkan setelah dua jam di dalam penerbangan.

Tuan Pengerusi, perkara minuman dan makanan ringan ini patut diambil kira kerana gerai-gerai makanan di KLIA menjual makanan dan minuman pada harga yang mahal. Yang demikian, eloklah sekiranya pihak MAS dapat menyediakan minuman dan makanan ringan kepada penumpang-penumpang semasa di dalam kapal terbang sementara menunggu dua jam lagi bagi jamuan makan malam dihidangkan supaya mereka tidak merasa lapar. Perkara yang ingin saya bangkitkan ialah penumpang-penumpang ini terpaksa berjalan kaki lebih jauh untuk menaiki pesawat MAS kerana pesawat ini ditempatkan di pintu yang terjauh sekali seperti Pintu Nombor 25 dan lebih. Kebanyakan penumpang ini menggunakan penerbangan Kelas Ekonomi dengan membayar RM1,400 lebih bagi perjalanan pergi dan balik, jika dibandingkan dengan penerbangan Kelas Ekonomi Kuala Lumpur ke Hong Kong pergi dan balik yang cuma RM800.

[Tuan Pengerusi (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya berharap mereka mendapat layanan yang lebih baik daripada MAS. Dengan ini saya berharap penumpang kelas ekonomi dari Kuala Lumpur ke Madras dapat diberi minuman dan makanan ringan oleh MAS sebaik sahaja berada di dalam pesawat. Saya juga ada menerima aduan daripada penumpang-penumpang Kelas Ekonomi bahawa steward dan stewardess kadangkala mudah naik marah dengan kerenah penumpang-penumpang ini dan dengan itu MAS patutlah menambah lagi bilangan steward dan stewardess untuk meringankan beban tugas mereka. Yang demikian, saya harap keadaan ini dapat diatasi oleh MAS. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kluang.

11.35 pagi.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi rajin juga, cuti rehat pun datang bertugas.

Saya bangun untuk menyebut beberapa perkara di bawah Butiran 070000 – Jabatan Kereta Api. Sejak KTM dikorporatkan, kita akui bahawa dari segi imej dan juga mutu perkhidmatan telah pun ditingkatkan. Namun apabila kita sebut tentang perniagaan, saya setuju juga kalau KTM cuba mencari keuntungan tetapi dari segi tanggungjawab sosial ataupun social responsibility, harus juga diambil kira. Saya membangkitkan perkara ini kerana pernah berlaku di mana apabila nampak kurang sedikit penumpang, KTM kadang-kadang memberhentikan satu trip perkhidmatan ataupun kadang-kadang tidak berhenti di satu stesen kereta api tersebut.

Pernah dua, tiga kali saya membawa perkara ini kepada kementerian dan juga kepada Ibu Pejabat KTM kerana di Kluang ini pernah berlaku, ada dua, tiga kali bukan trip perjalanan itu dibatalkan, tetapi kadang-kadang kereta api itu tidak diberhentikan di stesen yang tertentu. Kalau tidak salah saya pernah sekali di Stesen Labis, iaitu di kawasan Yang Berhormat Menteri sendiri, walaupun perkara ini dapat diselesaikan tetapi ia menimbulkan banyak masalah kepada penumpang-penumpang di satu-satu kawasan dan saya fikir bukan sahaja menyusahkan kepada penumpang-penumpang ataupun penduduk-penduduk di sesuatu kawasan, bahkan ia juga menyusahkan wakil rakyat di kawasan yang tertentu.

Jadi saya merayu kepada KTM pada masa akan datang supaya tidak berlaku perkara yang seperti ini untuk kemudahan dan kebaikan penduduk-penduduk di sesuatu kawasan. Saya juga ingin bertanya tentang sistem untuk tutup gate kereta api ini, sebab di kawasan saya di Kluang dan di kampung saya di Paloh, nampaknya di bandar Kluang masa untuk tutup gate lebih kurang tiga minit sebelum kereta api sampai ke gate tersebut. Tetapi apabila saya nampak di pekan kampung saya iaitu di Paloh, apabila gate tutup kadang-kadang memakan masa hingga lapan ataupun sepuluh minit. Saya memang setuju dari segi teknikal ataupun dari segi keselamatan, mungkin KTM terpaksa menutup gate sebelum kereta api sampai dalam satu jangka masa yang sesuai. Saya rasa kalau tiga minit memang cukup untuk kita kawal keselamatan dan bukan lapan minit, sepuluh minit ataupun lebih daripada masa itu. Jadi saya berharap pihak KTM dapat mengkaji semula tentang masa untuk kita tutup gate kereta api ini, khususnya di pekan Paloh ini.

Lagi satu perkara tentang culvert yang melintasi landasan kereta api dan juga jejambat yang melintasi landasan kereta api. Kadang-kadang apabila satu projek perumahan atau satu pembangunan yang berlaku di suatu tempat, culvert yang sedia ada yang melintasi landasan kereta api, mungkin pembinaannya pada tahun 50-an ataupun 60-an. Tetapi memandangkan pembangunan yang sedia ada, culvert yang sedia ada untuk pengaliran keluar air daripada satu kawasan mungkin tidak sesuai lagi dan harus diperbesarkan atau mengubah culvert yang sedia ada di landasan kereta api itu dan kadang-kadang apabila memohon satu projek untuk membesarkan culvert yang melintasi landasan kereta api itu, KTM memang memberi banyak alasan ataupun tidak membenarkan projek ini dijalankan.

Jadi saya merayu kepada pihak KTM kalau memang sampai masa untuk kita hendak mengubah ataupun membesarkan culvert yang melintasi landasan kereta api haruslah memberi pertimbangan yang sewajarnya. Tentang jejambat yang melintasi kereta api ini, saya bangkitkan perkara ini sebab tidak lama lagi di bandar Kluang, pihak JKR telah pun memohon kepada Ibu Pejabat JKR supaya melebarkan jejambat di Jalan Besar di bandar Kluang tanpa melebarkan atau membesarkan jalan dan juga jejambat di lintasan kereta api itu. Landasan kereta api itu memang tidak dapat menyelesaikan masalah lalu lintas di seluruh kawasan bandar Kluang ini.

Jadi saya merayu kepada pihak KTM supaya dapat bersama-sama dengan pihak JKR untuk melihat perkara ini. Jadi apabila projek ini telah diluluskan saya berharap KTM dapat bekerjasama dengan pihak JKR supaya projek membesarkan ataupun melebarkan jejantas ataupun jejambat di landasan kereta api di bandar Kluang ini dapat diselesaikan.

Satu lagi perkara yang saya ingin tanya ialah tentang rancangan lalu-lintas dua laluan ataupun berkembar di seluruh negara kita. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan ini program untuk menjalankan projek ini dan sama ada ia mengikut fasal-fasal ataupun cara bagaimana untuk melaksanakan projek ini dan kalau boleh memberitahu keseluruhan kos pembinaan projek yang dilibatkan ini. Di bandar Kluang ini saya juga hendak tahu tentang projek penswastaaan di Stesen Kereta Api Kluang ini. Terdahulu saya memang mendengar cerita-cerita tentang kawasan kereta api di Kluang akan diswastakan. Jadi saya ingin tahu sama ada projek ini masih dikekalkan ataupun ditangguhkan ataupun dibatalkan.

Tuan Pengerusi, di bawah Pengangkutan Darat, Program 090200 – Program Pengawasan Masalah Keselamatan Jalan Raya. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian dan juga pihak polis kerana memang serius tentang menjalankan Kempen Jalan Raya dan saya ingin tahu setakat ini, bagaimana keadaan kes kemalangan jalan raya di negara kita sama ada ia meningkat ataupun menurun? Kerana sekarang musim cuti sekolah dan berikutnya kita akan menghadapi musim hari perayaan. Jadi memang musim sekarang ini penting untuk kita mengawal dan juga menjaga keselamatan jalan raya. Jadi saya minta pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan ini bagaimana persiapan terhadap Kempen Keselamatan Jalan Raya di seluruh negara kita ini.

Di bawah Program 060500 – Penguat Kuasa Undang-undang, pagi tadi kita dengar ada juga aduan tentang pemandu teksi bukan kerana cukai jalan ataupun lesen memandu mereka disenaraihitamkan tetapi kerana sesuatu kesalahan. Saya tidak tahu sama ada saman ekor masih berlaku ataupun cara yang bagaimana kita hendak senaraihitamkan satu cukai jalan ataupun lesen memandu. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan sama ada cara yang bagaimana kita senaraihitamkan sesuatu cukai jalan ataupun lesen memandu.

Satu lagi Program 12100 – Pejabat Baru JPJ. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri masih ingat pada tahun 1996 apabila saya membangkitkan tentang pejabat baru JPJ di Kluang, walaupun pada masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kalau tidak sempat kita membina satu pejabat baru JPJ di Kluang, kita akan sewa dua lot kedai untuk membuka pejabat di Kluang, tetapi malangnya sampai hari ini pejabat ini masih belum wujud lagi. Jadi saya berharap dan merayu kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri supaya kalau projek untuk membina pejabat baru tidak dapat diperolehi, maka kalau sewa kedai untuk membuka pejabat di Kluang pun kita akan terima. Jadi saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat melihat perkara ini.

Akhir sekali tentang pelabuhan-pelabuhan. Mengikut jawapan yang diterima di dalam Dewan ini walaupun usaha yang dibuat oleh kementerian supaya menggalakkan peniaga-peniaga ataupun khususnya untuk mengeksport barang negara kita supaya melalui pelabuhan tempatan. Mengikut jawapan masih ada 40% barang eksport kita melalui Pelabuhan Singapura. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah sasaran kementerian yang hendak dicapai sehingga tahun 2000 supaya segala barangan eksport ini akan terus melalui Port Klang di negara kita.

Satu lagi Butiran 03400 – Pelabuhan Tanjung Pelepas. Sebab saya adalah wakil dari Johor, jadi saya merasa amat bangga kerana pelabuhan yang besar ini akan wujud di Tanjung Pelepas. Jadi saya ingin tahu sama ada projek ini akan memakan masa berapa lama dan setakat ini kemajuan tentang pembinaan Pelabuhan Tanjung Pelepas yang kita jalankan pada hari ini dan apakah prestasi pelabuhan ini akan membawa faedah kepada negara kita?

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Labuan.

11.46 pagi.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 050000 – Pengangkutan Udara. Pertama saya ingin menyokong dan menambah sokongan kepada rakan saya dari Batang Lupar, tentang saranan beliau mengenai beberapa perkara yang menyentuh soal tambang pengangkutan udara dari Sabah, Sarawak, Labuan ke Semenanjung untuk tujuan integrasi. Dalam persoalan ini saya ingin membangkitkan beberapa perkara.

Yang pertama, saya ingin bertanya kepada kementerian apakah dalam keadaan kegawatan ekonomi pada hari ini MAS masih lagi menanggung kerugian dalam sektor-sektor penerbangan tempatan ini ataupun penerbangan dalam negeri. Di mana pada beberapa tahun dahulu apabila kita menanyakan dalam Dewan yang mulia ini, jawapan daripada kementerian, penerbangan dalam negeri masih lagi mendapat subsidi daripada penerbangan antarabangsa.

Jadi saya ingin tahu apakah keadaan ini masih berkekalan dalam keadaan kegawatan ekonomi? Apakah perkhidmatan ataupun penurunan atau kejatuhan penyediaan perkhidmatan penerbangan kini, misalnya penyediaan makanan yang 'sub-standard', layanan anak kapal juga telah menurun, pelbagai perkara yang selalu diberikan pada suatu ketika dahulu kini sudah tidak diberikan. Pada beberapa bulan yang lalu blanket pun tidak disediakan dalam kapal terbang, walaupun kita terbang tengah malam 'night flight'nya, tourist flight tidak disediakan. Kini tooth-picks pun tidak ada disediakan. Saya tidak tahulah jumlah perbelanjaan untuk menyediakan tooth-picks dalam penerbangan ini sehingga ianya terpaksa ditiadakan sekarang. Bantal juga pada suatu ketika telah ditiadakan dalam perkhidmatan ini dan kalau dibandingkan dengan perkhidmatan penerbangan yang saya tahu, di antara Sabah, Sarawak, Labuan dengan Semenanjung, ada tiga perkhidmatan, yang pertama Air Asia dan satu lagi Transmile Air. Kini Air Asia lebih popular daripada masyarakat Sabah menggunakannya untuk terbang ke Semenanjung. Ini kerana tambang yang diberikan adalah jauh lebih murah dan penerbangannya pula dekat, ia mendarat di Subang dan tidak perlu membayar tambang teksi yang begitu mahal. Kalau daripada KLIA ke Kuala Lumpur RM66.20 dan seterusnya, sedangkan dari Subang cuma RM29.00 ataupun RM30.00 sudah sampai ke Kuala Lumpur. Jadi mendapat tarikan.

Bukan saja itu malah penyediaan perkhidmatan dalam penerbangan adalah jauh lebih baik daripada MAS yang disediakan oleh Air Asia ini. Dalam Air Asia ini tidak ada limit, tidak ada had untuk mendapatkan tip bits misalnya kacang, minum dan sebagainya, bila sampai masuk dalam kapal terbang, encik hendak minum apa, kalau menumpang dengan MAS ini, hendak minta, baru dia bagi minuman seperti ini, lepas itu dia bagi sekali, kadangkala kita duduk di business class, tidak ada choice lagi, tapi dia tanya juga, hendak apa? Kadang-kadang ada dua jenis makanan saja disediakan. Dia tanya dengan kita, kadang-kadang bila sudah sampai orang terakhir dalam penerbangan ini tidak ada choice lagi.

Jadi bererti penurunan atau kejatuhan perkhidmatan MAS ini begitu ketara, jadi saya ingin tahu apakah ini disebabkan oleh yang pertama, MAS telah menanggung kerugian yang begitu besar dalam konteks penerbangan dalam negeri, yang kedua apakah MAS juga mempunyai masalah-masalah kewangan yang lain misalnya foreign exchange dan sebagainya sehingga menyebabkan ini berlaku.

Dan saya juga ingin tahu apakah Penerbangan Malaysia ini akan menyediakan perkhidmatan daripada Labuan ke Subang, kini tidak ada perkhidmatan sedemikian, cuma dari Kota Kinabalu dan tempat-tempat lain sahaja. Jadi apa salahnya saya rasa pihak Penerbangan Malaysia ini juga memberikan alternatif kepada kita daripada Labuan ini supaya dapat membuat pilihan sama ada untuk terbang melalui Subang ataupun KLIA kerana kita mempunyai dua, tiga penerbangan langsung daripada Labuan dan semuanya ke

KLIA. Tidak semuanya penumpang daripada Labuan ini, walaupun di IOFC tidak semuanya untuk terus terbang ke luar negara dan terpaksa lalu di KLIA. Saya juga difahamkan sekiranya mempunyai connection antarabangsa ada perkhidmatan bas disediakan di Subang, jadi itu tidak merupakan masalah yang besar .

Perkara kedua Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya di sini, bila kita perhatikan penyediaan golden lounge di KLIA, ianya terletak di suatu lokasi yang sungguh menyusahkan penumpang. Ianya terletak di wing sebelah A dekat dengan pintu No. 6, kalau saya tidak silap, dan selalunya kita ini diberi pintu blok B dan dan pintu No. 11 pula, jauh di sebelah, jadi kita mahu menggunakan perkhidmatan golden lounge ini pun kadangkala malas kerana terpaksa berjalan sebelah kanan jauh pergi ke pintu 6A, kemudian patah balik lagi pergi ke sebelah pintu B. Jadi ini menyusahkan, apakah tidak boleh pihak kerajaan mencadangkan supaya golden lounge itu diletakkan di suatu lokasi yang lebih strategik, sama ada kita menggunakan wing di sebelah A ataupun wing B, jadi menyenangkan kita.

Jadi itu tentang KLIA, dan perkara kedua juga apakah kerajaan tidak boleh menyediakan, oleh kerana KLIA ini begitu besar dan jauh apakah kiranya pihak kementerian mencadangkan supaya disediakan buggy di lapangan ini supaya memudahkan, bukan saja kepada penumpang tua, penumpang kurang upaya, penumpang sakit disediakan perkhidmatan itu tetapi penumpang biasa juga boleh menggunakan. Siapa yang mahu cepat ataupun kesuntukan masa boleh menggunakan perkhidmatan ini di KLIA.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang menjadi minat kepada saya ini iaitu penerbangan ringan 'microlight' di mana Timbalan Menteri adalah merupakan Presiden Kelab Penerbangan 4B. Saya ingin bertanya kepada kementerian mengapakah sehingga kini masih lagi tidak memperakui jenis 'microlight tractor' ataupun yang mempunyai kipas di depan itu untuk didaftarkan sebagai kapal terbang ringan yang boleh diberikan lesen untuk terbang di negara kita ini. Tuan Pengerusi, di dalam dunia ini yang lebih popular ialah jenis 'microlight tractor' bukan purser, purser ini adalah merupakan kipas yang di belakang. Jadi di negara kita ini mungkin pegawai-pegawai yang terlibat dalam perlesenan ini mungkin hanya tahu tentang 'tractor' tetapi tidak tahu tentang 'purser'. 'Tractor' di depan dan 'purser' di belakang.

Jadi saya berharap supaya pihak kementerian mengkaji soal ini kerana saya juga mempunyai rakan-rakan yang mempunyai jenis 'microlight tractor' ini dan sehingga kini belum boleh didaftarkan di negara kita ini dan kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memang menyokong soal industri penerbangan ini dan mahukan semua rakyat Malaysia kalau boleh dapat menjadi juruterbang dan menggunakan penerbangan jenis ringan.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 09900 - Pembangunan Lapangan Terbang Labuan yang telah diperuntukkan sebanyak RM3.5 juta pada tahun ini. Saya ingin tahu bilakah lapangan terbang ini boleh digunakan ataupun mula beroperasi. Saya juga ingin tahu apakah jenis aerobridge yang diberikan untuk Lapangan Terbang Labuan ini. Saya difahamkan kerajaan mahu menggunakan aerobridge yang ada di Subang, second-hand aerobridge itu dipasang di Labuan. Apakah ini benar, dan saya rasa ianya mungkin tidak compatible kalau menggunakan aerobridge yang ada di Subang itu untuk Lapangan Terbang Labuan kerana saya melihat bangunan terminalnya begitu unit sekali dan kalau digunakan aerobridge yang second-hand ini mungkin tidak compatible dari segi 'facies'nya. Jadi kalau boleh gunakanlah yang terbaru seperti yang terdapat di KLIA dan sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah lapangan terbang yang baru. Dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ledang.

10.58 pagi

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh secara ringkas Maksud P.47 - Pelabuhan-pelabuhan. Kita mengucapkan tahniah kerana kerajaan sedang berusaha menambah lagi bilangan pelabuhan di negara ini khususnya di Semenanjung Malaysia ini. Misalnya pelabuhan di Tanjung Pelepas, Johor, Kemaman, Terengganu, Kuala Kedah dan lain-lain. Dalam usaha menyekat pengaliran mata wang kita keluar lebih-lebih lagi dalam suasana kegawatan sekarang ini.

Saya juga ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan baru-baru ini, iaitu sumbangan pelabuhan-pelabuhan di negara ini termasuk Pelabuhan Klang kepada Gross Domestic Product (GDP), negara ini hanyalah 1.59% sahaja, iaitu sumbangan yang terlalu kecil jika dibandingkan dengan sumbangan pelabuhan Hong Kong kepada GDP pulau itu iaitu sebanyak 20%. Pelabuhan-pelabuhan di Singapura juga banyak menyumbang kepada GDP negara tersebut yang kebanyakannya datang dari Semenanjung Malaysia iaitu lebih kurang 40%. Kita juga berbangga apabila dimaklumkan oleh semua pihak bahawa perkhidmatan di Pelabuhan Klang termasuk pemeriksaan kastam adalah excellent dengan izin iaitu 35% dapat dibereskan dalam tempoh 24 jam, 40% dalam tempoh 48 jam, 20% dalam tempoh 5 hari dan hanya 5% sahaja mengambil masa 7 hari untuk dibereskan.

Kita juga dimaklumkan iaitu kos pengangkutan mengikut jalan darat ke Causeway Johor dan ke Singapura adalah sebanyak RM1,500. Tetapi jika melalui jalan laut daripada Port Klang ke Singapura hanya RM1,000 sahaja dan ini sudah pasti lebih menjimatkan. Jika segala-galanya okay dan excellent apa lagi yang menghalang pihak-pihak yang terlibat dengan industri perkapalan dan eksport-import negara ini daripada menggunakan pelabuhan-pelabuhan tempatan khususnya Pelabuhan Klang.

Isu sekarang bukan lagi perkhidmatan yang tidak cekap, bukan lagi isu prasarana yang tidak mencukupi dan bukan soal tidak cost effective pelabuhan-pelabuhan tempatan. Isu sekarang ialah sikap. Mereka memerlukan satu perubahan sikap, mereka memerlukan suntikan semangat patriotik, cintakan negara dan sanggup bersama-sama membantu negara dengan apa cara yang termampu. Semasa negara berada dalam keadaan sulit inilah setiap rakyat yang memijak bumi Malaysia dan bernaung di bawah langitnya perlu menunjukkan semangat cintakan negara ini.

Kementerian Pengangkutan perlu melancarkan satu kempen untuk mengubah sikap yang telah berakar umbi ini dan memberikan suntikan patriotisme dan rasa kasih kepada negara ini. Kita tidak mahu jumlah yang besar dibelanjakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kemudahan prasarana pelabuhan-pelabuhan yang ada dan membina pelabuhan-pelabuhan yang baru. Tetapi tanpa berlakunya perubahan sikap ini, kita akan terus berbincang tentang pelabuhan-pelabuhan tempatan yang gagal memberikan sumbangan yang bererti kepada GDP negara ini, dan pengaliran terus mata wang kita keluar negara walaupun di saat kita amat memerlukan setiap sen wang negara perlu kita selamatkan.

Tuan Pengerusi, di samping itu, saya juga ingin mengemukakan satu soalan kepada Kementerian Pengangkutan iaitu sama ada syarikat-syarikat insurans tempatan juga mengalami nasib yang sama, iaitu mereka juga tidak mendapat apa-apa faedah daripada kegiatan perkapalan dan urusan eksport-import negara ini. Adakah para pengeksport dan pengusaha kapal ini menggunakan khidmat syarikat-syarikat insurans tempatan untuk melindungi barang-barang yang dieksport atau diimport ini? Apakah faedah atau insentif yang mereka perolehi jika mereka menggunakan khidmat syarikat-syarikat insurans tempatan? Kita mahu semua pihak mendapat faedah daripada usaha kerajaan ini dan setiap pihak harus memainkan peranannya masing-masing untuk membantu negara keluar daripada kegawatan ekonomi ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa dengan kata-kata itu saya akhir ucapan ini dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kemaman.

12.03 ptg.

Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Hulu Terengganu tadi mengenai Lapangan Terbang Kuala Terengganu yang sekarang ini keadaannya cukup daif yang telah menjadi pintu masuk kepada penerbangan antarabangsa. Yang anehnya penerbangan antarabangsa ke Kuala Terengganu ini terpaksa turun ke Kuantan untuk cop passport, untuk immigrat clearance. Jadi, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, peruntukan yang diberikan sebanyak RM4 juta ini pada tahun 1999 apakah tujuannya. Kita tahu RM33 juta telah diperuntukkan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh dan pada tahun 1996 hingga 1997 ianya hanya menggunakan sebanyak RM6 juta.

Jadi, adakah kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan projek ini supaya Lapangan Terbang Kuala Terengganu ini dijadikan pintu masuk kepada pelancong-pelancong terutama sekali daripada Singapura, kerana mereka ini pada masa sekarang terpaksa turun di Kuantan, terpaksa melakukan immigrat clearance di Kuantan.

Yang keduanya, saya ingin merujuk kepada Butiran 13023 – Lapangan Terbang KLIA. Yang Berhormat dari Kepong ada membangkitkan tentang tunjuk arah. Saya rasa tidak ada masalah di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA, Sepang. Kita pergi di sana kita tengok tunjuk arah itu memang cukup. Kita tidak expect seperti jalan-jalan raya. Kalau kita memandu 100 kilometer sejam baru kita hendak tunjuk arah yang besar-besar. Tetapi kita selalu naik kapal terbang dan kita tidak dapat apa-apa masalah. Yang adanya sign 'ke kiri' dan 'ke kanan'. Saya tengok semua signnya adalah cukup baik dan cukup cantik dan kita patut berasa bangga dengan kecantikan Lapangan Terbang KLIA kita dan merupakan salah satu yang terbaik di dunia.

Cuma saya hendak bangkitkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah tentang kecekapan pengendalian oleh kakitangan lapangan terbang itu sendiri. Baru-baru ini kita lihat pasukan hoki kita telah tertinggal hocky sticknya. Dia terpaksa meminjam hocky stick daripada pasukan wanita daripada Mesir. Jadi, setelah disiasat didapati hocky stick ini terbawa ke dalam stor. Saya sendiri pun pernah mengalami peristiwa yang sama. Beg saya terbawa ke Kuantan dan setelah dua hari baru sampai. Jadi, saya bertanya kepada pihak Lapangan Terbang Kuantan adakah masalah ini selalu berlaku. Dia kata tiap-tiap minggu sekurangnya dua atau tiga kali berlaku di mana bagasi kita ini selalu tidak sampai.

Jadi, saya minta kepada kementerian untuk menyiasat perkara ini. Kita tahu walaupun usaha telah dibuat untuk memastikan perjalanan lapangan terbang kita ini sebaik mungkin, tetapi masalah bahagian pengendalian bagasi ini cukup ketara, dan saya minta kepada kementerian untuk menyiasat perkara ini dan memberi perhatian yang begitu serius.

Mengenai Lapangan Terbang KLIA juga, iaitu apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Labuan tadi, iaitu golden lounge. Saya memang bersetuju sangat supaya golden lounge ini perlu diubah tempat. Kerana kadang-kadang kalau kita naik satu terminal atau tempat yang lain, kita terpaksa berjalan jauh. Dalam golden lounge ini tidak diberi announcement untuk naik kapal terbang sama ada 15 minit sebelum naik kapal terbang. Kadang-kadang kita terlupa. Apakah rasionalnya announcement ini tidak dibuat di golden lounge yang baru ini. Saya minta kalau boleh golden lounge ini kita ubah di tempat yang lebih sesuai. Jadi, saya berharap perkara-perkara yang saya sebut ini dapat diperbaiki oleh pengurusan MAB.

Tuan Pengerusi, saya juga merujuk kepada Butiran 020000 – Pengangkutan Laut, iaitu mengenai keselamatan. Baru-baru ini satu insiden di Melaka, iaitu bot karam

yang melibatkan nyawa, dan didapati bahawa muatan di dalam bot itu adalah lebih dan menyebabkan ramai nyawa yang terkorban. Jadi, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri apakah kita mempunyai penguatkuasaan yang baik yang begitu tegas walaupun kita mempunyai peraturan-peraturan atau undang-undang, syarat-syarat tertentu untuk pemohon-pemohon lesen untuk bot operators ini. Saya bangkitkan ini kerana di Terengganu banyak pulau seperti Pulau Kapas, Pulau Perhentian dan juga Taman Negara. Saya lihat dahulu kalau naik bot pergi Taman Negara, safetynya tidak ada langsung. Kadang-kadang kita naik bot, air dengan bot itu satu jengkal sahaja. Kalau ada apa-apa yang melanggar oleh bot itu for sure capsized. Dahulu saya memang takut. Kadang-kadang life jacket pun dia tidak beri. Kita tidak dinasihatkan untuk memakai life jacket. Life jacket ada disediakan, tetapi setengah-setengah operator tidak mementingkan terhadap keselamatan ini.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri berapakah kekerapan penguatkuasaan yang dibuat oleh kementerian terhadap bot operators ini. Saya minta juga kepada kementerian memastikan bahawa bot operators ini mempunyai kepakaran di dalam keselamatan dan juga first aid. Kita dapati bahawa baru-baru ini berlaku ramai yang meninggal terdiri daripada kakitangan bot itu sendiri. Jadi, ini menunjukkan mereka tidak prihatin terhadap keselamatan bukan sahaja mereka, tetapi juga penumpang-penumpang yang dibawa.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 03601 – Kerja-kerja Pengorekan Pelabuhan Kemaman, Butiran 04900 – Pembinaan Jeti Kargo Bahaya Pelabuhan Kemaman. Kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian yang telah memperuntukkan lebih kurang RM120 juta untuk pengorekan Pelabuhan Kemaman ini dan RM35 juta untuk pembinaan Jeti Kargo Bahaya Pelabuhan Kemaman. Pelabuhan Kemaman ini merupakan pelabuhan yang terdalam, dan salah satu yang terdalam di Asia Tenggara. Dengan pengorekan ini, pelabuhan ini merupakan pelabuhan yang begitu baik, yang lebih baik daripada Pelabuhan Kuantan yang berdekatan dengan Pelabuhan Kemaman. Tetapi yang menjadi kemusykilan saya ialah mengapakah Pelabuhan Kemaman ini masih lagi ditadbirkan oleh Lembaga Pelabuhan Kuantan.

Baru-baru ini dua-tiga hari yang lepas saya telah bangkitkan dalam soal-jawab, tetapi saya tidak mendapat jawapan yang begitu baik oleh Setiausaha Parlimen. Saya minta kementerian memberi jawapan yang tepat. Saya hendak tanya penswastaan Pelabuhan Kuantan dan penswastaan Pelabuhan Kemaman ini adakah telah selesai atau belum. Kalau telah selesai, siapakah yang mengendalikan Pelabuhan Kuantan ini dan siapakah yang mengendalikan Pelabuhan Kemaman? Saya difahamkan bahawa sekarang ini hanya terdapat lebih kurang 18 atau 15 orang kakitangan di Pelabuhan Kemaman yang masih lagi diuruskan oleh Pelabuhan Kuantan. Apa yang menjadi kemusykilan ialah kadang-kadang sudah tentu apabila seorang yang menguruskan dua pelabuhan ini dia ada privatisme.

Baru-baru ini ada satu Star Cruise yang selalu datang berlabuh di Pelabuhan Kemaman dan apabila didapati tarif yang diberikan di Pelabuhan Kuantan adalah lebih baik dan di Pelabuhan Kemaman adalah lebih tinggi, maka sekarang ini Star Cruise ini telah pergi ke Pelabuhan Kuantan dan mengangkut dengan bas balik ke Pelabuhan Kemaman. Jadi, ini salah satu daripada perkara-perkara yang saya rasa tidak baik dari segi persaingan. Jadi, saya hendak tanya kementerian apakah pembangunan Pelabuhan Kemaman ini dibuat untuk industri-industri di daerah Kemaman ini. Kita tahu di daerah Kemaman mempunyai industri petrokimia yang cukup baik, yang cukup besar, merupakan industri petrokimia yang terbesar di negara kita. Kita mempunyai industri besi waja yang terbesar di negara ini. Kita ada dua industri besi waja. Satu, the famous Perwaja dan satu lagi sekarang ini Gunawan Steel, iron industry.

Jadi, Pelabuhan Kemaman sekarang ini memang khusus untuk kilang Perwaja. Tetapi kita dapati bahawa Perwaja sekarang ini banyak eksportnya sudah kurang. Jadi,

nampaknya kargo yang datang ke Pelabuhan Kemaman sudah berkurangan. Tetapi adakah Kementerian tidak bercadang untuk menambahkan lagi kemudahan-kemudahan (facilities) untuk membesarkan pelabuhan ini, kerana pelabuhan ini merupakan pelabuhan yang terbaik, yang terdalam di negara kita. Jadi, saya minta peruntukan yang telah diberikan RM150 juta dan RM35 juta itu dibelanjakan dalam masa terdekat ini. Saya minta kemudahan-kemudahan ini diperbaiki untuk memajukan industri di Pelabuhan Kemaman ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Dr. Ramli bin Taib: Satu minit sahaja, Tuan Pengerusi, iaitu mengenai landasan kereta api yang akan dibina oleh Petronas daripada Pelabuhan Kuantan ke Kerteh, Kemaman. Saya hendak bertanya apakah rasional untuk membina landasan kereta api ini. Kerana difahamkan bahawa landasan ini ialah untuk mengangkut barang-barang kargo daripada Pelabuhan Kuantan ke Kerteh. Jadi, apabila landasan ini dibuat, maka Pelabuhan Kemaman akan mati. Jadi, apakah rasional, kerana kita mempunyai pelabuhan yang terdekat, kenapa tidak menggunakan pelabuhan ini instead of menggunakan Pelabuhan Kuantan. Kalau betul-betul sudah disediakan untuk membina landasan kereta api ini, saya minta juga landasan kereta api ini mestilah menghubungi ke Pelabuhan Kemaman juga.

Itulah dua-tiga perkara, Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terpaksa menghadkan bilangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap kepada dua orang. Baram.

12.15 tgh.

Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan Maksud B.47, Kementerian Pengangkutan ini dan ingin sentuh Program 050400 dan Butiran 11400.

Tuan Pengerusi, sejak kegawatan ekonomi melanda negara kita pada tahun yang lalu penumpang-penumpang yang menggunakan pesawat Twin Otter dari Miri ke Marudi dan juga ke Bario, Mulu, Long Banga, Long Seridan dan lain-lain lapangan terbang di pedalaman Baram telah mengalami kesulitan, kekurangan bilangan pesawat (flight) yang dijadualkan berlepas dari Miri ke kawasan tersebut. Masalah ini lebih lagi

Untuk makluman, Tuan Pengerusi, sekarang ini flight dari Miri ke Marudi dihadkan kepada dua flight sahaja, iaitu pada hari Isnin, Rabu, Khamis dan Jumaat dan tiga flight pada hari Selasa, Sabtu dan Ahad. Dari jadual tersebut kebanyakan flight yang ada ini dijadualkan pada sebelah pagi, dan ada tiga hari sahaja yang mempunyai jadual di sebelah petang. Bersama dengan masalah kekurangan flight ini, setiap satu flight yang ada sekarang hanya boleh membawa 12 penumpang sahaja walaupun Twin Otter itu boleh memuat 19 penumpang. Saya faham bahawa satu flight itu hanya boleh membawa 12 penumpang kerana pengisian minyak tidak dibuat lagi di Marudi dan pesawat berkenaan terpaksa mengangkut lebih minyak dari Miri untuk pulang balik ke Miri.

Keadaan yang seperti ini telah menjejaskan perjalanan penumpang-penumpang yang sering menggunakan flight ini untuk naik ke Marudi dan ke pedalaman kawasan di Baram dan juga kawasan di Limbang. Saya banyak menerima aduan dari penduduk di kawasan tersebut kerana jadual yang sedia ada tidak mencukupi bagi penumpang-penumpang kita.

Tuan Pengerusi, keadaan perkhidmatan pengangkutan udara yang seperti ini sememangnya tidak bermakna dalam usaha kita mempromosikan industri pelancongan di

kawasan tersebut khususnya pelancong-pelancong yang hendak melawat ke kawasan Mulu, Bario dan lain-lain tempat di pedalaman tersebut. Pelancong-pelancong yang melawat ke Mulu memang tidak akan berpuas hati kerana terpaksa menunggu sehari-hari dan kadang-kadang berminggu untuk mendapat seat ke Bario dan Mulu. Jika mereka boleh dapat seat pun mereka khuatir kerana takut tidak dapat balik ke Miri dan meneruskan perjalanan mereka ke tempat yang tertentu. Oleh yang demikian, saya merayu kepada kementerian supaya mengkaji masalah ini dengan segera. Saya minta supaya satu ataupun dua jadual flight di antara Miri dan Marudi itu dijadualkan dengan baik supaya penumpang-penumpang yang ingin meneruskan perjalanan mereka dari Kuching, Miri dan terus ke Marudi ataupun ke Limbang, Bario dan Mulu boleh buat demikian dengan seterusnya. Saya juga minta supaya flight Twin Otter ini dijadualkan juga pada sebelah petang bagi keselesaan penumpang-penumpang yang hendak menggunakannya.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah kekurangan kakitangan seperti pegawai keselamatan yang bertugas di tiap-tiap pejabat lapangan terbang di kawasan luar bandar ini khususnya di Bario, Long Banga, Long Seridan, Long Lellang dan mungkin juga nanti di Long Akah. Barangkali kita sedar bahawa kapal terbang yang datang dari luar bandar ini membawa barang-barang beratnya berlebihan dari muatan yang ditetapkan. Ini berlaku kerana tidak ada pegawai keselamatan yang mengawasi barang-barang yang dimasukkan ke kapal terbang tersebut dan ada juga kadangkala di mana orang hendak masuk ke kapal terbang tersebut tanpa mempunyai tiket. Keadaan seperti ini sangatlah merbahaya kepada semua penumpang.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh perkara ini oleh kerana kemalangan telah berlaku pada tahun 1994 di mana ramai penumpang dari kampung kawasan Bario telah meninggal dunia. Saya tidak mahu keadaan yang buruk seperti ini berlaku lagi, oleh sebab itu saya juga minta kepada kementerian supaya mengkaji perkara ini dengan mendalamnya, jika MAS tidak mampu menempatkannya seseorang pegawai keselamatan dengan tetapnya di kawasan tersebut. Saya bercadanglah supaya pegawai yang sedia ada dibantu oleh seorang pembantu yang bertugas sebagai part-time pegawai keselamatan di tempat tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh sedikit lagi tentang Miri Port. Kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana membina sebuah pelabuhan yang baru bagi pengangkutan pengeluaran dari kawasan di utara negeri Sarawak. Baru-baru ini Miri Port Authority telah berpindah ke kawasan Kuala Baram di mana letaknya port yang baru ini, bentuk arkiteknya yang indah dan cantik, dengan letaknya port ini di Kuala Baram, saya ingin tahu, adakah kerajaan bercadang untuk menukarkan nama Miri Port ini kepada Baram Port Authority. Jika tidak apakah sebabnya? Dengan ucapan demikian, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Batu Gajah, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

12.25 tgh

Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Butiran 060000 - Pengangkutan Darat, Program 060400 - Pengujian dan Pelesenan Pemandu dan Program 060500 - Penguatkuasaan Undang-undang.

Tuan Pengerusi, pada masa ini negara kita sedang membangun dengan pesat sehinggalah pekan-pekan kecil pun dipenuhi dengan kenderaan dan juga pada masa kini rakyat kita mungkin sering menghadapi tekanan cepat marah, walaupun berlakunya pelanggaran kecil di jalan raya kadangkala ianya mencetuskan pergaduhan antara kedua belah pihak.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah punca-puncanya juga apakah tindakan yang sewajarnya dijalankan oleh pihak kementerian?

Tuan Pengerusi, dalam tempoh lima tahun yang lalu, saya telah perhatikan bahawa kemalangan berlaku di jalan raya begitu banyak. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pengangkutan bukan sahaja mementingkan hanya hukuman berat, tetapi haruslah mendidik rakyat bagaimana untuk menggunakan jalan raya dengan cara yang betul, misalnya jalan di sebelah luar hanya untuk kenderaan yang lebih laju dan di sebelah dalam untuk yang bergerak lebih perlahan dan juga berhati-hati apabila sampai ke jalan simpang dan juga lampu isyarat.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkinkah pihak Kementerian Pengangkutan boleh meneliti cara negara jiran melaksanakan undang-undang berkaitan iaitu menitikberatkan kenderaan kecil daripada kenderaan yang besar, tidak kira sesiapa pun yang bersalah, kenderaan besar mesti dikenakan denda.

Tuan Pengerusi, sekarang ini diperhatikan kenderaan berat langsung tidak mempedulikan kenderaan yang lebih kecil. Mereka memotong sesuka hati dan memotong di lorong yang salah, tambahan pula walaupun mereka bergerak perlahan, kadangkala mereka menggunakan lorong yang paling kanan sekali di lebuh raya. Saya berharaplah pihak kementerian semestinya mencari satu cara untuk mengawal kemalangan yang disebabkan oleh kenderaan yang berat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu mengenai kapasiti-kapasiti kenderaan khasnya kenderaan kecil seperti kereta Kancil. Saya ingin mencadang pihak kementerian mengenai bilangan penumpang sepatutnya dihadkan maksimum lima orang sahaja. Sekiranya penumpang-penumpang yang lebih daripada lima orang dewasa di dalam sebuah kenderaan yang kecil, ia akan mendatangkan bahaya dan sememangnya kenderaan kecil tidak dapat menampung jumlah berat yang lebih daripada yang dihadkan. Begitu juga dengan van persendirian yang boleh memuatkan lapan orang penumpang kadangkala membawa bilangan penumpang yang melebihi had sepatutnya.

Tuan Pengerusi, pada masa kini, saya difahamkan hanya van komersial ditetapkan bilangan penumpang, tetapi van private, dengan izin, had bilangan penumpangnya dibebaskan. Kadangkala saya nampak van private ini membawa penumpang itu 10 sehingga 12 orang termasuklah orang dewasa dan budak-budak.

Tuan Pengerusi, ini membahayakan kerana ia akan menjadi tidak stabil dan mudah terbalik serta sukar untuk dikawal sekiranya berlaku keadaan cemas, jikalauh mengalami kemalangan kemungkinan kehilangan nyawa yang terlibat juga adalah penumpang.

Tuan Pengerusi, mengenai pemuda-pemudi yang suka berlumba motosikal di jalan raya ataupun di taman-taman perumahan. Saya ingin mencadang kepada pihak Kementerian Pengangkutan, sekiranya pemuda-pemudi ditangkap terlibat dalam perlumbaan haram, maka lesen-lesen mereka akan digantung sehingga usia 21 tahun.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan lesen pemuda-pemudi menunggang motosikal ialah pada usia 16 tahun, tetapi mungkinlah fikiran yang tidak begitu matang mereka suka melibatkan diri dalam perlumbaan haram. Maka saya cadanglah jikalau pemuda-pemudi ini didapati melibatkan diri dalam perlumbaan haram, maka lesen mereka digantung sehingga usia 21 tahun.

Tuan Pengerusi, ini kerana mereka bukan sahaja merbahayakan nyawa sendiri tetapi juga merbahayakan nyawa orang lain. Saya berharap pihak kementerian akan lebih tegas dalam hal ini, ini adalah untuk mengelakkan lebih banyak kematian berlaku di jalan raya selain daripada kematian disebabkan penyakit jantung dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, kemalangan jalan raya dikatakan sebagai penyebab kematian kedua besar terutamanya pada musim-musim perayaan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya berharap agar kerajaan pusat dapat menyelaraskan tindakan dan juga undang-undang antara jabatan-jabatan kerajaan misalnya pihak polis dan JPJ. Sekarang ini undang-undangnya yang tidak begitu piawai, standard, dengan izin, sebagai contoh keterangan yang telah diperiksa oleh PUSPAKOM dan diluluskan hari ini, tiba-tiba ditahan oleh polis keesokan harinya, kerana didapati asap hitam, nombor plat dan keterangan yang telah diluluskan oleh JPJ ditahan pula oleh pihak polis. Semua ini mengelirukan orang ramai dan sedikit sebanyak menyusahkan mereka.

Tuan pengerusi, dalam kes kesalahan meletakkan kenderaan di bahu jalan pula, pihak berkuasa tempatan pun boleh mengambil tindakan, tetapi jika tayar kenderaan tersebut terletak di atas jalan, maka pihak berkuasa tempatan tidak boleh mengambil tindakan kerana ia terletak dalam bidang kuasa JPJ.

Tuan Pengerusi, apa yang menjadi gambaran kepada orang awam ialah tiada sebarang tindakan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkenaan sekiranya mereka membuat aduan kenderaan berat yang diletak di hadapan rumah dan seumpamanya.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat adalah lebih wajar sekiranya satu-satu jabatan tersebut diberikan kuasa untuk melaksanakan sesuatu undang-undang, sebagai contoh jika JPJ berkaitan dengan kenderaan, semua undang-undang berkenaan hendaklah dilaksanakan oleh pihak JPJ.

Tuan Pengerusi, kadangkala seseorang telah disaman oleh pihak polis untuk satu kesalahan kemudian disaman oleh JPJ dan ditambah pula dengan kompaun dari pihak berkuasa tempatan.

Tuan Pengerusi, ini sudah pasti akan mendatangkan bebanan kepada individu dan juga imej buruk kepada kerajaan. Oleh yang demikian, saya berpendapat sewajarnya undang-undang dan koordinasi di antara jabatan-jabatan kerajaan sendiri perlu diselaraskan agar ia tidak mengelirukan public.

Tuan Pengerusi, untuk mengalakkan rakyat hidup dalam suasana yang sihat dan juga menjaga pencemaran udara, saya ingin tahu sama ada Kementerian Pengangkutan akan melanjutkan lagi sekatan merokok yang kini dikenakan hanya kepada pemandu kenderaan awam seperti bas dan teksi, bahkan juga kepada pemandu-pemandu kenderaan persendirian seperti kereta dan seumpamanya.

Tuan Pengerusi, pemandu yang merokok bukan sahaja mengancam kesihatan diri sendiri tetapi dia juga akan mengancam kepada kesihatan penumpang-penumpang yang ada di dalam kereta tersebut, tambahan pula, Tuan Pengerusi, apabila seseorang pemandu merokok sambil memandu, biasanya pemandu itu akan bergaya atau cuba memikirkan sesuatu yang mana mungkin menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya.

Tuan Pengerusi, jikalau Kementerian Pengangkutan mencadangkan apabila memandu sambil menggunakan telefon bimbit telah menjadi satu kesalahan dan dihukum dengan berat, maka saya berpendapat tidak dapat tidak menghisap rokok di dalam kenderaan awam mahupun di dalam kenderaan persendirian pun juga menjadi satu kesalahan yang tidak boleh dinafikan dan juga menghisap rokok sepatutnya dilarang di dalam kenderaan. Tuan Pengerusi, dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

12.33 tgh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Saya ingin memberikan penjelasan kepada soalan-soalan yang telah pun dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pertamanya, Yang Berhormat dari Jelebu, telah bertanyakan berkaitan dengan kedudukan penswastaaan perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan termasuk kerja-kerja pelesenan seperti yang telah diumumkan oleh kerajaan pada beberapa tahun yang lepas. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan telah pun bersetuju pada dasarnya untuk menswastakan urusan JPJ ini kepada Urus Daftar Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad belum lagi dicapai kerana perbincangan-perbincangan masih lagi dilakukan antara Syarikat Urus Daftar Sdn. Bhd. dengan EPU. Dengan itu kerja-kerja belum lagi dilaksanakan oleh syarikat berkenaan dan ianya masih lagi dilakukan oleh JPJ. Oleh kerana persetujuan belum lagi dicapai antara EPU dan juga syarikat berkenaan, maka tidak ada kakitangan yang terlibat yang telah diserap daripada JPJ kepada syarikat yang berkaitan.

Soalan yang kedua, adalah berkaitan dengan pengeluaran sijil daftar kereta, apakah yang telah dapat dikesan oleh pihak berkuasa dan tindakan yang akan diambil ke atas hasil penyiasatan, jika didapati sijil-sijil berkenaan adalah palsu. Bagi JPJ ataupun bagi Kementerian Pengangkutan, kita mengeluarkan sijil pendaftaran mengikut kereta atau kenderaan yang telah pun ditetapkan. Jika terdapat sijil-sijil yang palsu, maka laporan polis akan dibuat dan tindakan sewajarnya akan diambil dan kenderaan berkaitan akan dimasukkan dalam senarai hitam, ertinya keretanya tidak boleh dibayar road tax ataupun urusan-urusan yang lain dengan JPJ. Inilah tindakan yang telah kita ambil, bagaimanapun kes ini rekodnya disimpan oleh pihak polis oleh kerana semua laporan yang kita hantar ataupun laporan yang dibuat akan diuruskan oleh pihak polis dan kerana itu jumlahnya tidak dapat saya nyatakan pada ketika ini kerana ia memerlukan semakan semula di pejabat.

Yang Berhormat dari Jelebu juga telah bertanyakan berkaitan dengan Pusat Rekod Komputer JPJ, sama ada komputerisasi ini telah selesai ataupun belum. Saya suka menjelaskan bahawa buat masa sekarang JPJ tidak ada mempunyai sebarang masalah dalam urusan mengemaskini fail-fail pendaftaran dan ianya akan dapat diselesaikan dalam tempoh dua tahun lagi bagi semua rekod dalam fail-fail kenderaan JPJ.

Berhubung dengan pertanyaan sama ada penyelewengan selepas penswastaaan ini boleh berlaku, kita mendapati ianya sukar berlaku kerana tindakan sentiasa diambil bagi mengatasinya dan pihak JPJ akan menjadikan Badan Kawal Selia terhadap penswastaaan tersebut apabila ianya terlaksana.

Yang Berhormat dari Jelebu juga bertanyakan kedudukan institut memandu yang telah diluluskan dan tidak beroperasi. Suka saya maklumkan bahawa setakat ini 15 buah institut memandu telah dibatalkan kebenarannya kerana tiada sebarang tindakan diambil. Bagi pemohon-pemohon yang berkaitan ataupun pemohon-pemohon baru, ianya akan ditimbang semula apabila garis panduan baru siap disediakan oleh JPJ dan dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan soalan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Kepong. Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyatakan apakah sistem pengangkutan bersepadu terutamanya di pusat-pusat bandar, sistem pengangkutan katanya tidak memuaskan akibat krisis ekonomi di mana projek-projek terbengkalai, beliau memohon supaya pihak Kementerian Pengangkutan memberi gambaran sebenar tentang sistem pengangkutan bersepadu yang sepatutnya berkesan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kesan daripada kegawatan ekonomi telah menjejaskan pembinaan sebahagian daripada projek-projek infrastruktur pengangkutan bandar khususnya di bandar raya kita di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, tindakan untuk meneruskan pembinaan projek-projek infrastruktur pengangkutan bandar telah diambil dan projek-projek berikut dijangka siap dan beroperasi seperti yang akan saya sebutkan ini:

- (i) Projek KLPRM monorel dijangka siap menjelang dalam tahun 2001.
- (ii) Projek LRT Star sektor terakhir dari stesen Sultan Ismail ke stesen Sentul Timur dijangka akan beroperasi pada 6 Disember ini. Projek LRT Putra dari stesen Pasar Seni ke Gombak akan beroperasi pada bulan Julai tahun hadapan, manakala projek ERL dijangka siap pada bulan Julai 2000, iaitu yang akan menyambungkan Kuala Lumpur International Airport dengan Sentral Station.

Dengan siapnya projek-projek ini dijangka Bandaraya Kuala Lumpur dan Lembah Klang mempunyai satu sistem rangkaian rel yang menyeluruh dan dijangka akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Di samping itu kerajaan juga sentiasa mencari jalan bagaimana cara untuk menyelesaikan masalah lalu lintas di Kuala Lumpur dengan cara melalui tindakan orang ramai sendiri yang kita berharap akan dapat mengubah sikap mereka daripada memandu sendiri ke tempat kerja ataupun memasuki Kuala Lumpur kepada menaiki pengangkutan awam seperti LRT dan bas

Oleh itu bagi menggalakkan orang ramai supaya menggunakan kenderaan awam seperti LRT dan bas untuk ke Kuala Lumpur maka langkah-langkah berikut telah pun diambil. Pertama, mengurangkan tempat letak kereta di dalam bandar dan menggunakan kadar bayaran yang tinggi untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kenderaan perkhidmatan awam untuk ke bandar.

Kedua, menyediakan tempat meletak kenderaan yang lebih banyak di stesen-stesen LRT di luar bandar kawasan Kuala Lumpur dengan konsep 'park and ride' dengan izin, dan menggunakan bayaran yang murah dan berpatutan untuk menggalakkan orang ramai menggunakan sistem LRT dan meninggalkan kereta di stesen-stesen di luar Kuala Lumpur.

Ketiga, meningkatkan perkhidmatan bas perantara atau feeder bus dengan izin, untuk membawa orang ramai ke stesen-stesen LRT terdekat.

Keempat, melaksanakan sistem tiket berintegrasi 'common integrated ticketing system' dengan izin, yang mana penumpang boleh membeli sesuatu tiket untuk menggunakan semua jenis pengangkutan awam, iaitu bas, LRT dan komuter.

Kelima, melaksanakan zoning system dengan izin, iaitu kenderaan yang memasuki sesuatu kawasan hendaklah mempunyai empat orang penumpang, kenderaan yang tidak cukup empat orang tidak dibenarkan melalui kawasan tersebut. Konsep ini menggalakkan perkongsian kereta dengan itu mengurangkan kenderaan di jalan raya.

Walaupun bagaimanapun, beberapa perkara ini akan dilaksanakan hanya selepas usaha seperti perkongsian kereta, selepas sistem pengangkutan awam yang saya sebutkan tadi beroperasi sepenuhnya.

Saya suka juga ingin memaklumkan bahawa pengangkutan awam seperti LRT di Kuala Lumpur nampaknya telah mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai. Jika dilihat rekod, hingga kini STAR sahaja telah mengangkut 50,000 penumpang satu hari

manakala Putra juga telah mengangkut satu jumlah penumpang yang besar iaitu seramai lebih kurang 18,000 penumpang sehari, manakala EMU atau commuter train telah meningkatkan penggunaannya dengan satu jumlah yang menggalakkan iaitu pada tahun 1995 semasa baru dimulakan, cuma 2,817,443 orang menggunakan EMU, tahun 1996 telah meningkat kepada 11,094,551 - pada tahun 1997 meningkat kepada 16,499,383 dan pada tahun 1998 ini sehingga bulan Oktober sahaja sebanyak 17,711,206 orang telah pun menggunakan perkhidmatan EMU di Bandaraya Kuala Lumpur. Ini satu peningkatan yang baik, kita boleh katakan satu bulan lebih kurang 1.8 juta penumpang menggunakan EMU. Ini adalah kerana kita telah pun menerima semua sekali kereta api yang kita pesan iaitu 62 buah semuanya. Kita berharap penggunaan ini akan terus ditingkatkan oleh pengguna-pengguna untuk mengurangkan kesesakan di dalam bandar.

Yang Berhormat dari Kepong telah bertanya berkaitan sama ada Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang dapat menampung penumpang-penumpang yang telah dialih dari KLIA. Jawapannya sudah tentu kerana Subang dahulu boleh menampung 17 juta penumpang satu tahun dan apabila dipindahkan KLIA sudah tentu jumlah 17 juta ini akan berpindah ke KLIA yang boleh menampung 25 juta penumpang setahun. Apabila sebahagian penerbangan dalam negara berpindah balik ke Subang sudah tentulah 17 juta ini akan berpindah, mungkin 4-5 juta orang akan berpindah ke Subang. Ini bermakna kapasiti Subang amat besar untuk menampung angka yang 5 juta ini. KLIA pada peringkat maksimum boleh menampung 100 juta penumpang apabila kesemua empat runway dibina.

Berkaitan dengan pemasangan radar untuk perkhidmatan kawalan trafik udara, saya suka memaklumkan bahawa kerajaan memang sedar tentang mustahaknya untuk memasang radar supaya dapat mencapai tahap pengawasan ruang udara yang menyeluruh di bawah projek Malaysian Air Traffic System Modernization - program I. Sebanyak lima buah radar telah dipasang di tempat-tempat strategik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga akan memasang dua buah lagi radar di Miri dan Kota Bharu bagi mencapai tahap pengawasan ruang udara yang menyeluruh. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 1999.

Yang Berhormat dari Kepong juga telah menanyakan destinasi MAS sekarang. Saya suka memaklumkan bahawa destinasi MAS sekarang adalah 18 domestik dan juga 67 antarabangsa manakala court share ialah 15 dan rural air services 16, manakala jumlah pesawat freighter MAS ada dua - B747 200F, satu - MG 11F dan dua - B737 300F.

Yang Berhormat dari Hulu Terengganu telah membangkitkan berkaitan dengan peningkatan kemudahan-kemudahan di Lapangan Terbang Kuala Terengganu yang kurang selesa dan beliau memohon supaya usaha peningkatan taraf di Lapangan Terbang Kuala Terengganu tidak dipandang ringan.

Saya suka memaklumkan bahawa kerajaan memang mengambil berat keadaan Lapangan Terbang Kuala Terengganu oleh kerana Kuala Terengganu merupakan satu negeri pelancongan yang menarik di Malaysia yang mempunyai pemandangan yang cantik kerana itu kerajaan telah memperuntukkan satu jumlah yang besar untuk membina kembali lapangan terbang ini. Oleh kerana kekurangan peruntukan sebab kegawatan maka projek ini terpaksa dipecahkan kepada dua fasa. Fasa I yang melibatkan kerja-kerja utama peningkatan parking apron dan taxi way dan pembesaran bangunan terminal, manakala fasa II melibatkan pemanjangan landasan yang boleh menerima pendaratan kapal terbang Boeing 747, yang hari ini cuma Boeing 737 sahaja. Bagi fasa I, iaitu pembinaan parking apron dan taxi way. Rangka bangunan terminal dijangka akan mula dilaksanakan pada awal tahun 1999 iaitu termasuk juga pengubahsuaian tapak kawalan.

Manakala bagi fasa II akan dilaksanakan apabila peruntukan kewangan yang mencukupi dapat diperolehi dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu bangunan terminal

akan disiapkan dan juga landasan akan dipanjangkan lagi hingga boleh menerima Boeing 747.

Yang Berhormat dari Hulu Terengganu juga telah membangkitkan tidak ada air-con di tempat menunggu dan terpaksa duduk atas lantai. Saya fikir masa itu terlalu ramai mungkin hantar pergi umrah dan sebagainya. Kalau biasa tidak tahulah saya walau bagaimanapun saya akan semak mengapa duduk di atas lantai untuk menunggu ataupun berlepas menggunakan Lapangan Terbang Kuala Terengganu ini.

Yang Berhormat dari Kluang juga telah membangkitkan beberapa soalan yang bertanyakan pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Kluang. Jabatan Pengangkutan Jalan Kluang memang pada asalnya akan didirikan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi oleh kerana kegawatan ekonomi dan peruntukan telah dikurangkan pihak jabatan telah membuat semakan berhubung dengan keutamaan projek-projek termasuk juga keutamaan kepada projek Y2K.

Maka di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Jabatan Pengangkutan Jalan Kluang ini akan menyiapkan tapak tanah sahaja. Pada 26 Ogos 1998 sebanyak RM253,617.49 telah disediakan voucher pembayaran bagi tanah tersebut. Jadi kita berharap dalam tempoh yang terdekat ini dapatlah dibina walaupun pada awal dulu pernah saya sebut bahawa kita akan sewa tetapi tidak sangka George Soros serang kita, jadi duit kita sudah kurang, terpaksa kita sabar sedikit.

Yang Berhormat dari Kluang juga telah bertanyakan berkaitan dengan Tanjung Pelepas, pembangunan dan rancangan perkhidmatan serta prestasinya. Pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas sedang dilaksanakan dan ia dijangka siap pada tahun 2000. Pelabuhan Tanjung Pelepas juga dapat menyaingi pelabuhan negara jiran. Ianya dirancang untuk dapat memberikan perkhidmatan pelabuhan yang bersepadu iaitu bukan sahaja mengendalikan kontena tetapi juga perkhidmatan sampingan lain seperti 'bunkering, pembekelan air bersih, storage dan sebagainya dengan lebih murah dan cekap berbanding dengan pelabuhan Singapura. Dan kita percaya dengan ada pelabuhan Tanjung Pelepas ini maka prestasi pengangkutan laut kita akan lebih meningkat di mana kita juga menggalakkan supaya barang-barang daripada pelabuhan Johor termasuk Tanjung Pelepas, yang tidak ada kemudahan untuk Tanjung Pelepas terus ke destinasi akhir juga digalakkan menggunakan Pelabuhan Klang. Begitu juga daripada Pulau Pinang di mana kita telah pun mengurangkan lagi cabotage polisi di mana kapal-kapal asing juga boleh mengangkat barang daripada pelabuhan ini ke Pelabuhan Klang. Dengan ini kedua-dua pelabuhan yang besar ini iaitu di Johor dan Pulau Pinang boleh membantu menjadikan Pelabuhan Klang sebagai load center dan juga transshipment harbour. Ini bagi menjawab apakah syarat-syarat kementerian tentang penggunaan Pelabuhan Klang dalam tahun 2000 sebagai load center yang telah ditanya oleh Yang Berhormat dari Kluang.

Di samping itu kementerian juga sedang giat membuat promosi dan pameran di dalam dan di luar negara supaya lebih banyak shippers dan pedagang menggunakan Pelabuhan Klang. Sasaran kementerian dalam tahun 2000 ialah untuk mendapatkan semula semaksimum mungkin kargo-kargo yang dikeluarkan di dalam negara, dieksport melalui Pelabuhan Klang asalkan ia tidak menjejaskan competitiveness barangan eksport kita.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kita juga telah memulakan tindakan untuk menarik barang-barang yang datang daripada Chittagong misalnya dan juga daripada Northern Sumatera untuk dihantar ke Pelabuhan Klang dan daripada Pelabuhan Klanglah maka ianya akan dieksport ke negara-negara pengimport. Dengan ini sudah tentu Pelabuhan Klang akan menjadi load center dan juga transshipment harbour ataupun the hub port of Asia yang lebih maju menjelang tahun 2000.

Di samping itu juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang Kementerian sedang menjalankan publisiti dan menggalakkan eksport dan import menggunakan Pelabuhan Klang supaya menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan terkemuka di rantau ini dan boleh setanding dengan Singapura. Tetapi pada waktu ini apa insentif yang boleh diberi kepada para peniaga untuk mereka menggunakan Pelabuhan Klang dan supaya jangan pergi ke Pelabuhan Singapura. Tetapi pada masa ini Singapura masih menjadi lebih terkemuka daripada pelabuhan-pelabuhan lain. Apakah insentif kepada peniaga kita untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan terkemuka di rantau ini dan untuk kegunaan negara kita ini.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa perkara telah pun diambil sebagai insentif untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai load center. Misalnya kita telah pun meringankan cabotage polisi seperti yang saya sebutkan sebentar tadi di mana kita telah pun mengeluarkan syarat untuk mem'feeder' barang daripada Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang yang dulu 500 TEUs, apabila cabotage ini telah kita ringankan maka kita telah dapat meningkatkan feeding daripada Pelabuhan Pulau Pinang dan juga Pelabuhan Johor ke Pelabuhan Klang kepada 76,474 TEUs pada tahun 1997 berbanding pada tahun 1995 cuma 500 TEUs. sahaja. Cabotage polisi ini adalah kapal berbendera Malaysia sahaja yang dibenarkan membawa kargo dari pelabuhan ke pelabuhan di Malaysia. Dengan pengurangan syarat sekarang ini daripada pelabuhan Pulau Pinang, dan Pelabuhan Johor ke Pelabuhan Klang, kapal luar yang dipunyai 100% oleh orang luar boleh mengangkat barang daripada kedua-dua pelabuhan tadi. Dengan ini maka kemudahan mengangkat lebih murah, kalau dulu kita cuma gunakan kapal kita sahaja dan kita tidak cukup kapal. Jadi harganya menjadi tinggi. Inilah salah satu perkara.

Yang kedua, kita juga telah mengurangkan kos-kos perkhidmatan di pelabuhan misalnya tugging dan juga menghimpit kapal ke jeti dan jika ini kita mengambil kira kosnya kita boleh selamatkan lebih kurang 25% dan inilah antara perkara insentif-insentif yang diberi.

Saya juga ingin menjawab berkaitan dengan keperluan importer dan exporter tempatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diminta sambung petang ini.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sambung, baik, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung jawapan.

2.31 ptg.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung semula jawapan saya kepada persoalan-persoalan dalam Jawatankuasa iaitu

untuk menyambung insentif kepada penggunaan Pelabuhan Klang sebagai load centering. Satu lagi insentif yang diberi ialah pengenalan Advance Immigration Clearance untuk mengurangkan masa menunggu bagi kapal-kapal yang datang. Ini telah pun dimulakan dengan kerjasama daripada pihak kastam.

Keempat, adalah mempermudah lagi dokumentasi-dokumentasi kastam, seperti yang disebutkan tadi iaitu pre-clearance dan juga mengurangkan semakan fiskal hingga 5% daripada kontena-kontena yang diuruskan di pelabuhan.

Kelima, adalah memperkenalkan kerja 24 jam sehari, 365 hari setahun. Ini bermakna tidak ada bayaran overtime kepada pekerja-pekerja di pelabuhan dan ini sudah tentu mengurangkan kos pengurusan di pelabuhan.

Keenam, ialah mengurangkan bayaran transshipment bagi kontena-kontena sehingga 50%.

Ketujuh, memberi storage untuk transshipment containers secara percuma sehingga tempoh 28 hari dan seterusnya adalah menggalakkan ataupun memperbanyakkan lagi persinggahan kapal-kapal MLO seperti yang telah disebut beberapa kali dalam soalan-soalan lisan, iaitu kini kita telah pun menarik 67 MLO ke Pelabuhan Klang. Dengan ini pengeksport dan pengimport mempunyai masa yang lebih pendek dan mudah untuk mereka mengimport dan mengeksport barangan-barangan mereka.

Usaha-usaha ini akan diteruskan supaya menjelang tahun 2000 banyak lagi MLO akan datang ke pelabuhan kita dan dalam tempoh sebulan, dua ini Yang Berhormat Menteri akan meneruskan lagi kempen-kempen ke luar negara dan beliau juga akan pergi ke pelabuhan-pelabuhan di Eropah, yang terdahulu mereka juga pernah datang ke pelabuhan kita. Ini adalah beberapa insentif yang diberi untuk menggalakkan penggunaan pelabuhan tempatan.

Yang Berhormat dari Kluang juga telah membangkitkan berkaitan dengan kemalangan jalan raya. Saya suka memaklumkan bahawa mengikut target kita, menjelang tahun 2000 kemalangan dan juga kematian di jalan raya hendaklah dikurangkan sebanyak 30%. Jika tidak ada kempen penguatkuasaan dan juga kerja-kerja kejuruteraan jalan dan sebagainya dilakukan, kita meramal jumlah yang mati di atas jalan raya Malaysia adalah 9,000 orang pada tahun 2000 dan jika dipotong 30% mengikut dasar kita bermakna kalau hendak mati juga patut 6,300 sahajalah pada tahun itu, tetapi angka ini telah pun kita capai sebanyak 6,304 pada tahun 1996, kurang dua orang pada tahun 1997 iaitu 6,302 dan pada tahun ini nampaknya jumlah kematian semakin menurun.

Sehingga bulan Oktober 1998, jumlah kematian telah dapat dikurangkan sebanyak 363 orang iaitu 4,869 orang mati berbanding 5,232 dalam tempoh 10 bulan yang sama pada tahun 1997, manakala daripada kes kemalangan pula jumlah kemalangan pada tahun ini hingga Oktober adalah berkurangan sebanyak 641 kes berbanding dengan tahun lepas. Ini nampak ada petanda baik bahawa kita boleh mencapai angka kurang 30% kemalangan dan kematian menjelang tahun 2000. Kerana itu kita berharap penggunaan-pengguna jalan raya akan terus mematuhi peraturan jalan raya di negara kita.

Kempen-kempen keselamatan jalan raya di musim perayaan, ini juga telah ditanya oleh Yang Berhormat dari Kluang dan kementerian akan meneruskan kempen-kempen ini pada setiap musim perayaan bersama dengan agensi yang lain seperti polis, Lembaga Lebuhraya PLUS, juga sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan sebagainya. Kempen-kempen tersebut adalah disasarkan bagi perayaan Krismas, Tahun Baru, Hari Raya Puasa dan juga Tahun Baru China yang mana beberapa program telah pun dikenal pasti seperti kempen-kempen balik kampung dan juga yang diuruskan oleh sektor swasta seperti pewujudan hentian kopi yang dibuat oleh Benson and Hedges ataupun 'kopibistro'. Pada tahun ini juga akan diteruskan kerana pada tahun lepas nampaknya mendapat

sambutan yang hangat, di mana ramai orang yang balik kampung berhenti di pertengahan jalan dan mereka minum kopi secara percuma dan bila mata mereka segar kembali mereka akan terus balik. Itulah kita berharap pada tahun ini di musim perayaan jumlah kematian akan dapat dikurangkan lagi.

Yang Berhormat dari Kluang juga membangkitkan masalah sosial penumpang perlu diambil kira seperti tidak berhenti di stesen kecil ataupun membatalkan perkhidmatan kerana kurang penumpang. KTM telah pun mengambil tindakan ke atas perkara tersebut. Kita telah mendapat aduan daripada beberapa negeri di mana KTMB telah memberhentikan kereta api daripada terus berhenti di stesen-stesen kecil dan kita telah pun memulakan semula sambungan perkhidmatan tersebut dan di kawasan yang Yang Berhormat sebut saya percaya ianya telah pun dimulakan.

Sebenarnya ada tempat yang cuma 20, 30 orang sahaja naik tetapi oleh kerana terlalu remote maka KTM sambung semula. Bagaimanapun di tempat-tempat yang boleh dielakkan di mana telah ada pengangkutan lain sebagai pilihan maka di tempat ini tidak disambung semula dan KTM akan cuba sedaya upaya supaya perkhidmatan-perkhidmatan ini tidak terganggu untuk penumpang-penumpang di luar bandar yang memerlukan perkhidmatannya. Jika ada lagi Yang Berhormat dapati perlu diperbaiki kita sedia menerima cadangan dan aduan supaya kita dapat semak semula tempat-tempat yang telah diberhentikan oleh KTMB dan jika sesuai bolehlah disambung semula.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan berkaitan dengan terdapat perbezaan masa menutup dan membuka gate kereta api di Kluang, 3 minit manakala gate di Paloh, 8 minit. Saya suka menjelaskan bahawa masa yang diperuntukkan di Kluang lebih pendek berbanding di Paloh adalah kerana keadaan lalu lintas di Kluang lebih sibuk berbanding di Paloh. Walau bagaimanapun, jika di Paloh itu sudah betul-betul sibuk kita boleh pendekkan lagi masa gate itu dibuka kembali. Setakat ini itulah sebabnya.

Satu lagi yang telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Kluang adalah berkenaan masalah culvert dan jambatan di landasan kereta api yang sempit akibat pembangunan di sekitar landasan kereta api. Kita telah mengadakan satu kajian membaik pulih dan mengukur jambatan melalui satu perunding yang dinamakan COWI Consult dari Denmark dan Minco yang telah menjalankan kajian jambatan untuk mengenal pasti jambatan-jambatan yang tidak dapat menampung beban gandar 16 tan dan 20 tan dan hasil kajian ini telah mengenal pasti 84 jambatan yang perlu diperkukuhkan di seluruh negara, diperbaharui atau diganti sama sekali serta beberapa pementung. Ia juga melibatkan pembinaan pementung baru bagi menggantikan pementung yang pecah di Kluang. Kos projek untuk semua 84 jambatan itu yang telah dikira adalah lebih kurang RM70 juta. Manakala kemajuan projek setakat ini, enam buah jambatan daripada jumlah keseluruhan 84 telah pun disiapkan dengan kos RM1,177,450. Tender bagi 15 buah jambatan yang dibahagikan kepada tiga pakej telah dipanggil pada 15 Oktober 1998 dan akan ditutup pada 14 November 1998 dan 28 November 1998. Saya percaya mungkin Kluang juga termasuk di dalamnya, butirannya saya tidak pasti, saya harap telah termasuk di dalam 15 yang telah pun kita panggil tender.

Program Landasan Berkembar KTMB di seluruh negara juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kluang. Pada masa ini saya suka saya memaklumkan bahawa KTMB telah menyiapkan dan telah pun beroperasi landasan berkembar antara Rawang-Seremban sejauh 150 kilometer, Sentul-Pelabuhan Klang sejauh 50 kilometer dan kerajaan akan menyambung landasan berkembar dari Sentul-Batu Caves sejauh 7.5 kilometer. Bagi lain-lain sektor pihak kerajaan ada merancang tetapi pelaksanaannya masih dalam kajian bergantung kepada keadaan ekonomi negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah membangkitkan berkaitan dengan penyediaan Golden Lounge MAS yang tidak strategik di KLIA. Sebelum itu, Ahli Yang

Berhormat dari Kluang ada bertanya tentang saman ekor, adakah masih lagi berlaku. Saya suka maklumkan bahawa saman ekor telah pun diberhentikan, yang tinggal hanya yang menggunakan kamera oleh polis kerana penggunaan kamera ini ada bukti tepat. Ini masih lagi dilakukan di mana-mana kawasan seperti di lebuhraya ataupun dalam bandar yang ada kemudahan kamera. Jadi orang ramai tidaklah perlu susah hati lagi bila bil datang kemudian, kecuali yang menggunakan kamera sahaja.

Yang Berhormat dari Labuan telah bertanya berkaitan dengan penyediaan Golden Lounge MAS yang tidak strategik di KLIA. Kita ada dua Golden Lounge MAS di KLIA yang dibuka semata-mata atas keperluan orang ramai untuk menggunakannya sementara menunggu kapal terbang berlepas dan ianya telah pun dipilih dengan kajian yang teliti oleh pihak MAS sendiri setelah mengambil kira.....

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin tahu apakah sebab announcement tidak diberi di Golden Lounge berkenaan dengan pendaratan ataupun penerbangan kapal terbang. Oleh kerana itu kadang-kadang saya nampak ramai penumpang tidak tahu dan datang lambat dan bergegas ke kapal terbang mereka.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam : Dalam Golden Lounge kita tidak announce kerana kita ada steward, bila hendak berlepas dia akan panggil kita, itu lebih style kerana maklumlah sudah duduk di Golden Lounge, *[Disampuk]* Tidak ada? Saya selalu pergi ada. *[Ketawa]* Mungkin dia hanya hendak jaga Timbalan Menterinya sahaja.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Bukit Mas, apa yang hendak diucapkan?

Tuan Michael Lisa Kaya: Minta penjelasan dari Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Sebetulnya di Golden Lounge sekarang ini selain daripada kesesuaian kedudukan itu harus dikaji mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sri Aman itu, setakat ini walaupun tidak ada announcement, tetapi sebetulnya mereka yang bertugas di sana mengatakan, dengan izin, we will not tell you, fifteen minutes later then you go, cuba kajian perkara ini dan saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri. Itulah sebabnya kebanyakan kami dari Sarawak jarang pergi ke Golden Lounge, saya sendiri tidak pergi.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya akan semaklah jika betul mereka tidak ingatkan kita sebelum berlepas, biasanya kalau saya pergi mereka akan panggil saya dan saya lihat yang lain-lain pun mereka beritahu, "Now times up for next flight, so please"

Tuan Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Sibu bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Dia pun berminat juga?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya pernah mengalami pengalaman begini, boarding adalah di main building, tetapi kerana flight antarabangsa, saya minta pergi Golden Lounge di main building, tidak boleh. Saya perlu menaiki aerobus pergi ke satellite building minum secawan kopi kemudian balik ke main building, naik pesawat. Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini tidak logik.

Tuan Pengerusi: Itu bukan bertanya, beritahu! *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini pengalaman barulah, setahu saya Golden Lounge satu ada di Gate A dan satu di Gate B tetapi kalau Yang Berhormat naik kapal terbang menggunakan international flight, jadi kena pergi ke terminal antarabangsa, hendak pergi ke Golden Lounge, ada di sana, selepas itu hendak naik kapal terbang daripada main building, kena pusing balik.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tetapi saya naik pesawat ini, walaupun flight antarabangsa tetapi pintu untuk naik ke pesawat adalah di main building. Saya minta pergi ke Golden Lounge di main building tidak dapat, perlu ke satellite building, enjoy the facility, kemudahan di Golden Lounge dan balik ke main building untuk naik ke pesawat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya faham, hendak terbang antarabangsa, dapat Golden Lounge di terminal antarabangsa tetapi kapal terbang di parking di terminal domestik, jadi kena pergi ke sana untuk minum, naik aerotrain balik semula. Sepatutnya boleh tukarlah, jadi tidaklah berulang-alik, saya akan ambil perhatianlah akan dibincangkan dalam pentadbiran supaya perkara ini dapat dipermudahkan lagi.

Satu lagi memang kita tidak announce dalam Golden Lounge kerana orang di dalam Golden Lounge biasanya tidak suka bising-bising seperti di tempat biasa, tetapi mereka yang duduk di Golden Lounge hendak diannounce, kita boleh kaji balik kerana announcement ini setiap empat, lima minit atau dua tiga minit sekali berbunyi jadi ia bising sedikit.

Manakala waktu berlepas, waktu kapal terbang turun kita tidak beritahu sebab Golden Lounge ini untuk orang berlepas sahaja bukan untuk menerima orang. Jadi kalau hendak menerima orang tidak boleh duduk di Golden Lounge, kena duduk dalam waiting hall, sebab itulah waktu kapal terbang tiba kita tidak beritahu, kita cuma beritahu waktu hendak berlepas kerana tempat ini adalah tempat orang berlepas.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Cerita Datuk itu ada logiknya tetapi masalah itu telah berlaku pada saya sendiri, yakni hampir ketinggalan kapal terbang. Jadi apa yang berlaku ialah masuk dalam golden lounge, ini di KLIA, kalau di Subang memang dia buat announcement. Ground hostess akan jumpa kita beritahu penerbangan akan berlaku. Ini dibuat di mana-mana lapangan terbang di Malaysia, tetapi di KLIA ia tidak dibuat. Apa yang berlaku kalau penerbangan atau building area tidak ada pertukaran tidak ada masalah, kita tahu flight kita, mungkin kita awasi sedikitlah, tetapi apa yang berlaku dua kali kepada saya ialah dalam tiket ia menunjukkan yang kapal terbang itu akan anchor dekat pintu kawasan B di hujung sekali, 20 minit lepas itu baru keluar, saya ingat 20 minit pergi B, apabila sampai B lepas itu baru dia beritahu yang kapal terbang di A. Datuk ingatlah 1 kilometer hendak lari ini, kalau tertinggal? Jadi itu sebabnya penting dalam golden lounge itu kena ada televisyen menunjukkan departure itu sudah bertukar tempat daripada B ke A atau A ke B supaya kita tidak tertinggal. Ha, itu kemudahan yang kita mintalah, bukan minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam: Insya-Allahlah saya akan minta MAS supaya masukkan satu televisyen untuk melihat departure time untuk penerbangan-penerbangan untuk memudahkan penumpang-penumpang Golden Lounge. Jika ada pun kapal terbang tadi mungkin parking ke B, pergi balik ke A, mungkin ketika ini ada sedikit lagi kekeliruan. Bukan sebab-sebab yang tertentu tetapi kita berjanji akan perbaiki perkara ini supaya Yang Berhormat tidak terpaksa jalan sampai 1 kilometer. Saya tahu memang kawasan itu panjang dan kita akan cuba perbaiki dari masa ke semasa.

Yang Berhormat dari Labuan juga bertanya pembangunan Lapangan Terbang Labuan apakah aerobridge yang akan digunakan untuk lapangan terbang tersebut. Projek peningkatan kemudahan Lapangan Terbang Labuan dijangka siap pada akhir tahun 1998.

Mengenai pemasangan aerobridge di Lapangan Terbang Labuan memang benar bahawa tiga buah aerobridge dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang akan dipasang di Lapangan Terbang Labuan. Aerobridge tersebut akan di'reservice' dan MAB sebagai operator lapangan terbang berkenaan akan memastikan bahawa aerobridge tersebut, walaupun orang lama tetapi masih lagi nampak baru setelah di'make-up' semula ataupun diperbetulkan.

Yang Berhormat dari Labuan janganlah susah hati kerana aerobridge itu masih lagi kuat cuma dia tidak ada cermin sahaja dan ini dapat menyelamatkan banyak kos bagi kerajaan kerana setiap aerobridge jenis lama kita belanja RM1 juta, manakala aerobridge baru yang bercermin ini kita belanja lebih kurang RM2 juta bagi setiap satu, tetapi yang baru ini lebih menarik kerana orang tidak akan merasa boring. Ia merupakan satu aerobridge jenis baru yang diperkenalkan di lapangan terbang antarabangsa dan kita sedang berusaha supaya pada masa hadapan semua aerobridge dalam negara kita menggunakan jenis baru sebagai meningkatkan lagi kemudahan dan juga pemandangan di lapangan terbang kita.

Satu lagi Yang Berhormat dari Labuan bertanya penerbangan dari Labuan ke Subang, bila akan diadakan, yang ini akan dikaji oleh MAS, bilakah sesuai diadakan untuk penerbangan dalam negeri. Buggy untuk orang tua dan untuk orang yang kurang upaya memang disediakan di KLIA. Bagi orang yang sihat tidaklah disediakan, kalau semua orang sihat naik, mungkin susah sedikit tetapi kalau badan terasa tidak sihat, demam ataupun cukup letih, malam kempen kuat, pagi badan lemah bolehlah minta bantuan, mereka akan bantu untuk menggunakan buggy berkenaan. Jika ada complain buggy ini tidak ada operator, boleh beritahu pihak kementerian dan kita akan perbaiki. Saya memang ada terima satu, dua complain berkaitan dengan kurang faham kakitangan di sana menggunakan buggy tetapi bukan kesemuanya tidak faham, mungkin ada beberapa orang atau pekerja baru yang tidak berapa pasti yang buggy itu telah disediakan. Ini telah pun dibincangkan termasuk pada hari semalam, kita bincang juga masalah buggy ini.

Kita ingin mencuba supaya lapangan terbang kita ini menjadi betul-betul tinggi standardnya sebab itu setiap aduan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai sentiasa diambil kira dan kita bincang pada setiap minggu dalam Mesyuarat Post Kabinet.

Yang Berhormat dari Labuan bertanyakan blanket tidak disediakan. Bagi perjalanan yang dekat misal kata Kuala Lumpur - Alor Star, blanket tidak disediakan, ini adalah untuk mengurangkan kos di musim gawat ini. Tetapi penerbangan ke Sabah dan Sarawak, mula-mula dulu MAS pun tidak adakan blanket, tetapi ramai orang sudah complain, kita sudah adakah semula. Jadi saya tidak tahu bila tragedi Yang Berhormat dari Labuan ini kena. Jika ada lagi kes, kita akan beritahu MAS balik untuk disediakan blanket kerana ada juga orang yang tidak tahan sejuk air-cond kapal terbang dan perjalanan yang jauh diperlukan.

Subsidi penerbangan dalam negeri memang masih lagi berlaku dan ianya ditanggung oleh kementerian ataupun oleh kerajaan. Sebab itulah MAS dalam menentukan pakej kapal terbang yang dibincang dengan kerajaan kita mengambil kira faktor sosial untuk keperluan orang ramai khususnya mereka yang tinggal jauh di pedalaman sebab itu MAS memang mengalami kerugian bagi penerbangan dalam negeri, tetapi telah disubsidi menerusi penerbangan-penerbangan yang lain dan kegiatan-kegiatan yang lain dan harga yang kita tentukan ini telah pun dikira agak munasabah berbanding dengan pengangkutan-pengangkutan di negara lain dan juga di rantau ini. Tambahan pula kapal terbang MAS ini kesemuanya kapal terbang baru umurnya lebih kurang lima tahun sebab itu kosnya tinggi sedikit, tetapi kapal terbang yang lain yang paling murah sedikit umurnya 18 tahun jadi kiralah 5 tahun dengan 18 tahun, bezanya memang banyak sebab itu memang kosnya mahal sedikit.

Bagaimanapun kita mengambil kira hubungan Sabah, Sarawak ini sebab itulah diadakan penerbangan malam. Kalau hendak kira terbang malam atau terbang pagi minyaknya sama, juruterbang sama dan air stewardess pun sama juga, kastam di Malaysia pun sama, sepatutnya harga tidak boleh dikurangkan tetapi untuk kemudahan kita berjalan dari Semenanjung ke Sabah atau dari Sabah ke Sarawak atau Semenanjung, maka waktu pagi ini memang diberi satu potongan yang khas kerana itulah kita berharap bagi mereka yang inginkan harga yang murah eloklah gunakan di waktu pagi, tetapi kalau sanggup hendak terbang tengah hari kenalah bayar lebih sedikit. Jadi kemudahan sudah ada, cuma kita kadang-kadang tidak boleh hendak dapat semua dengan harga yang murah, kita terpaksa juga berkorban serba sedikit untuk kepentingan industri penerbangan di negara kita.

Seorang Ahli: Labuan pun ada sebut tadi.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam: Ha. Sekali guslah dengan Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebab Datuk saya ada banyak cerita ini, kalau kita bandingkan penerbangan dalam MAS di New Zealand, Auckland Christchurch 54 sen local money dollar to ringgit, Christchurch to Wellington 76 sen, ini sahaja yang tinggi tetapi kalau kita pandang memang kita faham kalau di Kuala Lumpur - Terengganu, Kuala Lumpur - Alor Setar, Kuala Lumpur - Kuantan jauh lebih murah loadnya pun kurang berbanding dengan load dari Kuching - Kuala Lumpur, Kuala Lumpur - Kuching dan Kota Kinabalu. Persoalannya saya nampak kalau kita pandang table ini, nampaknya penerbangan dari Kuala Lumpur - Kuching, Kuala Lumpur - Kota Kinabalu subsidised international route yang ada average di antara Australian trip ataupun London trip, Tokyo, Hong Kong (China sector) 34 sen average. Jadi maknanya hampir setengah yang average local flight hanya 65 sen, jadi saya tidak nampak macam mana jadi subsidi, yang kita subsidise international rate oleh kerana buat MAS competitive lawan SIA, lawan international flight lain, tetapi soalan saya ialah integrasi kita penting supaya one single route ini dari Semenanjung ke Sabah, Semenanjung ke Kuching itu sepatutnya diturunkan sedikitlah kalau tidak dapat turun setengah daripada mengikut average international route itu, sekurang-kurangnya kalau turun 20% baru ada competitive untuk orang Sarawak pergi ke Semenanjung, orang Semenanjung pergi ke Sarawak dan Sabah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kalau boleh turun memang bagus, untuk ketika ini nampaknya sukar sedikit untuk menurunkan harga ini kerana jika turunkan lagi, lagi banyak kerugian akan berlaku. Bagaimanapun dari masa ke semasa memang kita buat pertimbangan. Setakat ini memang tidak ada cadangan oleh kerana itulah harga yang terbaik yang boleh dilakukan oleh MAS yang telah pun dibincang bersama oleh kerajaan.

Saya suka memaklumkan bahawa kita juga ada kemudahan lain iaitu kita terbang secara berkumpulan, family, secara berkumpulan tiga orang dan dikira satu kumpulan dan kalau kita pintar menggunakan, walaupun kita tidak satu kumpulan tetapi kita boleh berpakat menjadikan macam group travel, tiga orang pada hal kita jumpa dekat airport entah macam mana, kita pergi beli tiket sebelum itu secara berkumpulan dan juga dalam keluarga, kalau kita terbang bersama isteri dan anak-anak kita, kadang-kadang dia tidak faham dia tidak menggunakan kemudahan ini. Jadi, saya ingin menyeru kepada orang ramai supaya mengetahui kemudahan-kemudahan yang diberi oleh MAS untuk potongan ini.

Untuk laluan dalam negara ke luar negara, saya suka mengambil contoh semua penerbangan di luar negara ke dalam negara memang berbeza. Saya telah pergi ke Europe beberapa kali, terbang dari Europe ataupun London, katakan ke Kuala Lumpur, dia lebih murah daripada London pergi Copenhagen, harga London ke Copenhagen penerbangan satu jam lebih, lebih mahal daripada London pergi Kuala Lumpur. Begitu juga kalau kita

pergi New York, kita hendak pergi L.A ataupun mana-mana destinasi dalam Amerika, ia lebih mahal daripada New York pergi ke Kuala Lumpur. Dia memang sudah begitu, saya percaya kerana jika terbang jauh, dia menggunakan kapal terbang yang besar dan penumpangnya biasa penuh. Oleh kerana itu dia ada cost advantage sebab itu penerbangan antarabangsa ianya lebih murah bukan sahaja berlaku di negara kita, bahkan juga di negara luar.

Saya selalu pergi ke Europe, saya juga kompelin mengapa saya kena bayar lebih mahal, internal flight berbanding dengan antarabangsa flight tetapi bukan ini sebabnya mengapa kita menaikkan, kita ada harga yang tinggi dalam laluan Malaysia, Semenanjung, Sabah dan Sarawak tetapi adalah kerana untuk mengimbangi kos tadi. Oleh kerana itu saya sekali lagi memberi jaminan dan kita telah mengkaji perkara ini dengan saksama dan inilah harga yang terbaik dan kerajaan akan mengkaji lagi di masa-masa hadapan berserta dengan MAS sama ada ianya boleh dikurangkan lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ada sedikit lagi. Yang Berhormat dari Labuan bertanya berkenaan dengan micro light - kipas depan, mengapa kita tidak membenarkan lesen oleh DCA. Saya akan semak balik dengan DCA supaya perkara ini boleh dilakukan kerana saya sudah bincang dengan Ketua Pengarah, katanya ianya boleh dibenarkan. Bagaimanapun saya akan tengok balik apakah sebab ianya belum lagi dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat dari Kapar telah bertanya penerbangan MAS ke Madras, kerajaan akan cuba sedaya upaya untuk memperolehi lebih banyak lagi hak mendarat di Lapangan Terbang Madras dari Kuala Lumpur. Itulah sebabnya sekarang ini kita terbang pada waktu yang disebutkan sebentar tadi.

Mengenai perkhidmatan atau layanan di atas pesawat yang tidak memuaskan, kita akan siasat. Saya bersimpati dengan Yang Berhormat, 6 jam baru dapat makan balik supaya perkara ini dapat diperbaiki.

Wakil dari Batu telah menyatakan terdapat kenderaan seperti kereta dan van yang membawa penumpang yang berlebihan dan ini akan mendatangkan bahaya kepada pengguna kenderaan dari segi kestabilan dan pada masa kecemasan dan terdapat perbezaan jumlah penumpang van, persendirian dan van perdagangan. Bagi kenderaan persendirian seperti kereta dan van, pihak pengeluar dan pembuat telah menetapkan bilangan kapasiti penumpang dan jumlah ini dicatat dalam kad pendaftaran kenderaan tersebut.

Bagi kenderaan perdagangan, bilangan kapasiti penumpang berpandukan kepada pelan dan Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 pihak JPJ menjalankan penguatkuasaan dari masa ke semasa dan tumpuan kepada kenderaan perdagangan dan jika ada kenderaan yang melanggar peraturan, tindakan yang sewajarnya akan diambil sama ada mengkompaun ataupun menahan kenderaan tersebut daripada bergerak di atas jalan raya.

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Gelang Patah bangun.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Biasanya kita nampak di lebuhraya ada lori-lori suka memotong lori atau kereta yang di hadapan, ini sentiasa menyebabkan kemalangan di jalan raya. Apa tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian supaya memberhentikan tindakan sedemikian oleh pemandu-pemandu lori ini yang suka memotong jalan. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPJ telah mengadakan sekatan-sekatan jalan raya, begitu juga polis bagi

mengurangkan lori-lori memotong kenderaan di depan mereka dan yang terakhir ini kita akan mengenakan satu peraturan baru di mana lori-lori dan juga bas serta kenderaan pengangkutan awam yang lain seperti van diperlukan meletakkan nombor telefon syarikatnya dan JPJ di belakang kenderaan masing-masing dan siapa yang berada di belakang jika nampak dia potong boleh terus telefon JPJ dan JPJ selepas itu akan memanggil bas atau kenderaan ini ke pejabat JPJ untuk kompaun mereka tetapi saya minta ketika Yang Berhormat telefon janganlah menelefon semasa memandu, jangan pula telefon ataupun bercakap ketika memandu, mesti orang lainlah yang telefon.

Kita juga meminta kerjasama orang ramai untuk melaporkan. Ini adalah kaedah yang terbaru dan kita berharap dapat bekerjasama dengan orang ramai dan nama-nama yang mengadu kita akan rahsiakan. Mengikut rekod kita, boleh dikatakan hampir semua kenderaan yang melanggar peraturan yang diadukan kepada JPJ, bila JPJ panggil, semuanya mengaku, dia memang tersilap dan membayar kompaun, mereka tidak mahu pergi mahkamah kerana kalau kompaun baru RM300, kalau pergi mahkamah mungkin beribu ringgit dan lesen mereka terpaksa ditarik. Oleh kerana itu tidak ada kebimbangan mungkin salah lapor oleh orang ramai. Orang ramai biasanya dia tidak akan membuat aduan-aduan yang palsu kemudian kalau palsu, JPJ sendiri boleh tahu kerana kita boleh tanya tuan lori, masa itu dia berada di mana, siapa memandu dan sebagainya dan mengikut pengalaman kita perkara menganiyai tidak mungkin senang berlaku jika ini dilakukan.

Wakil Yang Berhormat dari....

Tuan Yeong Chee Wah: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Soalan daripada saya - Batu Gajah, bukan dari Batu. Saya ingin minta penjelasan, tadi dinyatakan bahawa kenderaan persendirian, oleh sebab itu saya ingin bertanya dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai Proton Kancil, biasanya Proton Kancil ini, berapakah had bilangan penumpangnya? Oleh sebab apabila saya datang dari Ipoh, saya nampak satu Proton Kancil yang di dalamnya ada lebih kurang 5-6 orang dewasa dan dua orang budak dan terlalu laju. Saya ingin tahu adakah had untuk bilangan penumpang kenderaan persendirian, sebab komersial van bilangannya telah dihadkan tetapi untuk van public use, dengan izin, adakah had bilangannya? Oleh sebab itu kita nampak apabila kemalangan berlaku, di dalamnya lebih kurang 12-13 mayat dalam van tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya telah jawab tadi, bagi kenderaan persendirian seperti kereta termasuklah kereta Proton ataupun kereta Kancil, pihak pengeluar atau pembuat telah menetapkan bilangan kapasiti penumpang. Kancil saya percaya lima, empat, saya tidak ada kereta Kancil sebab itu saya tidak pasti. Lima atau empat?

Seorang Ahli: Lima.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kalau lima kapasitinya, maka limalah dan tidak boleh lebih, kalau lebih sudah melanggar peraturan dan JPJ boleh mengambil tindakan saman kepada tuan punya ataupun pemandu yang berkaitan. Inilah syaratnya. Manakala jika hendak bawa budak-budak, kena dua orang dewasa bersamaan dengan tiga orang kanak-kanak, itulah cara kita kira. Jadi kalau lebih, itu memang dia telah langgar peraturan. Itulah sebabnya apabila berlaku kemalangan macam van, sekali mati 13 orang sedangkan kapasiti van cuma lapan orang. Jadi, itu adalah tanggungan mereka sendiri, tetapi juga menyebabkan masalah kepada orang lain dan jika Yang Berhormat ada nampak di kawasan-kawasan yang tertentu boleh beritahu, kita boleh hantar pegawai kita untuk membuat rondaan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah juga telah menanyakan kenapa kenderaan yang telah diperiksa oleh PUSPAKOM disaman oleh pihak polis dan JPJ seperti kesalahan asap hitam berlebihan dan lain-lain kesalahan. Jawapannya kenderaan yang telah lulus menjalani pemeriksaan PUSPAKOM telah diubahsuai semula seperti kawalan tekanan minyak, bahan ditukar ganti di mana terdapat kenderaan disediakan hanya untuk tujuan lulus pemeriksaan sahaja dan selepas itu dibuat penukaran ubahsuai, maka pihak polis dan JPJ mengenakan saman bagi kesalahan yang terdapat pada kenderaan. Kadang-kadang apabila dia hendak pergi, dia bawa semua tayar baru, apabila telah lulus, dia buka semua tayar baru dan digantikan dengan tayar botak. Sebab itu kita saman dia, lebih kurang begitulah yang telah dialami oleh JPJ.

Bagi kes asap hitam berlebihan yang dikeluarkan oleh kenderaan, JPJ telah memutuskan kenderaan yang telah lulus diperiksa oleh PUSPAKOM bagi tempoh satu bulan, kenderaan tersebut dibawa semula ke PUSPAKOM untuk diuji semula dan saman tidak akan dikeluarkan. Dahulu ada kompelin, baru check di PUSPAKOM – JPJ tahan esok hari lebih asap hitam, kita saman dan kenakan kompaun sebanyak RM300, sekarang ini tidak, kita beri satu bulan tempoh. Jadi kalau didapati asap hitam, kita suruh dia pulang balik kepada PUSPAKOM dan PUSPAKOM kena repair balik sampai tidak keluar asap hitam. Jadi ini yang telah kita perbaiki akibat daripada aduan orang ramai dan juga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, mengenai dengan PUSPAKOM, saya hendak minta penjelasan. Adakah setakat hari ini aduan diterima oleh pihak PUSPAKOM mengenai disc road-tax PUSPAKOM itu sendiri, seolah-olah tidak laku pada pandangan penguatkuasaan iaitu anggota polis dan sebagainya kerana pada polis disc PUSPAKOM itu adalah dokumen yang tidak sah, menyatakan pemeriksaan kenderaan KPA dan GDL telah pun dibuat. Jadi saya ingin mendapat penjelasan adakah setakat hari ini aduan diterima daripada PUSPAKOM dan menyebabkan PUSPAKOM terpaksa mengeluarkan dokumen yang bercetak menyatakan kenderaan-kenderaan sekian telah pun diperiksa sekian-sekian hari bulan kepada pihak polis dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Semua pengeluaran lesen road-tax dikeluarkan oleh JPJ. Tetapi apabila hendak keluar itu mesti diperiksa oleh PUSPAKOM terlebih dahulu

Tuan Yunus bin Rahmat: Maksud saya disc pemeriksaan. PUSPAKOM akan mengeluarkan satu disc pemeriksaan yang menyatakan kenderaan KPA dan GDL ini telah pun diperiksa, sekian-sekian hari bulan. Jadi disc pemeriksaan ini yang tidak diyakini oleh pihak polis dengan menyatakan bahawa disc itu adalah palsu dan kenderaan tersebut tidak menjalani pemeriksaan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Jika ada kes, pihak polis tidak mengiktiraf bolehlah rujuk kepada JPJ, kita boleh berbincang dengan pihak polis apakah sebab-sebab polis tidak terima disc pemeriksaan PUSPAKOM yang telah pun disahkan oleh PUSPAKOM sendiri dan telah pun dipasang pada kenderaan berkenaan. Bagaimanapun jika telah ada lesen dan road tax bererti pemeriksaan PUSPAKOM telah pun dilakukan. Jadi kalau tidak adapun pemeriksaan PUSPAKOM telah tidak ada masalah lagi sebab road tax kita telah ada kerana setiap road tax diperbaharui mesti melalui pemeriksaan PUSPAKOM dahulu. Tetapi jika ada overlapping antara masa itu dengan pembaharuan road tax jika itu menimbulkan masalah, maka bolehlah rujuk dan saya memberi jaminan kita akan selaraskan dengan pihak polis.

Ahli Yang Berhormat dari Baram telah membangkitkan perkhidmatan penerbangan di kawasan luar bandar yang kurang memuaskan. Saya ingin memaklumkan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian Pengangkutan untuk meningkatkan kemudahan dan infrastruktur pembangunan khususnya di kawasan luar bandar, negeri Sarawak dan juga negeri Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh peruntukan telah diluluskan untuk pembinaan landasan padang terbang luar bandar, pembaikan kemudahan padang terbang dan juga penurapan landasan di negeri Sabah dan juga di negeri Sarawak. Bagi negeri Sabah peruntukan sebanyak RM2.5 juta telah dibelanjakan untuk meningkatkan kemudahan landasan di padang terbang Semporna, Lahad Datu dan juga Long Pasia. Bagi negeri Sarawak pula, sejumlah RM13.25 juta telah diluluskan untuk penurapan landasan padang-padang terbang berikut: Long Lelang, Ba'kelalan, Long Saridan, Long Bagau, Long Semaduk, semua panjang – long semuanya.

Di samping itu kerajaan telah meluluskan rancangan untuk membina sebuah padang terbang baru di Long Akah dengan kos sebanyak RM8 juta. Tender sedang diuruskan oleh JKR Sarawak dan projek ini dijangka siap pada tahun 2000. Kerajaan juga akan membina sebuah lapangan terbang baru – Limbang untuk operasi pesawat Forker 50. Kos projek ialah RM78.8 juta. Projek ini akan dilaksanakan pada tahun 1999. Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan penerbangan luar bandar oleh MAS, kerajaan akan membayar subsidi sebanyak RM5 juta setahun kepada MAS yang mengalami kerugian dalam perkhidmatan luar bandar. Ini sebagai tambahan yang tadi.

Saya suka maklumkan, walaupun kita kompelin serba sedikit berkaitan dengan perkhidmatan MAS ini tetapi MAS masih lagi merupakan perkhidmatan yang banyak memenangi award antarabangsa. Tahun 1996 telah memenangi Award Vasco De Gama dalam Environmental Protection yang dihadiahkan oleh Pacific Asia Travel Association (PATA). Pada tahun 1997 telah memenangi Creative Award Outstanding Contribution Tourism Industry yang dikeluarkan oleh Malaysian Promotion Tourism Board. Pada tahun 1997 juga memenangi International Airline of the Year yang dikeluarkan oleh Airport Company of South Africa. Pada tahun 1998 memenangi tiga award:

- (i) Best Business Airline 1998 dikeluarkan oleh Reader of Business Travel World Magazine;
- (ii) Special trophy with the themes Surfing the Interest with Map Cyber yang dikeluarkan oleh Malaysian Tourism Promotion Board; dan
- (iii) bulan September tahun ini World Best Cabin Staff Service yang dikeluarkan oleh Inflight Research Services, United Kingdom.

Inilah prestasi penerbangan kita walaupun boleh lagi kita perbaiki tetapi telah pun mencapai banyak kemenangan mengalahkan kapal terbang-kapal terbang ataupun penerbangan di peringkat antarabangsa yang lain.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat? Kita ada satu kementerian lagi yang hendak dihabiskan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sedikit lagi. Sepuluh minit lagi habis saya ingat. Harap-haraplah kalau tidak ada pertanyaan di pertengahan. [Ketawa]

Ahli Yang Berhormat dari Baram ada membangkitkan kekurangan pesawat dari Miri ke Marudi. Pesawat hanya dapat menampung hanya 12 orang penumpang sahaja. Beliau juga membangkitkan jadual penerbangan tidak mencukupi dan mengikut keselamatan penumpang dan tidak mencapai hasrat pelancongan seperti pelancongan di Mulu. Saya suka maklumkan bahawa perkhidmatan ke Marudi merupakan perkhidmatan luar bandar, dengan demikian pesawat yang digunakan ialah muatan kecil. Jadual penerbangan ke Mulu sentiasa diberi perhatian dan jika perlu lebih banyak penerbangan

akan disediakan ke Mulu untuk menampung permintaan pelancong. Saya suka memaklumkan kita juga boleh membenarkan chartered flight ke Marudi jika ada permintaan.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah membangkitkan kempen supaya pedagang-pedagang Malaysia menggunakan pelabuhan tempatan untuk mengeksport atau mengimport. Saya telah pun jawab tadi masa soalan yang lebih awal daripada Ahli Yang Berhormat yang lain. Penggunaan insurans tempatan juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ledang. Penggunaan insurans di Malaysia banyak bergantung kepada trade practice, sekiranya eksport CIF dan import FOB. Maka syarikat-syarikat perkapalan tempatan akan menggunakan insurans tempatan. Tetapi trade practice yang lazim dibuat oleh pedagang kita ialah eksport FOB dan mengimport CIF yang mana pihak kita tidak menentukan insurans yang dipakai. Malah rakan dagangnya di luar negeri yang menentukan perkhidmatan insurans. Oleh itu penggunaan insurans tempatan masih tidak memuaskan.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pengimport dan pengeksport tempatan, kita gunakan CIF pada negara kita dan jika kita gunakan CIF ataupun insurans di negara kita, maka pendapatan negara akan bertambah, bayaran imbalan perdagangan juga dapat diperbaiki. Kadang-kadang pengeksport dia hendak kira mudahlah dia tidak hendak kira berapa insurans dan sebagainya kerana ia memakan masa kerana itu mereka lebih suka FOB kerana senang kira. Sebab itulah kita berharap pengeksport kita perlu melihat sendiri kepentingan negara kerana dengan menggunakan CIF faedah-faedahnya akan dapat ditambah seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Walau bagaimanapun, bagi pengangkutan-pengangkutan yang terlalu besar memang kita tidak ada insurans yang besar untuk menampung kerana itu kita telah menggalakkan reinsured, bergabung dengan syarikat-syarikat besar di luar negara untuk mengeluarkan insurans dari dalam negara kita.

Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan keselamatan pengangkutan feri penumpang. Jabatan Laut telah menetapkan syarat-syarat dan peraturan seperti bilangan penumpang sesebuah bot itu boleh di bawa tetapi seringkali pengusaha-pengusaha bot ini tidak mematuhi. Bot-bot di overload dan Jabatan Laut tidak dapat membuat enforcement di setiap pelosok negara kerana tidak mungkin kita boleh berada setiap jam di setiap jeti yang mempunyai bot-bot pengangkutan awam ini. Walau bagaimanapun, Jabatan Laut telah mengadakan patrol berjadual, mungkin sehari kalau tempat itu kecil diadakan sekali atau dua kali ataupun dalam seminggu itu beberapa hari dan jika kita dapat tambahan kakitangan sudah tentu kita boleh tingkatkan dengan lebih kerap dan setelah berlaku peristiwa di Melaka tempoh hari kita telah mengambil tindakan iaitu meminta supaya semua jeti meletakkan papan tanda dengan jelas, syarat-syarat menaiki bot. Misalnya bot-bot hendaklah ada lesen dan juga bilangan penumpang yang wajar saja ataupun bilangan penumpang yang boleh naik bot berkenaan yang perlu mereka baca di badan bot dan mereka mesti menggunakan pelampong dan dengan adanya papan tanda ini, kita percaya orang ramai akan mudah diberi fahaman. Biasanya orang ramai tidak berapa endah cakap tuan kapal. Inilah pengalaman apabila berlaku bot karam tempoh hari.

Walau bagaimanapun, tuan kapal juga bertanggungjawab seperti di Melaka tempoh hari, dia tahu sudah lebih 15 orang sepatutnya, tapi sudah sampai 33 orang, sepatutnya mereka tidak benarkan tetapi mereka telah melanggar peraturan ini. Dan satu lagi yang kita syaratkan selain meletakkan papan tanda adalah setiap pegawai yang datang patrol di jeti-jeti, kita telah mensyaratkan supaya mereka juga menulis pemerhatian mereka di dalam buku patrol, dengan ini mereka akan sebut berapa bot yang mereka jumpa, berapa penumpang yang ada dalam, pakai pelampong ataupun tidak dan jika rekod ini banyak menunjukkan pelanggaran syarat, maka tindakan-tindakan yang lebih sistemetik

mudah diambil. Ini adalah di antara perkara-perkara yang telah pun kita perbaiki setelah berlakunya bot karam di Melaka tempoh hari.

Yang Berhormat dari Kemaman juga telah membangkitkan mengenai Pelabuhan Kemaman dan Kuantan, penswastaaan dan pembangunan Pelabuhan Kemaman. Penswastaaan Pelabuhan Kuantan telah pun selesai di mana sebuah konsortium telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikannya. Penswastaaan Pelabuhan Kemaman masih lagi di peringkat perundingan oleh agensi pusat iaitu Unit Perancang Ekonomi sementara itu Pelabuhan Kemaman akan terus ditadbirkan oleh pegawai/kakitangan Pelabuhan Kuantan. Ini tidak bermakna kerajaan tidak mengambil berat terhadap Pelabuhan Kemaman misalnya Pelabuhan Kemaman terus di'upgrade' dengan pembinaan dermaga kimia dan juga gudang yang besar, gudang yang baru malah Pelabuhan Kemaman ada diambil kira dalam rancangan kerajaan untuk menubuhkan National Port Authority yang sedang di rangka sekarang. Jadi Yang Berhormat jangan bimbanglah, ada di dalam tindakan untuk mengadakan lembaga pelabuhannya sendiri.

Yang Berhormat dari Miri telah bertanya Pelabuhan Miri, ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

Yang Berhormat dari Kemaman bertanya juga berkaitan dengan landasan kereta api Petronas yang di bina dari Kerteh ke Pelabuhan Kuantan yang ianya sepatutnya di sambung ke Pelabuhan Kemaman supaya Pelabuhan Kemaman akan terus membangun. Pembangunan pembinaan landasan ini diselenggara sepenuhnya oleh Petronas. Oleh yang demikian, kita perlu membuat cadangan ini untuk pertimbangan Petronas seterusnya. Bagi pihak kementerian kita sokonglah kerana Kemaman jika ada rel terus ke Kemaman, maka Kemaman lebih lagi bertambah maju.

Yang Berhormat dari Ledang tadi ada bertanya berkenaan GNP. Memang sumbangan GNP pelabuhan kita masih rendah jika dibanding dengan pelabuhan-pelabuhan lain kerana itu usaha-usaha untuk meningkatkan penggunaan pelabuhan tempatan termasuk perkhidmatan-perkhidmatan seperti insurans dan sebagainya perlu dipertingkatkan dan saya percaya jika ini dapat disokong oleh semua pihak terutamanya pengimport dan pengeksport sendiri, maka kita dapat meningkatkan lagi sumbangan pelabuhan negara kita kepada GNP negara.

Tadi 'hockey stick' tertinggal, kena pakai 'hockey stick' orang lain, ini kita akan mengambil perhatian. Kadang-kadang saya sudah ambil satu dua kes begini dan dia orang tersilap tekan button pasal kita punya troli ada button pergi transit, ada button pergi internal flight dan satu lagi button pergi international flight. Jadi masa turun daripada kapal terbang semua sudah masuk dalam kotak yang betul tetapi bila tiba dekat troli punya tempat dia hendak pergi international, dia taruh barang, tetapi butang tadi masih lagi transit jadi terlupa tekan, dia terus tekan berjalan dan berjalan ke transit ataupun dia salah tekan sedangkan hendak pergi international tertekan transit, ataupun hendak pergi local tertekan butang transit. Jadi itulah sebabnya kadang-kadang berlaku perkara begini dan ini telah pun kita bincang dalam mesyuarat kementerian dan MAS dan MAB telah maklum dan ini akan cuba dibaiki dengan baiknya pada masa ke hadapan.

Tuan Pengerusi, Saya rasa saya sudah jawab semua, jika ada yang tertinggal, saya akan jawab.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sedikit saja Yang Berhormat, minta penjelasan, satu minit. Tuan Pengerusi, mungkin saya tidak dengar, mungkin penjelasan sudah dibuat awal. Cuma satu perkara yang saya hendak tanya apa jadi dengan kewajipan kenderaan-kenderaan perdagangan dan juga pengangkutan awam yang diwajibkan memasang black box ataupun speed limit indicator yang telah diarahkan oleh kementerian tidak berapa lama dahulu dan bagaimanakah respon daripada pemilik-pemilik kenderaan berkenaan dan adakah ianya akan diteruskan ataupun dihentikan oleh kerana mungkin ada protes dan

sebagainya oleh pengusaha dan keduanya Tuan Pengerusi, adakah cadangan Kementerian untuk mengkaji semula syarat pemasangan lampu motosikal di siang hari ini kerana berdasarkan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri kadar kemalangan telah pun menurun baik di kategori pemandu motosikal dan sebagainya telah pun menurun dan oleh kerana dalam keadaan kegawatan hari ini berat sedikitlah orang kampung hendak ganti mentol lampu itu tiga hari sekali Yang Berhormat. Jadi kalau boleh diwajibkan mereka ini memakai vest yang bercahaya sama ada di siang ataupun di malam hari supaya mereka ini lebih selamat dan lebih jelas dilihat oleh kenderaan lain. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Pengerusi, jika dipilihlah di antara pasang mentol dengan mati saya fikir lebih elok pilih pasang mentol kerana walaupun kena tukar mentol itu dua, tiga kali, tetapi tidak apa lebih selamat sebab dalam rekod kita jika di pasang lampu waktu siang orang ramai lebih mudah melihat motor yang kecil ini datang, sebab itulah syarat ini belum lagi ditimbang untuk dihapuskan kerana didapati ia lebih banyak membawa kebaikan kepada penunggang-penunggang motosikal sendiri.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya penunggang motosikal memakai vest keselamatan yang memantul cahaya. Ini boleh membantu mengurangkan kemalangan di jalan raya di kalangan penunggang-penunggang motosikal. Ianya tidak diwajibkan, tetapi kita telah meminta penjual-penjual motosikal sebagai hadiah kepada setiap pembeli bahawa pembelian motosikal mereka akan dihadiahkan baju vest yang memantul cahaya.

Berkaitan dengan kotak hitam, pada 1 Januari 1999 penguatkuasaan akan bermula. Tidak ada lagi lanjutan tempoh akan diberi seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri. Sehingga kini memang belum sampai 100 bas pasang kotak hitam walaupun kita ada 2,500 buah bas. Mungkin semua hendak tunggu last moment. Saya percaya dalam bulan Disember ini mereka akan merebut-rebut untuk memasang supaya tidak dikompaun pada bulan Januari 1999. Mengikut JPJ atas arahan Kementerian, mana-mana bas ekspres dan bas pelancong yang tidak memasang kotak hitam pada bulan Januari mereka tidak akan dibenarkan bergerak di jalan raya. Kerana itu, Kementerian minta supaya pengusaha-pengusaha bas pelancong dan juga bas ekspres mematuhi peraturan ini bagi menjaga keselamatan dan nyawa orang ramai.

Kotak hitam tidak mahal harganya, cuma RM1,000 sahaja. Satu kompeni ada beberapa buah kotak hitam, mereka boleh berunding dengan syarikat yang memasang kotak hitam, mereka boleh membayar secara installment dan sebagainya. Yang penting nyawa penumpang-penumpang hendaklah sentiasa dijaga dan ini adalah satu cara kerajaan untuk mengurangkan kemalangan yang melibatkan penumpang yang ramai dalam satu kenderaan seperti bas pelancong dan bas ekspres. Selepas ini, kita akan pergi pula kepada kenderaan-kenderaan perdagangan yang lain seperti lori dan sebagainya.

Itulah jawapan, jika ada yang tertinggal saya akan jawab secara bertulis dan Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah tanya selepas ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM334,910,300 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM334,910,300 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM887,185,350 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM887,185,350 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

**Maksud B.48 [Jadual] -
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan, 1999] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

3.33 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, Butiran-butiran 03200, 03201, 03207, 03208 – Program Membantu Golongan Miskin, Amanah Ikhtiar Malaysia dan NGO.

Terima kasih kepada pihak kementerian yang telah berusaha membantu golongan termiskin. Cuma saya di sini ingin bertanya NGO mana yang diberikan peranan untuk membantu golongan termiskin bersama dengan Amanah Ikhtiar. Kumpulan mana yang diletakkan NGO itu untuk bersama-sama dengan Amanah Ikhtiar untuk membantu golongan yang termiskin.

Tuan Pengerusi, kami juga daripada PAS ada satu pasukan yang dipanggil Unit Amal. Unit Amal ini memanglah bergerak untuk membantu orang-orang miskin, orang-orang yang ditimpa bencana dan sebagainya. Apakah pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar bersedia untuk menghulurkan bantuan kalau Unit Amal memohon untuk mereka berkhidmat kepada masyarakat sesuai dengan saranan mutakhir ini supaya kerajaan lebih bersikap terbuka. Eloklah badan-badan yang ingin buat amal, tidak kiralah mereka daripada mana-mana parti politik, boleh diberi bantuan oleh kerajaan jikalau mereka memohon bantuan seperti membaiki rumah atau menolong mereka yang ditimpa kebakaran dan sebagainya. Saya harap kerajaan lebih bersikap terbuka sekarang ini sebab kerajaan sendiri pun tidak mahu rakyat keluar ke jalan raya buat reformasi, maka eloklah kerajaan bersikap lebih terbuka sekarang dan juga pada masa yang akan datang.

Dalam keadaan sekarang juga kita lihat memang rakyat menghadapi kesusahan yang amat sangat. Sekali lagi saya minta dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang kerajaan mengemukakan bantuan RM400 kepada pegawai-pegawai kerajaan, alhamdulillah, syukur. Tetapi bagi mereka yang tidak bekerja sekarang ini mereka menghadapi masalah yang cukup teruk, terutama sekali hujan lebat yang telah melanda di kawasan pedalaman. Di kawasan Baling misalnya sudah ada laporan-laporan keluarga yang mempunyai anak empat-lima membeli beras 50 sen, ada yang membeli beras RM1, sudah tentulah beras itu tidak dibuat nasi, tetapi dibuat buat bubur dengan ubi dan pisang dan sebagainya untuk menjamu anak-anak mereka makan. Sekarang ini angin La-Nina belum lagi datang, mengikut ramalan cuaca barangkali sudah tentu hujan akan sampai ke bulan Februari. Kalau sekarang bulan Disember mereka telah pun teruk, kalau dua bulan lagi mereka dilanda begini dan tidak boleh menoreh dan sebagainya, kita harap Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah Program Peningkatan Ekonomi Kampung dan Membantu Orang-orang Miskin supaya membuat peruntukan segera.

Sebab dahulu kita lihat tahun 1960-an ada orang-orang miskin dapat bantuan susu dan sebagainya. Kali ini orang-orang yang miskin yang menghadapi masalah ini eloklah mendapat bantuan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti beras, minyak dan sebagainya. Sebab kita lihat di kawasan Baling, di kawasan Gerik, di kawasan pedalaman di Kelantan dan juga di kawasan Selama dan sebagainya mereka menghadapi masalah yang cukup teruk. Tambahan pula tahun ini Hari Raya dan buka sekolah datang hampir serentak dan mereka tidak ada bonus dan tidak ada gaji. Jadi, kita harap Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan melipatgandakan kerja-kerja mereka

membantu rakyat yang termiskin terutama dalam suasana hujung tahun ini di mana mereka memerlukan wang dan juga memerlukan segala bentuk bantuan daripada kerajaan yang memerintah. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Alor Gajah.

3.37 ptg.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkaitan Butiran 00401 – Taman Bimbingan Kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, pertama saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat yang mana dapat mengendalikan taman bimbingan kanak-kanak di merata kampung di seluruh Malaysia. Dengan adanya taman bimbingan kanak-kanak ini maka dapatlah anak-anak dari peringkat kecil lagi didedahkan kepada pelajaran agar mereka apabila besar nanti boleh menjadi insan yang berdikari, yang mempunyai self-confident dan berinisiatif.

Dalam hal ini, berkaitan dengan kelengkapan yang disediakan bagi taman bimbingan kanak-kanak ini bolehlah dikatakan tidak begitu memuaskan, oleh kerana dari segi tenaga pengajarnya kita lihat bahawa kebanyakan daripada guru-guru bimbingan kanak-kanak yang diberi oleh Jabatan KEMAS adalah kebanyakannya terdiri daripada kelulusan Tingkatan III ataupun PMR dan kebanyakan daripada mereka itu adalah tidak terlatih sama sekali. Kalaupun ada yang terlatih, tidak begitu mendalam. Kalau kita bandingkan dengan negara maju kita dapati bahawa tenaga pengajar bagi kanak-kanak dalam peringkat prasekolah ini mempunyai ijazah yang khusus berkaitan dengan pengajian ataupun pendidikan kanak-kanak ini. Jadi, kalau kita lihat anak-anak daripada negara maju, oleh kerana mereka mempunyai tenaga pengajar yang baik, mereka ini nampaknya lebih mempunyai daya inisiatif dan juga mempunyai self-confident.

Justeru itu, saya mencadangkanlah agar Jabatan KEMAS ini menaikkan tahap kelulusan bagi mengambil tenaga pengajar sekurang-kurangnya mereka ini mestilah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kalau kita lihat pada masa sekarang ini kita dapati banyak kolej guru yang akan ditutup, jadi bolehlah Jabatan KEMAS ini berunding dengan Kementerian Pendidikan agar kolej-kolej ini digunakan untuk melatih guru-guru yang akan mengajar anak-anak kita di sekolah tadika ini.

Kedua, saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan bangunan yang digunakan untuk mengajar anak-anak di sekolah tadika ini. Apa yang kita lihat pada masa ini kebanyakan tempat-tempat yang digunakan adalah di balai-balai raya yang mana keadaannya tidak begitu memuaskan dan dengan itu juga memberi keadaan persekitaran yang tidak begitu baik kepada kemajuan minda anak-anak kita. Bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar perlulah prihatin untuk memastikan supaya bangunan-bangunan yang khusus untuk anak-anak di peringkat prasekolah ini mendapat bangunan yang baik, dapat suasana persekitaran dan pembelajaran yang baik. Apa yang saya difahamkan bahawa peruntukan untuk membeli tanah tidak ada. Hanya kerajaan inginkan supaya tanah dapat dikurniakan daripada kerajaan dan peruntukan hanya disediakan untuk membina bangunan sahaja. Jabatan Pembangunan Luar Bandar hendaklah mengambil tindakan berkaitan dengan menyediakan peruntukan membeli tanah ini.

Ketiga, ingin saya menarik perhatian berkaitan dengan pendidikan taman bimbingan kanak-kanak ini adalah berkaitan dengan bahasa Inggeris. Kalau kita lihat daripada keputusan UPSR baru-baru ini kebanyakan daripada anak-anak luar bandar di mana kelulusan dalam bahasa Inggeris tidaklah memuaskan. Itulah banyaknya sekolah-sekolah yang mana tidak mencapai kejayaan 5A oleh kerana banyak daripada anak-anak ini tidak lulus dalam bahasa Inggeris. Justeru itu, sepatutnyalah pembelajaran bahasa Inggeris

ini perlu dikenalkan di peringkat prasekolah lagi dan guru-guru bahasa Inggeris yang fasih mestilah diambil untuk memberi pendidikan kepada kanak-kanak di prasekolah ini dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan Butiran 00201 Rancangan Desa Wawasan. Mengikut konsep program Gerakan Desa Wawasan ini, adalah memberi penekanan kepada pengambilan tenaga, daya usaha serta penglibatan aktif penduduk-penduduk sesuatu desa dalam proses perancangan dan pelaksanaan program pembangunan di sesuatu desa. Dengan matlamat agar desa itu boleh maju, menarik dan menguntungkan menerusi kecemerlangan diri, keluarga dan masyarakat kampung itu. Kalau kita lihat apa yang telah dilaksanakan oleh Jabatan atau Kementerian Pembangunan Luar Bandar bahawa bagi bulan Julai 1996 hingga Jun 1997, 6 buah kampung telah dikenal pasti untuk dijadikan Kampung Desa Wawasan dan bagi bulan Julai 1997 hingga bulan Jun 1998, 600 buah lagi kampung telah menjadi Desa Wawasan dan bakinya akan dilaksanakan dalam tahun 1998 hingga Jun 1999 sebanyak 6 buah kampung lagi.

Justeru ini, sebelum pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar meneruskan rancangan ini, saya rasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar perlulah mengkaji sejauh mana program Gerakan Desa Wawasan ini berjaya. Oleh kerana apa yang saya lihat di negeri Melaka terdapat sahaja semasa perasmian papan-papan tanda Desa Wawasan dipasang dan selepas itu tiada apa-apa perubahan yang terdapat. Ini adalah disebabkan kerana masyarakat di kampung tersebut sebenarnya tidak melibatkan diri dengan secara aktif, oleh kerana mereka tidak memahami apa sebenarnya konsep Desa Wawasan ini. Bagi memberi penerangan kepada masyarakat kampung ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar perlulah memberi motivasi dan penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada masyarakat kampung yang hendak dijadikan sebagai Desa Wawasan agar mereka faham sebenarnya, apakah konsep dan matlamat Desa Wawasan ini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Pengerusi, buat masa ini bahawa adalah didapati Desa Wawasan ini masih lagi tidak diketahui di mana tahap kemajuan yang telah dicapai. Perkara-perkara seperti ini untuk menjelaskan kepada masyarakat Kampung Desa Wawasan perlulah dibuat terlebih dahulu sebelum kawasan itu diisytiharkan sebagai Desa Wawasan. Dengan itu saya memohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Bukit Mas.

3.47 ptg

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Di sini ingin saya merujuk kepada Butiran 00600 - Kemudahan Latihan KEMAS. Saya merayu kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kalau boleh tambahkan seorang pegawai penyelia untuk kawasan saya di Bukit Mas iaitu selepas persempadanan semula kawasan di seluruh negeri Sarawak. Sebetulnya kawasan Bukit Mas bukan kurang tetapi ditambah dan sekarang ini ada tiga Ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan saya Bukit Mas iaitu Bahagian Lawas dan Bahagian Limbang dan bahagian yang baru iaitu kawasan pedalaman sampai ke dataran tinggi Bario Ba' Kelalan iaitu kawasan ADUN Ba Kelalan. Selama ini ada dua pegawai penyelia KEMAS yang berkhidmat di Limbang dan di Lawas dan oleh kerana kawasan Bario ini ditambah kepada kawasan Bukit Mas, saya rasa wajar sekiranya ditambah satu lagi pegawai khusus untuk membantu di kawasan yang baru ini, kawasan ADUN Ba' Kelalan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana saya sendiri perhatikan bahawa di dalam tahun-tahun kebelakangan ini ada banyak peruntukan yang diberikan di kawasan ini, khusus untuk memajukan kawasan luar bandar. Saya juga ingin merakamkan setinggi-

tinggi tahniah khusus kepada Pegawai Pengarah Latihan Bahagian KEMAS yang senang sekali sampai ke kawasan Ba' Kelalan baru-baru ini, untuk meninjau keadaan yang ada di sana dan saya mengucapkan tahniah walaupun sebagai seorang wanita sanggup jalan kaki pergi ke kawasan luar bandar. Dan harapan saya jangan tunggu lama-lama, kalau boleh tambahlah satu pegawai untuk kawasan ADUN Ba' Kelalan tahun akan datang.

Yang kedua, merujuk kepada Butiran 01702 mengenai bekalan letrik luar bandar di Sarawak sebanyak RM29,800,000. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih, khususnya di kawasan saya, sudah dibina dua buah hidro, iaitu satu mini hidro di Bario yang memakan belanja mungkin dalam RM9 juta dan ada juga satu di kawasan ADUN Lawas iaitu di Sungai Kota yang membelanjakan kurang lebih RM40 juta, yang saya difahamkan diperuntukkan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tuan Pengerusi, malangnya kedua-dua hidro ini saya sendiri pernah melawat dua kali, di Bario dua kali, di Sungai Kota, dengan izin, the design does not meet the situation there. Oleh kerana itu tidak begitu erkesan dan walaupun perkara ini sudah dibangkitkan pada masa dahulu, saya berharap kementerian menghantar engineer ataupun pakar yang sesuai untuk mengkaji supaya hidro di Bario ini dapat diubahsuai untuk manfaat penduduk-penduduk di sana.

Saya juga pernah meminta bantuan daripada kerajaan negeri supaya seorang menteri turun dan meninjau keadaan ini dan beliau terus terang mengatakan dengan izin, the design is wrong. Oleh kerana itu saya berharap kementerian mengambil perhatian tentang kedua-dua hidro ini, iaitu mini hidro di Bario dan hidro di Sungai Kota di Lawas. Walaupun di dalam keadaan seperti begini, kita mengucapkan berbilang terima kasih, inilah rayuan rakyat saya daripada Bukit Mas kerana peruntukan seperti ini. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi saya sudah dua penggal di dalam Dewan yang mulia ini, kampung saya sendiri di tempat bapa saya dan saya sendiri tinggal masih belum ada RAS, Tuan Pengerusi.

Saya sudah beberapa kali rayukan dalam Dewan ini, jangan tunggu pilihan raya akan datang, nanti susah saya, Tuan Pengerusi iaitu di kawasan saya, sebetulnya kita sebagai wakil rakyat, kita pentingkan orang lain dahulu tetapi baru-baru ini saya balik kampung minggu yang lepas, bapa saya mengatakan bila lagi sudah dua penggal belum ada bekalan elektrik. Saya minta kalau boleh timbanglah di dalam kawasan Trusan Briwan ada 11 kampung dan di antara kampung itu kampung saya sendiri, hanya tujuh kilometer daripada Pan Borneo Highway tetapi di dalam jalan raya kerajaan JKR dan harapan saya kawasan Trusan Briwan, 11 kampung di sana termasuk kampung saya sendiri, nama kampung saya Long Tuan, banyak tuan di sana. 'Long' bermakna confluence river, dengan izin. Itulah harapan saya dan selain daripada itu saya ingin merayu sekali lagi bekalan elektrik di luar bandar harus dibekalkan, dikaji semula khusus untuk kawasan berdekatan dengan sempadan Brunei dengan Limbang iaitu di Tedungan kerana saya selalu mengatakan di sini, oleh kerana inilah pintu masuk ke Sarawak, kalau boleh apa salahnya kita perbaiki keadaan. Kita tidak mahu mereka yang tinggal di sana kadang-kadang bandingkan Brunei-Sarawak, Brunei-Limbang, itu yang menjadi masalah untuk wakil rakyat. Walaupun begitu saya sentiasa melawat mereka untuk memujuk mereka supaya jangan kita putus asa tetapi saya ada penuh harapan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan mengambil kira tentang keperluan ini.

Yang ketiga, saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 02800 dan 03208 – Pembangunan Perusahaan Luar Bandar dan Program Peningkatan Ekonomi Kampung.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi di kawasan saya yang belum dibekalkan dengan kuasa elektrik ini iaitu di kawasan Trusan Briwan dan termasuk kampung saya sendiri, banyak balu di kampung saya, a lot of widow, saya pun tidak faham, kenapa. Oleh kerana itu, di sini saya minta betul-betul ini, kalau boleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar tolong bantu menubuhkan satu kegiatan. Saya banyak kali

merayu kepada pegawai KEMAS apa salahnya tubuhkan satu kegiatan supaya balu-balu ini dapat terlibat untuk menaikkan taraf sosio-ekonomi mereka. Kadang-kadang saya balik kampung pun mereka cakap: "Anak-anak, tolong-tolong ya", kadang-kadang saya sendiri pun berasa sedih. Tidak ada cara yang lain kerana mereka ini betul-betul membantu dan menyokong kita sebagai Wakil Rakyat Barisan Nasional dan yang saya minta di sini, terus terang daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kalau ada, tolong hantar pegawai ke kawasan ini dan kaji bagaimana kita dapat membantu mereka di sana. Apa salahnya misal kata tubuhkan satu perusahaan yang kecil-kecil, misal kata dengan izin, like rearing of chicken, all this thing, langsung tidak ada dan saya berharap dengan adanya saudara Datuk Yang Berhormat daripada Sarawak minta dengan good will, kalau boleh tolong, kalau yang betul-betul itu mereka yang seperti ini yang kita harus bantu kerana mereka menyokong kita tanpa keraguan.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali, saya ingin merujuk kepada Butiran 02002 – Bekalan Air Luar Bandar. Untuk Negeri Sarawak, diperuntukkan RM8 juta untuk tahun yang akan datang. Saya rasa peruntukan ini tidak mencukupi dan harapan saya kalau boleh ditambah oleh kerana banyak kawasan luar bandar khususnya di negeri Sarawak yang perlu bekalan air dan saya ingin juga bertanya di sini, kawasan saya Bukit Mas, saya ingin tahu bilakah kementerian ada perancangan dalam tahun 2005 atau 2010 ataupun 2020 supaya semua kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan saya dibekalkan dengan elektrik dan air. Ini yang saya ingin tahu supaya kita sebagai wakil rakyat ingin bekerjasama membantu kerajaan untuk memberi kemudahan-kemudahan yang asas ini untuk penyokong-penyokong kuat kita.

Mengenai Butiran 02300 - Jalan-jalan Luar Bandar dan Butiran 02500 – Jalan Kampung mendapat peruntukan yang banyak pada tahun akan datang iaitu RM250,415,000 dan untuk jalan kampung RM225 juta. Saya minta kalau boleh tambah peruntukan daripada yang banyak ini, banyak yang diagih untuk negeri Sarawak.

[Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya berterima kasih kepada kementerian kerana dalam dua tahun yang lalu ini, saya tengok peruntukan untuk kawasan saya ditingkatkan khusus untuk jalan-jalan kampung. Itu tidak bermakna kita di sana tidak memerlukan. Saya perhatikan mungkin dalam tahun-tahun yang lalu, kita tidak menerima bantuan, tetapi dalam masa kebelakangan ini oleh kerana kita menerima banyak keperluan, itulah sebabnya kita menerima banyak bantuan ataupun peruntukan. Tetapi di kawasan saya, saya berterima kasih tahun ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri menulis surat kepada kita dan memperuntukkan RM1 juta dan kalau boleh saya minta tahun yang akan datang iaitu tahun 1999, kalau boleh RM2 juta untuk kawasan Bukit Mas.

Tuan Pengerusi, kerana kawasan saya ditambah seperti yang saya katakan tadi dan kawasan Baram dikurang, dikecilkan, kawasan Bukit Mas dibesarkan dan harapan saya jalan kampung dan jalan luar bandar ini akan terus dilaksanakan selain daripada dekat bandar Limbah dan Lawas kepada kawasan pedalaman di Ba'Kelalan dan di Bario.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata demikian, saya ingin sekali lagi mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kementerian oleh kerana saya rasa dalam tahun-tahun kebelakangan ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah betul-betul membantu kita membangun di kawasan saya khususnya di kawasan Bukit Mas.

Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tawau.

4.02 ptg.

Puan Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh maksud B.48, perkara yang pertama Program 01703 - Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Program 02003 - Bekalan Air Luar Bandar Sabah.

Saya ingin menyentuh beberapa contoh keperluan tenaga elektik dan bekalan air berlaku di kawasan sawah. Beberapa buah kampung di Pulau Sebatik, Ulu Seludung Laut dan di Kalabakan masih belum mendapat kemudahan elektrik dan juga kemudahan air. Para penduduknya masih menggunakan lampu lilin dan air perigi atau air sungai sebagai bekalan air. Punca bekalan air yang tidak sempurna dan tidak hygienic ini telah mendedahkan penduduk yang terlibat kepada jangkitan kuman. Untuk mengelakkan kejadian jangkitan ini, air bersih terpaksa diangkut dari punca air yang jauh, kadangkala dari main land Tawau dan ini adalah amat menyusahkan penduduk-penduduk kampung yang terlibat.

Semasa kemarau melanda negara baru-baru ini, para penduduk di sekitar kawasan berkenaan terpaksa menggunakan air laut untuk membasuh pakaian. Wabak cholera telah terjadi di Morotai Besar dan Kalabakan akibat pencemaran sungai. Telah berlaku dua kematian dan menyebabkan beratus-ratus orang telah dimasukkan ke hospital termasuk pendatang-pendatang asing. Oleh itu saya memohon, merayu kepada kementerian yang berkenaan supaya membuat satu kajian dan menyediakan satu pelan induk bagi menyediakan bekalan elektrik dan air di kawasan-kawasan yang saya sebut tadi.

Tuan Pengerusi, saya harap dengan tindakan ini kelak taraf hidup masyarakat di kawasan tersebut dapat ditingkatkan termasuk peningkatan keadaan kesihatan mereka. Saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan yang ditetapkan untuk kawasan-kawasan perkampungan di Pulau Sebatik dan Kalabakan bagi bekalan elektrik dan bekalan air tahun 1999 ini. Berapa buah kampung dan berapakah peruntukan bagi setiap kampung. Saya harap pertimbangan khusus ke atas program-program pembangunan di Tawau dapat diberi berasaskan kawasan ini adalah tertinggal dari segi pembangunan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Perkara yang kedua, Butiran 02300 dan 02500 mengenai jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung. Adalah perkara biasa jika para pelajar tinggal di rumah ketika musim hujan di kampung. Murid-murid sekolah tidak dapat ke sekolah memandangkan jalan-jalan tanah merah yang licin. Oleh itu usaha untuk menaikkan taraf jalan-jalan ini adalah amat diperlukan terutama jalan-jalan di kampung Bekosong, Kampung Sungai Tongkang, Kampung Tamang dan beberapa jalan lain di Pekan Kalabakan. Beberapa buah jalan kampung juga diperlukan bagi memudahkan penduduk-penduduk setempat membawa keluar hasil-hasil pertanian mereka. Pada masa yang sama ramai pekebun kecil di Ulu Kelumpang dan Kelumpang A, B, C dan D sedang memajukan tanah pertanian seluas kira-kira 10,000 ekar dan mereka mengalami masalah jalan yang teruk. Akibatnya ramai peneroka di kawasan ini telah meninggalkan tanah mereka.

Dasar kerajaan ialah untuk menggalakkan usaha-usaha pertanian. Oleh itu saya merasakan adalah sangat wajar peneroka-peneroka ini diberi sokongan terutama dalam menyediakan jalan yang diperlukan. Saya merayu agar kementerian berkenaan dapat pakar meneliti permasalahan ini dan menaikkan taraf jalan-jalan yang sedia ada. Saya cukup yakin jika ini dapat dilakukan ianya boleh memberi ruang yang lebih baik bagi peneroka-peneroka berkenaan meneruskan kehidupan mereka.

Perkara yang ketiga, Butiran 030200 hingga 032080 - Program PPRT. Dari segi perbandingan kawasan Tawau jatuh di tempat kelima sebagai kawasan termiskin di Sabah. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas usaha yang berterusan bagi menyediakan asas pembasmian kemiskinan terutama kepada hardcore poor. Namun demikian, oleh kerana ramai penduduk di kawasan ini saya merayu kepada kementerian

yang berkenaan untuk memberikan perhatian yang khusus dan menetapkan peruntukan yang lebih kepada kawasan Tawau khususnya untuk program-program pembangunan untuk membasmi kemiskinan bagi tahun 1999.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan itu dan berasaskan kepada pertimbangan kementerian, saya ingin mengetahui berapakah peruntukan yang diberikan kepada masyarakat miskin di Tawau dalam program PPRT. Saya telah membuat beberapa permohonan untuk PPRT di kawasan Tawau tetapi pada masa ini masih belum ada program-program PPRT telah dilaksanakan. Saya ingin tahu apa sebabnya, apakah program-program yang terlibat dan berapakah peruntukan yang ditetapkan bagi setiap program. Saya juga mohon mengetahui apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya program-program yang dilaksanakan dapat menjamin kejayaan matlamat PPRT.

Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan.

4.09 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Disenaraikan sebagai objektif Kementerian Pembangunan Luar Bandar, antara lain tumpuan utama adalah ke arah membawa penduduk luar bandar dalam usaha untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara sektor bandar dan luar bandar.

Tuan Pengerusi, kalau kita ingat balik pada tahun 60-an, lebih 90 peratus daripada rakyat Malaysia adalah dari luar bandar - di kampung-kampung dan di estet-estet, akan tetapi perkara itu telah menjadi reverse akibat satu strategi oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kerajaan. Adakah objektif ini perlu dilanjutkan memandangkan ramai di antara yang telah berhijrah ke pekan-pekan dan ke bandar-bandar ini adalah dalam keadaan yang teruk. Kebanyakan mereka tidak ada latar belakang yang baik kerana tidak ada pelajaran yang sedemikian. Adakah kita perlu mengkaji balik satu objektif supaya orang-orang di luar bandar diberi keutamaan supaya mereka berada di sana dan bukan memberi insentif-insentif untuk menarik mereka ke bandar yang sedemikian.

Kalau kita tengok balik objektif kementerian walaupun untuk menolong orang-orang di luar bandar tetapi ia telah menyebabkan bukan sahaja penghijrahan dari luar bandar tetapi telah menjadi satu situasi di mana di luar bandar, di kampung-kampung kita nampak orang-orang tua sahaja yang ada. Orang-orang muda, muda-mudi semua sudah berhijrah ke pekan dan sebagainya.

Apakah ini satu kesalahan yang besar yang telah dibuat oleh kementerian dan kerajaan dan adakah kerajaan akan mengkaji semula supaya reverse balik perkara ini dan menarik lebih pemuda-pemudi balik ke luar bandar dan duduk di sana dan berusaha melalui insentif yang banyak diberikan seperti mewujudkan usahawan-usahawan di mana itu adalah satu daripada objektif kementerian. Saya pohon satu penjelasan dalam perkara ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, tidak lama dahulu estet-estet dan ladang-ladang yang di bawah bidang kuasa kementerian telah dikeluarkan dan menjadi situasi yang tidak seimbang dan patut. Kalau kita ingat kembali, seperti di kawasan saya di Teluk Intan sendiri, di kampung-kampung ada jalan yang baik, jalan baru dibuat, ada elektrik, ada bekalan air bersih tetapi ladang di sebelahnya di mana manusia, rakyat Malaysia juga duduk, tidak ada jalan yang baik, tidak ada bekalan air, mereka menggunakan telaga, tidak ada elektrik, apakah ini satu diskriminasi? Apakah sebab ini terjadi demikian? Adakah kerajaan tidak tahu atau tahu tetapi buat tidak tahu? Apakah usaha yang sudah dibuat supaya kita membasmi kemiskinan tidak kira kampung, estet atau ladang atau seluruh dari luar bandar.

Baru-baru ini Timbalan Menteri telah memberitahu di Dewan yang mulia ini, bahawa bidang kuasa kementeriannya telah diperluaskan di mana kemiskinan rakyat bukan sahaja dari luar bandar tetapi dari bandar juga. Apakah kita tidak mahu, tidak tahu, ingin tidak mengiktiraf bahawa orang-orang miskin ada di ladang-ladang dan di estet-estet? Apakah mereka tidak dipentingkan, tidak mustahak, tidak wujud? Apakah yang dibuat oleh kementerian ini? Tolong beritahu kepada saya kerana seperti yang saya telah katakan di kawasan saya sendiri, kalau kita tengok di Kampung Suli, tidak ada jalan langsung, jalan pasir digunakan tetapi kampung di sebelahnya semua ada.

Ini adalah satu diskriminasi yang sangat clear-crystal clear. Kita perlu ubah supaya satu sistem yang sama digunakan, kalau kita boleh mengiktiraf bahawa kemiskinan bukan sahaja wujud di luar bandar tetapi di bandar lebih-lebih lagi kita perlu memberi perhatian kepada orang-orang yang duduk di ladang-ladang, orang-orang yang duduk di estet-estet dan juga di kampung-kampung. Jangan kita beri perhatian, pertolongan kepada satu golongan iaitu golongan dari kampung sahaja, dimustahakkan. Kita tidak boleh memberi satu situasi, satu polisi mengadakan yang diskriminasi kepada orang-orang di estet dan ladang-ladang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu dalam proses membasmi kemiskinan, Program 010700 – berapakah yang telah dikenal pasti di negara ini dan berapakah di antaranya ada di luar bandar, di kampung-kampung, di estet-estet dan di bandar-bandar yang besar.

Tuan Pengerusi, di bandar-bandar juga di luar bandar kita ada apa yang dikatakan peneroka bandar (urban squatters) atau squatters di luar bandar. Apakah kementerian sedang buat ataupun mencari jalan supaya mereka dapat yang minimum- dapat bekalan air bersih, dapat elektrik, dapat jalan supaya keluarga mereka juga akan dapat keuntungan dan merasa kemakmuran negara ini seperti orang-orang lain yang diberi keutamaan di negara ini.

Apakah yang sedang dibuat dan berapakah orang yang telah dikenal pasti sebagai hardcore poor. Di Perak, Menteri Besar saya, Tan Sri Ramli Ngah Talib telah mengatakan tidak ada hardcore poor di Perak. Baru-baru ini seminggu lepas Timbalan Menteri telah menyatakan ada lebih kurang 40,000 orang yang di bawah paras kemiskinan di Perak. Siapakah yang bercakap benar? Adakah kita menggunakan satu sistem yang lain untuk menganalisa kemiskinan. Apakah sistem di mana kita dapat mengenal pasti yang ini adalah miskin dan yang ini adalah yang teruk-teruk 'hardcore poor' dan apakah yang kita dapat satu sistem atau apakah kerajaan menggunakan untuk mengenalpasti orang-orang ini adalah hardcore poor.

Adakah tugas kementerian untuk mengenal pasti sahaja bahawa sedemikian orang adalah masyarakat miskin atau selepas dikenal pasti kerajaan memberi insentif-insentif, pertolongan-pertolongan, wang dan lain-lain. Kalau ada diberi, tolong senaraikan kepada Dewan yang mulia ini apakah yang mereka beri dan apakah sebab dari tahun 1996, 1997, 1998 kita nampak kenaikan golongan miskin. Saya difahamkan sekarang lebih kurang 7% adalah hardcore poor dalam negara ini. Apakah yang sedang dibuat untuk memberi pertolongan yang terus? Adakah mereka telah dikenal pasti dan adakah ganjaran-ganjaran, adakah pertolongan yang terus diberikan kepada mereka?. Kalau ya, berapa, apakah jenis dan kalau tidak mengapa tidak?

Tuan Pengerusi, ada juga kita tengok dalam peruntukan Kesejahteraan Keluarga, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini berapa orangkah yang telah mendapat manfaat ini dan apakah kesejahteraan yang telah diberikan oleh kementerian dan kerajaan kepada mereka yang terlibat dan tolong senaraikan negeri-negeri di Malaysia yang mendapat pertolongan terus dari sistem Kesejahteraan Keluarga. Berapakah keluarga yang telah mendapat pertolongan ini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Saya akan gulung. Selain dari itu saya juga ingin tahu KEMAS, berapa tadika yang wujud di negara ini pada masa sekarang dan apakah sistem, kualifikasi yang dikenakan kepada guru-guru yang mengendalikan perkara itu dan apakah pertolongan terus yang akan dibuat. Adakah setakat pertolongan ini diberi melalui KEMAS terhad kepada luar bandar dan bukan termasuk ladang-ladang dan kampung-kampung, estet-estet, kalau tidak, kenapa tidak? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kuala Nerus.

4.21 ptg.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan tentang perkara Butiran (Projek) 01700 - Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Sebagaimana yang saya utarakan di dalam ucapan saya sebelum ini tetapi saya tidak dapat jawapan yang memuaskan, iaitu bekalan elektrik di luar bandar, kawasan yang saya sebut iaitu Sungai Ikan masih lagi menjadi masalah kepada saya, yang saya sebutkan dahulu iaitu sepatutnya kawasan-kawasan yang mengelilingi Tasik Kenyir iaitu kawasan-kawasan luar bandar di mana diketahui bahawa Tasik Kenyir yang merupakan sumber bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan bukan sahaja di Terengganu malah di negeri-negeri lain sedangkan kampung-kampung yang boleh dikatakan kurang daripada 10 kilometer di kelilingi tasik itu masih tidak mendapat bekalan elektrik.

Apa yang menyedihkan ialah sebagai contoh, talian elektrik ataupun kabel bawah tanah yang saya pohon sejak dua tahun yang lalu apabila kita memohon dengan Tenaga Nasional dasar yang dibuat semasa penswastan pada awalnya diberitahu bahawa ada perjanjian di antara kementerian dan Tenaga Nasional di mana 50% daripada peruntukan itu datangnya daripada pihak swasta iaitu Tenaga Nasional dan 50% lagi datangnya daripada peruntukan luar bandar. Apabila dipohon buat kali kedua pihak Tenaga Nasional mengatakan bahawa keseluruhan perbelanjaan tersebut hendaklah dipohon daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sehingga ke hari ini masalah ini tidak dapat diselesaikan lagi sehinggalah kali terakhir di dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah, kami telah difahamkan oleh pegawai daerah iaitu buat sementara waktu bekalan elektrik ini akan disalurkan melalui satu stesen yang berdekatan dan hanya memerlukan RM25,000 dan 50% datangnya daripada Tenaga Nasional dan 50% lagi datangnya daripada peruntukan Pembangunan Luar Bandar tahun hadapan. Inilah yang mendukungitikan saya dan anak-anak buah yang rata-rata menuntut supaya keadilan dari segi bekalan elektrik luar bandar ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Saya harap perkara ini dapat diselesaikan sebaik mungkin.

Kedua, soal bekalan air luar bandar iaitu Butiran (Projek) 02000. Di kawasan saya iaitu di sekitar yang diberi nama kawasan Bukit Joh yang dahulunya memang terkenal dengan satu kawasan yang mendapat perkhidmatan bekalan air melalui paip air Kementerian Kesihatan yang disalurkan daripada air bukit ataupun air bersih daripada bukit ataupun air bersih daripada bukit. Malangnya sejak akhir-akhir ini, oleh kerana masalah-masalah kemarau dan sebagainya air bukit sudah tiada lagi dan paip air yang digunakan hampir tidak berfungsi lagi.

Saya mengharapkan supaya perkara-perkara ataupun masalah-masalah sebegini dapat diberi perhatian yang serius jika sekiranya permohonan-permohonan untuk dinaiktarafkan ataupun diganti dengan bekalan-bekalan air luar bandar, peruntukan yang sewajarnya daripada kementerian seharusnya diberi keutamaan kerana dalam kita menghadapi abad yang akan datang, kita mengharapkan kawasan-kawasan yang tidak

menikilometerati kesempurnaan dari segi kemudahan-kemudahan asas ataupun infrastruktur asas ini dapat diberi perhatian.

Tuan Pengerusi, perkara ketiga adalah soal bangunan ataupun balai raya KEMAS yang saya kira perkara ini sudah dalam perhatian kementerian. Saya melihat perkara ini agak emergency sebab satu balai raya kawasan saya hangus terbakar 100% dan kami dalam dua bulan yang lalu telah memohon satu peruntukan khas daripada kementerian untuk mengganti balik balai raya ini ataupun balai KEMAS ataupun PSKT ataupun sebarang balai awam yang boleh digunakan terutama sekali untuk kemudahan kanak-kanak tadika yang pada kebiasaannya menggunakan bangunan tersebut dan peruntukan yang kami pohon bukanlah banyak, cuma RM50,000 sahaja bagi menggantikan kemudahan yang sedia ada.

Jadi saya harapkan bahawa walaupun sedikit menyusahkan kementerian bahawa permohonan ini agak ad hoc ataupun secara tergesa-gesa tetapi malang yang menimpa ataupun kemalangan yang menimpa sesuatu kawasan itu bukanlah kita pohon, bukanlah kita kehendaki, namun demikian sejumlah yang disebutkan tadi saya kira baki-baki peruntukan yang tidak dapat digunakan di tempat-tempat lain dapatlah disalurkan ke kawasan kami.

Perkara keempat adalah soal KEMAS juga iaitu perlantikan Pegawai Bina Insan yang dilantik beberapa tahun yang lalu oleh KEMAS. Saya dapati bahawa ada beberapa pegawai yang dilantik tidak menepati kriteria-kriteria dan kehendak-kehendak sebagaimana standard kriteria yang seharusnya ada kepada pegawai-pegawai KEMAS kerana Pegawai Bina Insan ini sepatutnya seorang yang setidak-tidaknya boleh mengutarakan pendapat serta menyampaikan sebarang masalah daripada peringkat grassroot kepada negeri dan seterusnya kepada pusat. Kalaupun tidak dapat berceramah sebagaimana penceramah-penceramah yang hebat tetapi setidak-tidaknya janganlah menampakkan kecacatan di dalam mengendalikan pos ataupun jawatan yang diberikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Saya akan gulung. Kerana biasanya pegawai inilah yang akan memberikan semangat yang akan menumpukan ataupun sebagai problem solver di kawasan-kawasan tertentu, di kawasan-kawasan luar bandar. Jika sekiranya pengalaman ataupun kebolehan tidak ada pada pegawai-pegawai ini maka amatlah rumit dan saya pohon supaya pihak kementerian dapat melihat perkara ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya ingat masa kita terlalu suntuk, Yang Berhormat. Saya mohon maafnya seperti semalam pun ramai yang tidak dapat berucap, walau bagaimanapun saya hendak bertanya Setiausaha Parlimen kalau jawapan boleh selesai dalam setengah jam saya boleh lanjutkan perbahasan sehingga jam 5.00 petang. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Pengerusi, itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan kerana kalau ada had masa mungkin kita pilih tajuk-tajuk yang hendak dijawab, yang lain kita hanya ambil perhatian. Kalau Yang Berhormat bersetuju mungkin kita dapat mengambil masa setengah jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya ingat, saya kena beri seorang lagi untuk semua. Parit Sulong. Selepas itu kementerian akan menjawab.

4.32 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Kalau boleh berilah kepada kawan-kawan saya yang lain 10 atau 20 minit, sebab kami masih lagi 'on target' dari segi penjadualan perbincangan kami.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh dengan ringkas dua perkara sahaja iaitu P.48, Butiran 02500 - alan Kampung. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana tahun ini peruntukan untuk menaikkan taraf jalan kampung telah ditambah. Bagaimanapun kami seluruh Ahli Parlimen luar bandar berpendapat bahawa peruntukan ini masih lagi kecil kalau dibandingkan dengan jumlah jalan kampung yang masih lagi beribu-ribu kilometer, yang belum lagi dinaikkan taraf. Jalan kampung ini saya rasa adalah, infrastruktur yang agak tertinggal sedikit dari segi kenaikan tarafnya. Contohnya di kawasan saya sendiri di kawasan Parlimen Parit Sulong. Pada ketika ini saya dapati daripada bancian yang terakhir lebih kurang 500 kilometer jalan kampung yang belum lagi dinaikkan taraf. Kalau 500 kilometer dikali dengan lebih kurang 40,000 atau 60,000 perbelanjaan satu kilometer itu memakan belanja berjuta-juta dan di dalam Dewan Rakyat ini majoriti kami adalah daripada kawasan Parlimen luar bandar.

Jadi, saya harap pihak kerajaan akan menimbangkan di dalam belanjawan akan datang ataupun di dalam kajian belanjawan separuh penggal setengah tahun akan datang supaya ditambah lagi belanja untuk menaikkan taraf jalan kampung kerana inilah rintihan terakhir orang-orang kampung yang sekarang ini menjadi terlalu meluas dan merebak, kerana jalan kampung sahajalah agaknya yang belum lagi dapat pembelaan dari pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, dalam konteks jalan kampung ini juga saya ingin menyampaikan keluhan rakyat dalam kampung yang kedudukannya di belakang ladang-ladang. Bermakna mereka dahulu bekerja di dalam ladang dan di hujung ladang itu ada kawasan belukar yang mereka teroka dan sekarang ini telah pun menjadi kampung. Banyak kampung umpamanya di dalam kawasan Parit Sulong dan juga setahu sayalah secara peribadi di dalam kawasan Segamat kampung-kampung Melayu terdapat di belakang kawasan estet dan untuk menuju ke kampung mereka, mereka terpaksa melalui jalan ladang dan jalan di kampung mereka kita tidak dapat naikkan taraf, oleh kerana jalan antara kampung menyambungkan kepada jalan besar adalah melalui jalan ladang yang paling kurangnya adalah sepanjang lima atau enam kilometer.

Ini menjadi masalah kepada kami kerana pihak ladang-ladang enggan bekerjasama dengan cadangan daripada wakil rakyat ataupun pihak D.O. Saya rasa kalau diberi inisiatif dasar dari pihak Kerajaan Persekutuan supaya tuan punya ladang semua sekali Public Limited Company (PLC) ataupun syarikat yang tersenarai di papan Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya rasa mereka harus dirayu supaya memberi komitmen sosial, supaya mereka ini dapat menaikkan taraf jalan ladang yang menuju ke kampung-kampung yang terdapat di belakang kawasan ladang-ladang. Umpamanya boleh dirujuk atau menerusi perundingan dengan syarat bermakna dollar to dollar mungkin kerajaan RM1, ia RM1 untuk membiayai pembinaan antara jalan besar, jalan ladang menuju ke kampung-kampung di belakang ladang. Itulah harapan saya melalui Dewan Rakyat ini.

Tuan Pengerusi, yang keduanya adalah mengenai Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). Kita memang telah pun di dalam Dewan Rakyat ini memang telah mengambil keputusan menerusi satu akta untuk membubarkan KEJORA. Badan ini telah pun diberi satu grace period selama setahun sehingga akhir tahun ini untuk membereskan segala urusan-urusan pengurusan pentadbiran dan sebagainya dan diserahkan kepada beneficiary ataupun penerima faedah yang kalau di Johor adalah kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri diturunkan pula kepada Yayasan Pelajaran Johor.

Dalam konteks ini terdapat beberapa rayuan dan suara-suara yang agak kurang menyenangkan. Contohnya, apabila pihak KEJORA telah meluluskan tanah-tanah kepada syarikat-syarikat tertentu di mana keputusan telah dibuat menerusi Lembaga Pengarah dan keputusan telah dipersetujui dan perjanjian telah pun ditandatangani. Apabila proses penyerahan kepada penerima kuasa atau beneficiary iaitu kerajaan negeri, syarikat ini diminta sekali lagi menerusi proses permohonan iaitu terpaksa memasukkan semula permohonan kepada kerajaan negeri, terpaksa melalui proses perbincangan Pengarah Tanah dan Galian (PTG), terpaksa dibincangkan di Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, barulah dikeluarkan kelulusan dan kelulusan itu belum tahu, bermakna orang ini akan mendapat permohonan yang telah pun diluluskan oleh pihak KEJORA.

Tuan Pengerusi, sefaham saya sewaktu kita membincangkan akta pembubaran beberapa lembaga kemajuan, kita dapati dan diperjelaskan oleh pihak Menteri bahawa segala urusan yang telah pun diluluskan mesti diterima oleh pihak badan penerima kuasa ataupun beneficiary badan-badan yang telah dibubarkan. Ada satu contoh lagi, seorang pemohon tanah telah pun memberitahu saya, telah diluluskan, telah ada perjanjian, telah pun disukat tanah dan hampir kepada peringkat pembayaran premium dan sekarang ini melalui proses sekali lagi. Sedangkan dahulu KEJORA mempunyai satu bahagian yang memproses tanah ataupun sebahagian daripada Pejabat Tanah dan Galian Kota Tinggi yang telah pun dipinjamkan ke KEJORA. Perkara ini telah dibereskan di peringkat board KEJORA tetapi sekarang ini mereka terpaksa melalui sekali lagi proses permohonan yang amat panjang, sudah makan lebih kurang dua tahun.

Jadi, saya rasa ini adalah satu perkara yang boleh diatasi dengan penjelasan-penjelasan yang paling rapi dan paling terperinci dari pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada badan-badan yang akan menyerahkan seluruh tugas, tanggungjawab, harta dan aset kepada penerima-penerima kuasa yang telah pun ditentukan menerusi proses pembubaran badan-badan pembangunan wilayah yang berkenaan.

Jadi saya harap perkara ini akan dapat ditangani, diatasi dan dijernihkan dengan seberapa segera oleh pihak kerajaan pusat kepada authority ataupun badan-badan berkanun yang telah pun kita bubarkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab. Saya minta maaf, masa kita tidak mengizinkan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Minta beri satu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak jawab atau bagaimana? Pada pandangan saya kalau Yang Berhormat hendak jawab kemungkinan kita kesuntukan masa. Saya beri Yang Berhormat jawab kalau hendak jawab sekarang.

4.39 ptg.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian kita berterima kasih kepada beberapa Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dalam peringkat jawatankuasa untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada petang ini.

Yang pertama bercakap tadi adalah Yang Berhormat dari Kubang Kerian, beliau bertanya siapakah NGO yang akan dibantu selain daripada Amanah Ikhtiar Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan kita akan membantu Yayasan Pembasmian Kemiskinan Negeri seperti YPK Selangor, YPK Pahang dan YPK Kelantan juga turut mendapat manfaat dari kementerian untuk bersama-sama membasmi kemiskinan.

Kepada soalan sama ada Unit Amal PAS dapat membuat permohonan kepada kementerian, ingin saya jelaskan di sini bahawa peruntukan PPRT ini adalah jelas dengan tujuan yang tertentu dan diberi kepada masyarakat yang tergolong dalam golongan

termiskin. Walau bagaimanapun pihak Unit Amal PAS boleh memohon dan kita akan melihat sama ada sasaran dia sejajar dengan matlamat kerajaan dan kalau dia tidak sejajar maka susah kita hendak menimbangkannya kerana kita takut nanti PAS main politik dengan Projek Rakyat Termiskin.

Mengenai seruan beliau yang meminta kementerian memberi bantuan kepada rakyat termiskin, khasnya mereka yang menghadapi masalah banjir dan sebagainya, ingin saya menjelaskan di sini bahawa kementerian memang memberi bantuan kepada rakyat termiskin dan program ini adalah program on going dengan izin, dan kita juga ada program di bawah Makanan Tambahan Keluarga Termiskin yang kita memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Ingin juga dijelaskan di sini bahawa kementerian kena kaji kerana kadang-kadang ada beberapa keadaan pihak-pihak ini mungkin di bawah bidang kuasa kementerian-kementerian lain untuk membantunya. Walau bagaimanapun, adalah komitmen Kerajaan Barisan Nasional untuk menentukan semua rakyat yang susah, sengsara dan menghadapi berbagai masalah akan terus dibantu khususnya rakyat yang termiskin.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Pasir Mas bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu pertamanya mengenai dengan pinjaman di bawah Skim AIM kepada mereka yang miskin. Di dapati di dalam negeri Kelantan khususnya, oleh kerana negeri Kelantan ini ada sebuah kerajaan lain selain daripada Kerajaan Persekutuan, maka kekeliruan di kalangan rakyat ini timbul disebabkan oleh salah anggapan, kononnya pemberian pinjaman kepada golongan miskin di bawah Skim AIM ini, peruntukannya diberi oleh kerajaan negeri, bukannya oleh Kerajaan Persekutuan sedangkan di dalam Belanjawan kita ialah sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada AIM. Jadi pertanyaan saya, adakah pihak kementerian menyedari hakikat ini dan mengambil tindakan-tindakan yang positif supaya rakyat, terutama sekali golongan miskin ini, walaupun pemberian kita ini tidak mengira golongan sama ada fahaman parti politik apa sekalipun asalkan sasaran mereka ini miskin, diberi pinjaman AIM ini. Cuma kita hendak memberitahu kepada rakyat bahawa pemberian ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan, bukannya daripada kerajaan negeri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas. Memang tabiat parti pembangkang kadang-kadang apabila program itu baik, dia mengaku itu adalah program mereka tetapi saya berharap Yang Berhormat sendiri dapat membantu untuk menjelaskan kepada rakyat Kelantan dan saya percaya Menteri Pembangunan Luar Bandar juga akan menjelaskan bahawa bantuan yang diberi oleh Amanah Ikhtiar Malaysia, peruntukannya adalah dari Kerajaan Persekutuan seperti mana yang nyata dalam peruntukan Belanjawan kita. Jadi, saya harap perkara ini tidak jadi satu perkara yang mengeruhkan program ini kerana tujuan dan matlamat kita seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi adalah untuk membantu rakyat yang miskin, tidak memilih apa fahaman politik mereka ataupun asal-usul mereka dan saya berharap semua pihak akan menyedari bahawa peruntukan yang ada dari Amanah Ikhtiar Malaysia adalah dari Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Yang Berhormat dari Alor Gajah tadi ada menyebut mengenai tabika, beliau juga mengucapkan terima kasih dan kita mengakui bahawa KEMAS melalui tabikanya memang membantu rakyat luar bandar dan memang bukan hanya memperluaskan lagi bahkan hendak mempertingkatkan lagi profesionalisme guru-guru kita. Sejak pelaksanaan taman bimbingan kanak-kanak oleh KEMAS, syarat menjadi guru adalah kelulusan SPM dan

dimestikan mengikuti kursus latihan enam bulan di pusat-pusat latihan KEMAS. Ini perlu diperjelaskan kerana Yang Berhormat tadi menyebut bahawa ramai guru KEMAS adalah terdiri daripada guru-guru yang tidak layak, yang dari PMR yang tidak terlatih dan juga tidak terlatih dengan mendalam. Latihan yang diberi kepada mereka ini adalah selaras dengan kurikulum Kementerian Pendidikan. Barangkali secara kebetulan terdapat golongan minority berkelulusan SRP dan telah lama menjadi Pembantu Tabika yang telah dinaikkan pangkat, namun demikian mereka juga perlu mengikuti Kursus Pengurusan Tabika yang disebutkan.

Pendekatan baru KEMAS adalah menggunakan PM Tabika, Guru Tabika mengikuti Kursus Diploma Prasekolah ditambah di bawah anjuran bersama pihak Universiti Malaya. Saya juga ingin menambahkan bahawa baru-baru ini kerajaan telah meluluskan tangga gaji baru kepada PM Tabika KEMAS. Ini dibuat kerana dahulu gaji mereka ini adalah tetap, tidak ada tangga gaji dan skil, jadi itu mungkin satu perkara yang tidak mengalakkan, jadi kerajaan mengadakan satu galakan dengan mengadakan tangga gaji dan mereka ini kita berharap dengan galakan itu dapat meningkatkan profesionalisme mereka dan dapat memberi keuntungan kepada masyarakat di luar bandar.

Mengenai kanak-kanak yang mengambil UPSR gagal Bahasa Inggeris dan beliau telah mencadangkan bahawa Bahasa Inggeris diajar di Tabika KEMAS. Pada tahun 1999, Bahasa Inggeris adalah termasuk di dalam bidang pengalaman yang akan diajar kepada kanak-kanak di Tabika, sebagaimana yang terkandung di dalam garis panduan Kurikulum Baru Prasekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Sebelum ini Bahasa Inggeris adalah sebagai sisipan di Tabika.

Mengenai tidak ada peruntukan bagi pembelian tanah bagi bangunan, untuk makluman Yang Berhormat, untuk pertama kalinya selepas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, KEMAS telah diberi peruntukan untuk membeli tanah bersama peruntukan pembinaan bangunan. Walau bagaimanapun, kosnya adalah amat minimum dan pemberian tapak tanah secara percuma oleh semua pihak adalah dialu-alukan dan saya berharap Yang Berhormat sama-sama membantu kita supaya masalah tapak ini dapat diselesaikan.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi Datuk Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa di bawah Kurikulum Baru Prasekolah, Bahasa Inggeris akan dititikberatkan dan diajar kepada kanak-kanak berkenaan. Saya ingin tahu setakat hari ini apakah persiapan ataupun persediaan yang telah dibuat oleh pihak KEMAS untuk melatih guru-guru tersebut untuk lebih mahir berbahasa Inggeris dan boleh mengendalikan mata pelajaran tersebut untuk diajar kepada kanak-kanak dan sejumlah berapa ramaikah setakat hari ini guru-guru tadika tersebut telah pun diajar dan daripada keseluruhan bilangan yang sebenar. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. KEMAS telah mengadakan berbagai kursus untuk mempertingkatkan kebolehan mereka ini untuk menjalankan kokurikulum yang baru ini. Jumlah mereka, saya tidak ada di sini, saya boleh beri kepada Yang Berhormat dengan cara bertulis.

Yang Berhormat dari Alor Gajah juga telah menyentuh mengenai Gerakan Desa Wawasan. Beliau menyeru bahawa Program Gerakan Desa Wawasan ini harus dikaji untuk menentukan bahawa ianya akan berkesan dan beliau telah menyebut pelbagai masalah yang timbul khususnya kerana ada beberapa kampung di negeri Melaka yang Gerakan Desa Wawasannya dikenali hanya dengan logo GDW dan juga selepas perasmian

ianya dilupakan. Memang kita sedar bahawa beberapa buah kampung di bawah GDW memang menghadapi nasib yang begitu.

Dalam kajian yang telah dibuat oleh KEMAS kita dapati lebih kurang 30% dari semua kampung yang termasuk dalam GDW yang tidak begitu bergerak dan 60% kita lihat adalah berjalan dengan baik, 30% daripada 60% tadi adalah begitu berjaya. Jadi, ini bermakna kampung-kampung yang tidak berjaya mungkin mereka tidak faham mengenai apa yang patut dijalankan dan sebagainya. Jadi untuk mengatasi masalah ini pihak kementerian telah mengambil berbagai tindakan, di antaranya ialah untuk memberi kit GDW dan dalam kit itu ada dijelaskan segala strategi atau program yang patut dijalankan oleh kampung-kampung GDW itu.

Begitu juga kita terus memberi penjelasan kepada penggerak-penggerak supaya penggerak ini faham apakah program yang harus dijalankan. Dengan itu juga kita telah mengadakan pelbagai kursus, lebih 26 siri kursus JKK telah dijalankan dan kursus-kursus ini adalah satu pendedahan kepada JKK supaya mereka memahami peranan mereka dalam menjalankan program dalam kampung Gerakan Desa Wawasan. Kita berharap dengan berbagai kursus pendedahan dengan kit-kit GDW ini dan dengan penerangan-penerangan yang selalu diberi, kita berharap semakin hari semakin senang lagi kampung-kampung ini memahami tujuan dan matlamat GDW. Kita berharap juga JKK dan kampung-kampung berkenaan memahami bahawa Program Gerakan Desa Wawasan ini bukanlah program khas dan hanya program KPLB. Program ini adalah ditaja oleh KPLB, KEMAS sebagai penggeraknya tetapi bantuan-bantuan yang patut dibantu, diberi kemudahan-kemudahan atau sumber-sumber pembangunan haruslah dicari dari pelbagai jabatan misalnya, Jabatan Pertanian, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan dan baru-baru ini mungkin Jabatan Bomba, Jabatan Penerangan dan sebagainya dapat membantu.

Oleh itulah kita mengadakan kursus supaya JKK faham dengan keadaan yang ada dalam kampung masing-masing, dengan masalah yang mereka hadapi, mereka juga mesti memahami dari manakah bantuan-bantuan ini diperolehi. Misalnya kalau mereka hendak menubuhkan bomba sukarela, jadi mereka perlu berhubung dengan Jabatan Bomba, tidak boleh hanya mengharapkan KEMAS yang melakukannya. Dengan demikian, kita berharap dengan penjelasan yang kita buat mereka ini dapat membuat satu perancangan dan dapat membuat satu permohonan untuk kampung masing-masing.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelebu bangun.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya berharap Yang Berhormat sekalian dapat membantu kami dalam menjelaskan perkara ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan sedikit. Mengenai dengan pelaksanaan Gerakan Desa Wawasan (GDW) ini, kita nampak bahawa kelemahan berlaku di dalam pengurusan dan juga pelaksanaan GDW tersebut. Nampaknya kelemahan ini lebih menonjol di kalangan pengerusi-pengerusi dan jawatankuasa GDW itu sendiri di peringkat kampung. Apakah kementerian akan mencadangkan supaya KEMAS daerah akan mengendalikan satu bentuk jawatankuasa dan bermesyuarat setiap bulan untuk mendapatkan feedback pemakluman secara berterusan daripada pengerusi-pengerusi GDW ini, kerana kalau dibiarkan dalam keadaan yang sedemikian Tuan Pengerusi, saya tidak yakin pengerusi-pengerusi ini akan mengikut apa yang dikehendaki oleh pihak KEMAS dan juga jawatankuasa induk di peringkat daerah.

Oleh kerana mereka ini tidak dipentingkan, hendak buat, buat, tidak buat, tidak apa, tidak ada tindakan susulan dilakukan. Jadi, kalau boleh kementerian memikirkan satu kaedah bagaimana kita hendak monitor pelaksanaan GDW ini. Kalau kita biarkan dalam keadaan sekarang saya rasa tidak mungkin hasrat dan cita-cita kementerian itu tercapai dengan tepat dan juga betul. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat. Memang cadangan itu baik. Kementerian memang memantau program GDW ini dengan begitu teliti sekali kerana kita percaya kalau program ini dapat dijalankan dengan berjaya ianya akan menguntungkan masyarakat. Kita juga sentiasa memberi penerangan dan kursus kepada penggerak kerana kalau ada beberapa tempat penggerak yang tidak mengambil tindakan yang cergas maka masalah akan timbul.

Oleh itu, kita berharap penggerak dan juga ahli-ahli jawatankuasa kampung sentiasa mengadakan mesyuarat kerana untuk GDW ini kita ada jawatankuasa seperti di peringkat kementerian, di peringkat negeri, di peringkat daerah dan juga di peringkat kampung. Mereka ini haruslah mengadakan mesyuarat kerana tugas dan jawatankuasa ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kuala Nerus bangun.

Datuk Douglas Uggah Embas: Boleh saya habiskan ayat ini, kerana penekanan kita di sini adalah untuk JKK ini merancang pembangunan untuk kampung masing-masing. Jadi, kalau mereka tidak mengadakan mesyuarat dan tidak berunding, tidak memikirkan bagaimana hendak membangunkan kampung, jadi, itu satu masalah. Kita berharap dan kita sentiasa memantau, monitor bagaimanakah kemajuan GDW ini dan kita berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi maklum balas kepada kami.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak dapat penjelasan bila disebut jawatankuasa peringkat negeri dan daerah saya tidak yakin bahawa jawatankuasa GDW peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Sebagai contoh, beberapa bulan yang lalu di kawasan saya, di kampung saya, bila saya buat satu program di bawah Desa Wawasan dan dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan kita beri peluang kepada Pegawai Daerah untuk berucap sebelum seorang Exco dan Yang Berhormat Menteri berucap. Malangnya apa yang kita dapati bahawa Pegawai Daerah iaitu pengerusi di peringkat daerah sendiri terus menghentam dasar-dasar Desa Wawasan.

Jadi, saya tidak nampak bila peringkat jawatankuasa di peringkat daerah yang merupakan supremacy di peringkat daerah, pengerusi sendiri membantai dasar Desa Wawasan di hadapan Yang Berhormat Menteri sendiri. Saya rasa ini amatlah tidak wajar, apakah pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mungkin ada perubahan yang terakhir yang dapat saya ketahui.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat kerana kalau pegawai daerah itu faham mengenai dasar-dasar GDW tidak sepatutnya beliau mengecam kerana beliau sebagai satu pegawai di peringkat daerah sekiranya ada perkara-perkara ataupun pendekatan-pendekatan kementerian yang dianggap tidak tepat, beliau harus menjelaskan kepada kementerian supaya kita mengambil perhatian dan kalau perubahan dibuat, kita bersedia untuk membuat apa-apa perubahan yang harus dibuat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, berkait dengan Kuala Nerus. Jadi, saya tidak nampak jugalah apa Yang Berhormat dari Kuala Nerus nyatakan tadi. Jawatankuasa ini ada, pengerusinya ada, di peringkat daerah pun ada, Pegawai Daerah tetapi sejauh manakah ianya bergerak. Jadi, bolehkah kementerian mewajibkan supaya pengerusi-pengerusi GDW daerah ini mengadakan mesyuarat dua bulan sekali dan sebagainya, kerana seingat saya macam di Jelebulah, tidak pernah pegawai daerah memanggil mesyuarat jawatankuasa GDW ini.

Jadi, bagaimana mungkin dapat kita memastikan bahawa GDW ini dapat dilaksanakan. Kampung yang telah dilancarkan GDW inipun begitu juga, pelan tindakannya tidak dikemukakan balik kepada KEMAS, KEMAS sudah puas bercakap,

Tuan Pengerusi, sudah banyak kali berjumpa dan berbincang, tidak jalan juga. Jadi, mengapa Pegawai Daerah selaku pengerusi di peringkat daerah tidak response kepada keadaan ini dan saya minta kalau boleh gunakan budi bicara supaya Pengerusi GDW ini di peringkat daerah berperanan dan berfungsi supaya setiap pengerusi-pengerusi GDW di kampung-kampung ini dijadikan jawatankuasa secara otomatis dan minta maklum balas setiap dua bulan sekali supaya GDW ini dapat berfungsi sepenuhnya. Ada atau tidak cadangan Datuk Setiausaha Parlimen? Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, kita ambil maklum cadangan Yang Berhormat. Kita akan mengkaji keadaan yang sebenarnya di peringkat daerah dan sebagainya. Seperti saya sebutkan tadi kita bersedia untuk mengambil beberapa tindakan yang perlu, tetapi dalam masa yang sama kita minta juga kerjasama Yang Berhormat untuk menjelaskan kepada peringkat kampung apa matlamat kita dalam GDW ini kerana kalau mereka faham dengan matlamat ini, saya percaya mereka dapat memainkan peranan dengan lebih jelas. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sekalian telah pun faham apa maksud dan tujuan matlamat GDW kita dan oleh itu kita minta bantuan daripada Ahli Yang Berhormat sekalian untuk memberi penjelasan dan terus memberi maklum kepada kementerian di mana cacat-celanya masalah dengan GDW ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kangar.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Kuala Nerus dan juga Jelebu. Apabila sebut GDW ini masyarakat cuma kaitkan GDW ini dengan KEMAS semata-mata, pada hal mengapa perkara ini tidak boleh dijalankan secara berkesan kerana seperti Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa tentang konsepnya, masyarakat kita tidak begitu faham apa konsep GDW ini. Seolah-olah GDW ini 'non-conceptual'. Kita sendiri terawang-awang apa itu GDW, apa konsepnya dan apakah '*modus operandi*'nya dan apakah tujuan dan matlamatnya. Perkara ini juga saya telah bangkitkan dengan Yang Berhormat dalam sesi Soal Jawab minggu lalu kalau tidak silap saya dan saya mintalah perkara ini dapat diperjelaskan tentang konsep, '*modus operandi*', tujuan dan matlamatnya supaya perkara ini dapat kalau ditengok dari segi sebutannya GDW memang satu perkara yang cukup elok, tetapi kadang-kadang mungkin akhirnya kami sendiri pun jadi wawasan, jadi 'was-was' begitu sahaja. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya percaya dalam Dewan ini kita telah menghuraikan konsep-konsep GDW ini beberapa kali. Saya percaya Yang Berhormat pun faham dan saya tidak ingin mengulanginya lagi. Tetapi kita memahami mengenai kekeliruan ini, oleh itu kita mengadakan seperti saya sebutkan tadi satu 'kit' di mana disebarikan ke kampung-kampung tersebut di mana kita menjelaskan falsafahnya, strateginya dan tatacara yang harus diikuti oleh kampung-kampung tersebut dan kita percaya dengan cara itu kita dapat menjelaskan lagi falsafah, konsep dan tujuan GDW ini. Jadi kalau cara itu tidak dapat difahami oleh beberapa kampung, mungkin kita akan mencari cara lain kerana kementerian tidak putus asa kerana dalam pandangan kementerian inilah satu program yang dapat membantu rakyat luar bandar untuk menyiapkan mereka untuk menyahut seruan Wawasan 2020. Ini juga satu program yang kita harap dapat mengubah nasib penduduk luar bandar.

Jadi apa-apa rintangan dan masalah yang dihadapi kita bersedia untuk mengubahsuai supaya ianya difahami oleh bukan hanya 60% buah kampung yang dipilih tetapi 100% buah kampung yang kita pilih.....

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, sekejap sedikit lagi. Saya simpati dengan apa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen katakan. Kita boleh bantu, selama ini pun kita bercakap, bersyarah ke merata tempat mengenai GDW ini tetapi apakah cukup untuk kita bersyarah ke sana ke mari bercakap, sedangkan pengerusi di peringkat daerah itu 'peluk tubuh'. Ini maksudnya. Sebagai Ahli Parlimen kita tidak ada kuasa untuk

mengarahkan pengerusi daerah untuk mengadakan mesyuarat, pasal kita sebagai ahli. Mungkin pengerusi di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), tetapi yang mempengerusikan mesyuarat itu, jawatankuasa itu ialah Pegawai Daerah. Pegawai Daerah harus memanggil mesyuarat, mewujudkan jawatankuasa tetap. Panggil mesyuarat dua bulan sekali, barulah nampak GDW ini boleh bergerak.

Kalau hendak setakat penyelia KEMAS bersyarah ke sana ke mari tidak jalan, jadi kita kasihan juga dengan kakitangan KEMAS ini bersyarah merata tempat, bercakap, pujuk rayu pengerusi-pengerusi kampung ini, GDW tidak jalan. Hantar kursus pun ada yang ponteng. Apa tindakan pengerusi GDW daerah? Tidak ada, tidak ada apa-apa respond, panggil mesyuarat pun tidak pernah. Berapa lama sudah GDW diwujudkan? Tidak pernah mesyuarat, secara rasminya jawatankuasa GDW peringkat daerah belum pernah mesyuarat. Yang ini saya minta kementerian tentukan, jangan kita palakan sahaja penyelia-penyelia KEMAS sebagai penyelaras sedangkan pengerusinya tidak buat apa-apa. Banyak masa telah kita berikan, banyak duit telah kita hancurkan, program itu, program ini tetapi di peringkat daerah tidak bergerak bang! Tuan Haji Ibrahim Narek, saya minta tolonglah ini, tidak bergerak Yang Berhormat. Jadi kita hendak arah DO, tidak boleh, 'bo layan'.

Jadi saya minta penjelasan, buat ketetapan supaya dasar ini dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu. Kita akan mengambil perhatian cadangan Yang Berhormat. Itu memang cadangan yang bernas kerana kalau sehingga sekarang tidak ada mesyuarat dan sebagainya, mungkin ada perkara yang tidak kena. Saya percaya pihak KEMAS akan mengkaji apa masalah yang sebenarnya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Mas telah memohon pelbagai program, misalnya bekalan elektrik luar bandar, projek permohonan ekonomi, bekalan air luar bandar dan jalan luar bandar. Memang kita bersimpati dengan keadaan Yang Berhormat kerana kawasan Yang Berhormat dari Bukit Mas adalah jauh dan luas, maka kementerian menyedari masalah kekurangan infrastruktur ini, tetapi kementerian hanya dapat memberi peruntukan-peruntukan kepada kawasan-kawasan luar bandar mengikut peruntukan yang ada. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian segala semua permohonan Yang Berhormat itu tadi.

Mengenai masalah mini hidro di Bario, projek ini telah dikaji terlebih dahulu sebelum dilaksanakan. Penjanaaan tidak dapat dilakukan seperti mana yang dirancangan kerana kesan daripada kemarau El-Nino. Dijangka dapat beroperasi selepas musim hujan ini, kawasan itu agak jauh dan kos penyambungan grid tinggi dan KPLB akan mencari sistem alternatif yang sesuai. Ini adalah mengenai permohonan Yang Berhormat di kawasan-kawasan Yang Berhormat sebutkan tadi kerana di kawasan-kawasan luar bandar kita melainkan grid, kita ada sistem alternatif di mana kita membantu kawasan-kawasan yang tidak dapat disambungkan grid.

Begitu juga Yang Berhormat dari Tawau yang telah juga mengemukakan masalah-masalah di kawasan beliau mengenai kemudahan infrastruktur ini. Kita juga faham kerana seperti di kawasan saya juga masih ada beberapa buah kampung yang belum ada elektrik. Jadi kita akan mengambil perhatian mengenai perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat ini. Khususnya bekalan elektrik bagi Pulau Sebatik adalah menggunakan generator diesel bagi kampung yang besar seperti Kuala Bay. Kos pembangunan melalui talian grid terlalu tinggi kosnya, bekalan air secara alternatif bagi kawasan Kalabakan yang dikategorikan sebagai kawasan terpencil dan pedalaman akan dilaksanakan. Perkara-perkara yang lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi termasuk jalan luar bandar, projek jalan kampung juga akan diambil perhatian oleh kementerian.

Ahli Yang Berhormat juga telah mengemukakan pelbagai program pembaik pembangunan di samping mencari bantuan mengenai masalah rakyat termiskin ini. Memang kita sedar bahawa beberapa permohonan telah dibuat oleh Yang Berhormat, tetapi cara kita ialah kita menghantar segala permohonan ini kepada negeri Sabah dan kita memerlukan pengiktirafan dan pengesahan dari negeri Sabah sama ada senarai yang diberi oleh Yang Berhormat itu memang termasuk dalam senarai PPRT kerana kita telah jelaskan bahawa program PPRT ini adalah untuk rakyat termiskin yang ada syarat-syaratnya yang tertentu.

Saya berharap pihak kami akan membantu Yang Berhormat sedaya yang boleh supaya Yang Berhormat tidak begitu kecewa kerana memang tugas kita adalah membantu rakyat termiskin dan kita juga tahu ada bantuan tetapi jika bantuan ini tidak sampai kepada masyarakat ini adalah satu masalah yang kita harap dapat diselesaikan. Memang untuk Negeri Sabah ini kita menghadap berbagai-bagai masalah khususnya pengesanan senarai-senarai PPRT dan saya berharap Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat dari Tawau dapat berbincang dengan Pegawai Daerah di kawasan beliau sebelum mengemukakan permohonan terus ke kementerian supaya menentukan senarai-senarai yang ada di dalam permohonan itu dapat disahkan oleh Pegawai Daerah. Dengan cara itu lebih senang pihak kementerian dapat memproses permohonan dari kawasan Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat dari Teluk Intan cuba bercakap mengenai rakyat termiskin dan rakyat miskin, tetapi nampaknya beliau oleh kerana baru di dalam Parlimen ini banyak yang beliau tidak faham apa bezanya di antara rakyat termiskin, rakyat miskin, rakyat luar bandar dan maka perbincangan beliau adalah tidak berapa jelas. Suatu ketika saya memikir beliau menentang usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk membantu masyarakat luar bandar, tapi mungkin itulah matlamat beliau sebenarnya. Oleh itu beliau berhujah dengan memutarbelitkan keadaan dan menyeru bahawa satu tindakan, satu kajian dibuat terhadap dasar kerajaan di mana kita berusaha untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara masyarakat bandar dengan luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kementerian dalam usaha kita mengatasi masalah kemiskinan ini kita tidak memilih bangsa, agama ataupun fahaman politik sebagaimana kita tegaskan selama ini, kita sedia membantu semua yang harus dibantu. Untuk makluman Yang Berhormat kita ada senarai rakyat termiskin yang telah dibuat kajian di seluruh negara, itulah panduan kita dan termasuk semua kumpulan yang harus mengikut panduan yang diadakan oleh kementerian, maka tuduhan Yang Berhormat yang mengatakan kita ada pilih kasih adalah satu tuduhan liar yang tidak ada bukti, tuduhan yang tidak begitu jelas sekali. Saya berharap Yang Berhormat beri perhatian kepada program-program ini. Saya bersimpati dengan Yang Berhormat kerana memang Yang Berhormat ini bersemangat untuk membantu masyarakat tetapi dalam masa yang sama nampaknya Yang Berhormat juga hendak mengapi-apikan penduduk-penduduk di estet ini, mungkin tujuan untuk memancing undi dalam pilihan raya akan datang.

Mengenai satu perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, iaitu beliau bertanya mengenai di Perak, pandangan dari Menteri Besar tidak ada rakyat termiskin lagi di Negeri Perak dan dalam masa yang Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengatakan ada 40,000 keluarga rakyat termiskin di Perak. Di sini saya rasa masalahnya ialah mungkin Yang Berhormat baca surat khabar yang salah, surat khabar lama atau bukan lama, mungkin [*Ketawa*] lambangnya kapal terbang atau apa? Jadi angka itu direka-reka.

Saya tidak percaya Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengumumkan 40,000 hard-core poor di Perak kerana di seluruh negara hanya ada 58,000 rakyat termiskin, rakyat termiskin. Yang Berhormat dari Teluk Intan perlu faham apa bezanya, miskin, rakyat termiskin dan sebagainya supaya beliau tidak membuat pelbagai tuduhan yang tidak berasas dan kemudian memalukan diri sendiri kerana tidak

fahamkan keadaan. Walau bagaimanapun kita akan meneruskan pelbagai program untuk pembangunan rakyat termiskin ataupun rakyat miskin di kampung-kampung di negeri Perak.

Yang Berhormat juga bertanya mengenai bilangan tadika KEMAS masa kini. Untuk makluman Yang Berhormat, ada 7,468 tadika di seluruh Malaysia. Kelulusan guru saya sudah jelaskan tadi, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat ada di dalam Dewan atau tidak, tapi saya tidak mahu mengulang lagi, takut membuang masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi, penjelasan. Sebelum ini Yang Berhormat memberitahu ada hampir 50,000 rakyat miskin, jadi saya sudah tanya sebelum ini apakah ciri-ciri yang digunakan untuk mengetahui bahawa golongan ini adalah miskin dan apakah bottom line. Adakah pendapatan berapa banyak dikatakan paras di mana kita isytiharkan mereka ini miskin. Itu nombor satu, nombor dua saya hendak tanya selepas kita telah mengenal pasti bahawa ada golongan yang termiskin ini, apakah kementerian ini memberi pertolongan, pertolongan secara apa? Itu dengan spesifik saya hendak bertanya. Terima kasih.

Datuk Douglas Unggah Embas: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya kita telah jelaskan di dalam Dewan ini beberapa kali. Apakah kriteria-kriteria yang kita ambil untuk mengetahui sama ada keluarga itu termasuk dalam rakyat termiskin atau tidak dan saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat pernah dengar atau tidak tetapi untuk makluman Yang Berhormat kita menggunakan pendapatan garis kemiskinan. Dan untuk di Semenanjung Malaysia ini kita menetapkan pendapatan sebanyak RM425 sebulan untuk saiz isi rumah 4.6 dan RM601 sebulan untuk saiz isi rumah 4.9 di Sabah dan RM516 sebulan untuk saiz isi rumah 4.8 di Sarawak.

Jadi selepas kita mengenal pasti dan kita ada senarai, kita memang ada program, program itu pun kita telah jelas beberapa kali di dalam Dewan ini dan saya rasa tidak faham mengapa Yang Berhormat masih bertanya, adakah Yang Berhormat tidak dengar ataupun tidak minat mengenai apa yang kita sebut dalam Dewan ini mengenai program rakyat termiskin ini. Tapi untuk kesimpulannya segala program-program yang kita bantu kepada rakyat termiskin ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan keluarga ini supaya mereka ini dapat keluar dari cengkaman kemiskinan. Jadi untuk semua rakyat termiskin kita mengambil pendapatan garis kemiskinan yang saya sebutkan tadi, bahagi dua ertinya untuk Semenanjung RM425 bahagi dua ($RM425 \div 2$) iaitu 1 keluarga dengan pendapatan di bawah itu adalah dianggap sebagai rakyat termiskin. Saya harap yang terhormat faham tafsiran kita.

Mengenai tabika di estet, untuk makluman Yang Berhormat sekarang terdapat 38 tabika di estet di seluruh negara.

Mengenai soalan Yang Berhormat tadi yang bertanya mengenai program kesejahteraan keluarga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan kesihatan keluarga adalah merupakan bimbingan dalam aspek kekeluargaan, ekonomi, kesihatan dan kesedaran sivik yang ditujukan kepada suri-suri rumah atau beliawanis di luar bandar. Hampir 35,000 orang peserta mendapat faedah di seluruh negara. Saya tidak ada pecahan di sini. Kalau Yang Berhormat berminat, saya percaya Yang Berhormat tidak berminat. Kalau berminat kita akan sampaikan secara bertulis.

Dr. L. Krishnan: Tuan Pengerusi, saya ingin tahu sedikit penjelasan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu bahawa 38 buah tabika KEMAS telah ditubuhkan di ladang-ladang di seluruh negara. Saya dapat tahu bahawa pada tahun depan tabika KEMAS tidak akan diwujudkan di mana-mana ladang. Adakah ini benar, dan jika benar

sebab apa tabika KEMAS tidak akan diwujudkan di ladang-ladang yang lain di mana saya difahamkan tabika perlu diwujudkan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, sememang Yang Berhormat sudah dapat jawapan pada soalnya hari ini. Kita telah memberitahu bahawa untuk tahun 1999 kita ada rancangan untuk menubuhkan tabika di estet. Sebenarnya dalam perancangan ini kita mengikut keperluan. Jadi, kalau Yang Berhormat rasa perkara ini adalah perlu, Yang Berhormat boleh majukan permohonan kepada pihak KEMAS. Kerana Teluk Intan tidak minat, saya berharap Yang Berhormat dari Barisan Nasional bekerja kuat untuk membantu rakyat di estet.

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat, dia bangun hendak beri jalan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, masa sudah tidak ada lagi...

Tuan M. Kulasegaran: Kalau saya tulis, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan hadir untuk kawasan saya? Bolehkah kita dapat satu penjelasan sekarang. Kalau saya tulis, katakan saya tulis pada hari Isnin ini mengatakan beberapa tempat di kawasan saya perlukan KEMAS, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menunaikan janji itu, atau sebagai janji mulut sahaja? Bolehkah beri satu penjelasan? Kalau boleh saya akan tulis, kerana saya minat untuk kebaikan rakyat untuk kawasan saya, semestinya saya sedia.

Datuk Douglas Uggah Embas: Memang kita tidak menolak cadangan dari mana-mana pihak, tetapi kita kena tengok sama ada permohonan itu memenuhi syarat-syarat kementerian. Misalnya kalau Yang Berhormat mencadangkan seseorang untuk mendapat bantuan rakyat termiskin, kalau pendapatannya lebih dari RM500 jadi tidak dapatlah kita membantu. Tetapi kalau pendapatan dia kurang separuh dari garis kemiskinan, mengapa tidak, kita akan bantu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah menyentuh mengenai bekalan elektrik. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan meminta TNB membuat kajian dan menyediakan anggaran kos penyambungan talian grid. Mulai tahun 1998 pembiayaan separuh dari mana-mana industri bekalan elektrik. KPLB juga akan mengambil perhatian terhadap bekalan air yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi menyebut mengenai peruntukan di PJK, memang kita faham bahawa keperluan untuk program ini adalah banyak, tetapi terhad kepada peruntukan yang sedia ada. Kementerian dari masa ke semasa memang merayu kepada Kementerian Kewangan, merayu kepada Perdana Menteri bahawa peruntukan untuk ini ditambah. Maka tahun ini kita nampak ada penambahan dalam program PJK. Inilah satu response yang baik. Begitu juga untuk program jalan luar bandar juga ada tambahan. Jadi, ini juga satu petanda yang baik, iaitu Kerajaan Barisan Nasional memang peka, memang sedar bahawa program-program khasnya PJK ini adalah penting kepada penduduk luar bandar.

Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi menyentuh mengenai KEJORA. Kita mengambil perhatian segala perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Memang kementerian sentiasa mencari jalan untuk mengelakkan sebarang birokratik prosedur yang akan melambat-lambatkan atau menyusahkan pengurusan-pengurusan yang dijalankan di mana-mana peringkat. Maka kementerian akan berusaha untuk menentukan segala pengurusan yang harus dibuat dengan cepat dan tidak dihalang dengan pelbagai remeh-temeh birokrasi.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dan apa-apa perkara yang tidak dijawab di sini akan diambil perhatian oleh pegawai-pegawai kementerian, dan kita berharap kita dapat bersama-sama berjuang, berusaha, membantu masyarakat luar bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM286,861,200 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM286,861,200 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,046,839,910 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,046,839,910 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

Maksud B.49 [Jadual] -

Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan, 1999] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong, lima minit.

5.27 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Macam mana, tidak ada orang langsung. Saya ambil masa sedikit, Tuan Pengerusi, kerana saya tidak sangka.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Jangan kacau, kita tolong ini. Tuan Pengerusi, muka surat 445 Butiran 030000 – Kawal Selia Telekom.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sila gulung! [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Apa hendak gulung pula, Chenderoh. Saya bangkit hal ini kerana hampir tiap-tiap minggu saya terima aduan kerana perkhidmatan telefon terputus. Misalnya, semalam saya terima aduan dari Kampung Baru, Batu 11, Cheras. Sebagai Ahli Parlimen kita terima aduan daripada banyak tempat, mungkin dari Chenderoh juga. Aduannya mengenai pihak Telekom tidak memperbaiki talian-talian yang terputus. Kejadian ini berlaku kerana petir. Di sini saya menyeru supaya pihak Telekom sekarang dengan adanya kementerian yang baru, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, ini bermakna kementerian ini sudah merancang untuk melompat ke millennium baru. Kalau kita hendak melompat ke millennium baru setakat mengadakan nama yang baru, itu tidak cukup. Daripada akar umbinya usaha-usaha untuk memperbaiki perkhidmatan lanjutan memang perlu ditekankan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Boleh sambung hari Isnin.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10 pagi hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.